

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Program j-QAF adalah program terbaru diperkenalkan dalam sistem pendidikan sekolah rendah di Malaysia. Perkataan j-QAF adalah singkatan bagi Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain. Program ini mula dicetuskan oleh Y. A. B. Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi yang telah dinyatakan secara khusus semasa lawatannya ke Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada 30 Disember 2003. Cetusan idea ini telah diperhalusi di peringkat Kementerian Pelajaran melalui satu seminar j-QAF pada 3 hingga 5 Mac 2004. Program ini telah dijalankan secara uji kaji dalam projek rintis selama tiga bulan dan berakhir pada bulan Julai 2004. Perdana Menteri telah bersetuju program ini dilaksanakan mulai tahun 2005.¹ Justeru, KPM telah menggubal dan merancang model dan modul program j-QAF, setelah meneliti dan menambah baik beberapa aspek hasil projek rintis.

Program j-QAF mula dijalankan secara berperingkat. Sebanyak 1221 buah Sekolah Kebangsaan seluruh negara telah terlibat dalam pelaksanaan program j-QAF peringkat pertama (tahun 2005).² Program ini bermula dengan kelas Tahun Satu. Beberapa perubahan berlaku terutamanya dalam pengagihan waktu Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Pendidikan Islam di Tahun Satu.

¹ JAPIM (2004), *Buku Panduan Dasar Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*. Kuala Lumpur: KPM, h. 1.

² *Ibid.*, h. 2.

Guru-guru yang mengajar j-QAF adalah diambil dari graduan-graduan bidang Pengajian Islam dari seluruh negara. Mereka ditawarkan mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) secara Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) di Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM), Bahagian Pendidikan Guru (BPG).³ Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menetapkan jangka masa hingga tahun 2010 untuk menjalankan program ini secara menyeluruh di seluruh sekolah rendah di Malaysia.⁴ Walau bagaimanapun setiap negeri tidak terkecuali dari pelaksanaan program ini sejak pertama kali ia diperkenalkan. Perincian unjuran penyertaan j-QAF seluruh negara diperjelaskan melalui jadual 2.1 dalam bab dua.

Kurikulum j-QAF mempunyai lima buah model yang perlu dilaksanakan. Model tersebut adalah Model Pemulihan Jawi, Model Bahasa Arab Komunikasi, Model Khatam al-Quran Enam Bulan, Model Tasmik dan Model Bestari Solat. Program j-QAF berhasrat melahirkan murid di sekolah rendah yang boleh membaca al-Quran hingga khatam, menguasai Bahasa Arab Komunikasi, asas-asas Fardu Ain dihayati dan jawi diperkukuhkan semula di sekolah rendah. Program ini merupakan usaha memperkasakan pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah rendah.⁵ Memandangkan program ini baru diperkenalkan, penyelidik merasa amat wajar dikaji tentang pelaksanaannya. Dalam bab ini, latar belakang, rasional, pernyataan masalah, objektif, soalan-soalan kajian, signifikan kajian, batasan kajian dan definisi

³ *Ibid.*, h. 8.

⁴ JAPIM (2006), *Buku Panduan Pelaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum j-QAF Tahun 1*. Kuala Lumpur: KPM, h. VII.

⁵ JAPIM (2004), *j-QAF Buku Panduan Pelaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: KPM, h. 1.

operasional akan dikemukakan. Di akhir bab, rumusan dibuat bagi kandungan keseluruhan bab ini.

1.2 Latarbelakang

Dalam bahagian ini penyelidik memulakan dengan senario perkembangan Pendidikan Islam bermula daripada zaman Rasulullah S.A.W., zaman para sahabat sehinggalah ke hari ini, Pendidikan Islam tersebar ke seluruh dunia hinggalah ke Malaysia. Penyelidik bertujuan memperlihatkan senario perkembangan kurikulum Pendidikan Islam dengan menggunakan pendekatan metod historis dalam kajian ini (metodologi penyelidikan dihuraikan dengan terperinci dalam bab tiga). Ini akan dapat memperjelaskan lagi senario perkembangan Pendidikan Islam sehingga munculnya kurikulum j-QAF.

Pendidikan dalam Islam mempunyai kedudukan yang amat penting sekali. Ia menjadi bidang yang tidak dapat dipisahkan dalam Islam dan merupakan ibadat yang besar. Kedudukan dan kepentingan pendidikan itu amat jelas apabila kita meneliti ayat al-Quran yang pertama diturunkan. Ia tidak dimulai dengan perintah yang berhubung dengan perkara lain seperti solat, tetapi dimulakan dengan perintah yang berhubung dengan pendidikan.⁶

⁶ Ahmad Mohd Salleh (1997/2004), *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Edisi Semakan 2004. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, h. 1.

Firman Allah:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾
أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ﴿٤﴾

(Al-Quran, Al-Alaq: 1-4)

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang mencipta (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia daripada sebuku darah beku; bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan.⁷

Wahyu ini ialah perintah Ilahi kepada rasul-Nya S.A.W supaya mengisytihar dan menyebarkan risalah kepada semua umat manusia. Wahyu yang pertama ini mengandungi perintah yang menyuruh manusia belajar mengenal Tuhan, memahami fenomena alam dan diri sendiri serta menghayati bahawa cara hidup yang baik adalah tergolong dalam prinsip akidah, ilmu dan amal. Ketiga-tiga perkara ini pula dianggap sebagai teras kepada Falsafah Pendidikan Islam.⁸

Pengertian pendidikan dalam keseluruhan pengertian dalam konteks Islam wujud dalam konotasi istilah *tarbiyah*, *ta'lim* dan *ta'dib*.⁹ Perkara yang disampaikan oleh setiap istilah ini mengenai manusia dan masyarakat mereka dan persekitaran dalam hubungannya dengan Tuhan, adalah berkaitan dengan yang lain-lain. Semuanya itu memperlihatkan ruang lingkup pendidikan dalam Islam, sama ada yang

⁷ Sheikh Abdullah Basmeih (1992), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri., h. 1704.

⁸ *Ibid.*, h. 2.

⁹ Syed Muhammad al-Naqib al-Attas (1992), *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Samsudin Jaapar (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., h. 15.

formal dan yang tidak formal. Turki Rabih menyatakan bahawa Islam ialah agama dan negara, akidah dan syariat. Justeru, Pendidikan Islam adalah program menuju kepada matlamat membentuk peribadi manusia yang seimbang daripada segi kerohanian dan kebendaan serentak dalam satu masa.¹⁰

Al-Jundi menyatakan bahawa Islam memahami pendidikan atau *tarbiyah* sebagai suatu persediaan roh dan jiwa seseorang untuk menerima pelajaran dan pengetahuan melalui cara yang dirancang. Manakala tujuan Pendidikan Islam lebih luas dan *syumul* iaitu membentuk warganegara yang baik untuk melahirkan insan soleh yang tidak mengenal batas masa, negeri dan bangsa, malahan menuju kepada Allah dan alam akhirat. Rasulullah pernah menerangkan tujuan *tarbiyah* yang Baginda terima dengan sabdanya yang menyatakan baginda diutuskan hanyalah semata-mata untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.¹¹

1.2.1 Perkembangan Pendidikan Islam

Perbincangan tentang perkembangan Islam pada zaman Rasulullah juga merangkumi soal-soal pendidikan. Ia seolah-olah satu kemestian, kerana pendidikan yang dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W merupakan akar perkembangan Islam pada zaman tersebut. Penurunan ayat-ayat al-Quran kepada Rasulullah S.A.W di Gua Hirak merupakan titik tolak permulaan Pendidikan Islam.

Pendidikan Islam dari zaman Rasulullah S.A.W telah melalui pelbagai tahap seperti tahap rahsia, iaitu dalam kalangan kaum keluarga dan sahabat baginda yang

¹⁰ Ahmad Mohd Salleh (1997/2004), *op.cit.*, h. 4.

¹¹ *Ibid.*

terdekat. Kemudian tahap terbuka dan terus terang bermula apabila Rasulullah menerima perintah seperti yang tercatat dalam surah al-Hijr ayat 94. Pusat Pendidikan Islam bukan lagi hanya tertumpu di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam sahaja, tetapi meliputi segenap ceruk rantau kota Makkah.¹²

Perkembangan Pendidikan Islam semakin berkembang di Madinah. Jika dilihat daripada kurikulum pendidikan pada peringkat ini, isi pengajaran dan matlamat pendidikan adalah untuk memenuhi tuntutan perundangan dan perhubungan antarabangsa. Pendidikan bertumpu di institusi masjid dengan menggunakan kaedah dan teknik *halaqah* dan *usrah*.¹³

Pendidikan Islam terus berkembang sehingga zaman Khulafa al-Rasyidin. Pada zaman ini pengumpulan dan penulisan semula ayat-ayat al-Quran dalam sebuah mushaf dilaksanakan oleh khalifah Abu Bakar al-Siddiq.¹⁴ Pada zaman kerajaan Bani Umayyah pula, para sahabat dan tabi'in berlumba-lumba mewujudkan institusi pengajian Islam, di masjid-masjid, *kuttab*, istana dan rumah. Sebagai contoh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik telah berusaha mengembangkan ilmu pengetahuan dan menghapuskan masalah buta huruf di kalangan umat Islam.

Zaman kemajuan dan kegemilangan ilmu pengetahuan dan Pendidikan Islam terserlah pada zaman kerajaan Bani Abbasiyah, terutamanya semasa pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid dan khalifah al-Makmun. Di samping institusi masjid, surau, *kuttab* dan istana, pusat pengajian yang lebih moden dan lengkap didirikan di

¹² Mahayudin Hj. Yahaya (1998/2000), *Tamadun Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 299-300.

¹³ *Ibid.*, h. 301-302.

¹⁴ *Ibid.*, h. 302-304.

seluruh negara. Terutamanya di kota Baghdad, Madinah, Kufah dan lain-lain. Pusat pengajian tersebut terkenal sebagai madrasah yang mencakupi pengajian peringkat rendah, menengah dan tinggi.

1.2.2 Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia

Pendidikan Islam turut sampai dan berkembang hingga ke Kepulauan Tanah Melayu. Kedatangan agama Islam ke Alam Melayu berlaku sekitar 630 Masihi,¹⁵ iaitu di zaman hayat Rasulullah S.A.W atau di pertengahan abad ke-7 Masihi yang dibawa oleh pedagang Arab. Dengan semangat dakwah Islamiah yang membara dan memikul tanggungjawab sebagai umat Islam, pedagang-pedagang tersebut tidak ketinggalan memperkenalkan Islam di rantau ini.

Berdasarkan kenyataan yang disebut dalam dokumen Sejarah Melayu dan Hikayat Abdullah, dapat difahami bahawa perkembangan Pendidikan Islam di Semenanjung Tanah Melayu telah bermula sejak abad ke-15 lagi. Sehubungan dengan itu dapat difahami bahawa sejak mula diperkenalkan, pendidikan tersebut terus berkembang. Kajian yang dibuat setakat ini telah menunjukkan bahawa Pendidikan Islam di negara ini bermula dari rumah imam atau guru, kemudian berkembang menjadi pondok, selepas itu menjadi madrasah dan akhirnya menjadi sekolah-sekolah agama.¹⁶ Seterusnya sistem sekular telah diperkenalkan.¹⁷

¹⁵ Ahmad Mohd. Salleh (1997/2004), *op.cit.*, h. 47.

¹⁶ *Ibid.*, h. 48-53.

¹⁷ *Ibid.*

1.2.2.1 Rumah Imam atau Guru

Pendidikan Islam di Tanah Melayu berlangsung di rumah guru sebelum wujudnya sistem persekolahan. Mereka yang berkebolehan dalam bidang agama menjadi tumpuan untuk proses sosialisasi kanak-kanak dan orang dewasa berasaskan ajaran Islam. Pendidikan Islam di rumah guru biasanya diberi sesudah solat Subuh, Zohor atau Maghrib. Murid-murid diajar mengenali huruf-huruf jawi sebagai panduan untuk membaca al-Quran. Apabila telah dapat membaca al-Quran, seseorang murid akan dapat mendirikan solat dengan bacaan yang betul.

Pelajaran yang diberikan hanyalah pelajaran asas, iaitu membaca al-Quran, cara-cara sembahyang, berpuasa dan perkara-perkara penting yang sepatutnya diketahui oleh orang Islam termasuklah cara-cara bersuci dan penentuan benda-benda halal dan haram serta dosa dan pahala.¹⁸

Bilangan mereka yang datang belajar di rumah guru bertambah dari semasa ke semasa hingga keadaan menjadi sesak. Bagi mengatasinya, timbullah idea untuk mendirikan surau. Maka pembelajaran pun berpindah dari rumah guru ke surau atau masjid. Ada antara pelajar yang datang dari jauh. Ini mewujudkan masalah berulang alik atau tempat tinggal. Apabila pelajar yang datang dari jauh ini semakin bertambah, pondok-pondok kecil didirikan di persekitaran rumah guru. Dengan ini, wujudlah apa yang disebut sebagai sistem pondok.¹⁹

¹⁸ Awang Had Salleh, Arfah Abdul Aziz, Abdul Rahim Mohd Yusof, Fatimah Hamid Don dan Khoo Phon Sai (1978), "A Critical Review of Research in Malaysia on Effectiveness of Teacher" (Universiti Malaya) h. 1 – 21.

¹⁹ Ahmad Mohd Salleh (1997/2004), *op.cit.*, h. 49.

1.2.2.2 Sekolah pondok

Perkataan ‘pondok’ berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud tempat menginap atau hotel. Jika di Indonesia sekolah pondok disebut sebagai ‘pesantren’. Pesantren adalah merupakan sekumpulan rumah yang terletak di sekeliling masjid atau rumah tuan guru.²⁰

Di Kelantan, sekolah pondok mula diperkenalkan pada awal abad ke-19. Sementara itu, pada tahun 1870-an telah terdapat sekurang-kurangnya lapan buah sekolah pondok di negeri Kedah. Kemunculan institusi pondok adalah kerana peranan para ulama yang mahir dalam pengajian Islam contohnya Tok Kenali.²¹ Sistem Pendidikan Islam tradisional menuju ke zaman kegemilangan pada abad ke-20. Ini kerana ulama yang terdahulu telah berjaya melahirkan murid-murid yang berkebolehan dan menanamkan semangat cintakan agama dalam kalangan masyarakat khususnya di Kelantan. Ini diikuti pula oleh terjemahan dan karangan kitab-kitab agama oleh guru-guru yang berdedikasi.

Antara pelajaran yang disampaikan di sekolah pondok ialah Tauhid, Fikah, Tasawuf, Usul Fikah dan Tarekat Islam. Pembelajaran institusi pondok berbentuk *umumi*, iaitu menggunakan kitab, di mana para pelajar duduk mengelilingi tok guru. Pembelajaran disampaikan dengan membaca kitab dan memberi huraian.²² Pada keseluruhannya, kurikulum institusi pondok Tanah Melayu tidak mempunyai bentuk

²⁰ Abdul Samat Musa (1976), “Sistem Pendidikan Islam di Kelantan Selepas Merdeka” (Latihan Ilmiah, Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 5

²¹ Mohd. Yusuf Ahmad (2007), *Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd., h. 135-138.

²² Ezad Azraai Jamsari, Roziah Sidik, Nasrudin Yunos, Zulkarnain Mohamed (2004), *Pengajian Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 70 - 73

yang selaras, yang dapat dijadikan panduan kepada tokoh-tokoh lain. Setiap pondok mempunyai satu bentuk kurikulum tersendiri mengikut budi bicara tok guru masing-masing yang bertindak sebagai penggubalnya. Tidak dapat dinafikan terdapat persamaan dari segi jenis mata pelajaran yang diajar, iaitu ia mencakupi mata pelajaran Agama Islam sahaja tanpa panduan daripada pelajaran akademik yang lain.

1.2.2.3 Madrasah

Menurut sejarah, pada tahun-tahun terakhir abad ke-19, terdapat ramai pelajar dari Semenanjung Tanah Melayu yang menuntut ilmu di Makkah dan Mesir. Antara pelajar Melayu yang mula-mula belajar di Universiti al-Azhar ialah Syed Sheikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin. Apabila kembali ke Semenanjung Tanah Melayu, mereka berusaha untuk mengubah sikap orang Melayu supaya memahami Islam dalam bentuk yang lebih lengkap.

Majalah al-Imam yang diterbitkan oleh Syed Syeikh al-Hadi pada tahun 1906 cuba menyedarkan masyarakat Islam supaya mengubah sistem pendidikan yang sedia ada supaya menjadi institusi yang dapat mendidik masyarakat yang mampu menentang pengaruh sekular Barat serta dapat mengambil alih pentadbiran negara yang dipegang oleh penjajah. Hasil daripada itu, lahirlah sebuah madrasah di Bukit Mertajam, Seberang Perai pada tahun 1906. Madrasah tersebut dikenali dengan nama al-Madrasah al-Misriyah. Kurikulum madrasah lebih sistematik dan formal. Ia meliputi fardu ain dan fardu kifayah seperti Bahasa Arab, Ilmu Hisab, Ilmu Alam dan lain-lain mata pelajaran yang dianggap penting dalam Pendidikan Islam.²³ Dalam

²³ *Ibid.*, h. 73

sistem madrasah, mata pelajaran Islam sudah tidak tertumpu kepada soal-soal ibadat dan tauhid semata-mata, tetapi lebih komprehensif dengan memasukkan juga kurikulum mata pelajaran lain yang amat berguna dalam Pendidikan Islam, iaitu bahasa Arab, Ilmu Hisab, Geografi dan lain-lain mata pelajaran yang boleh menolong pelajar-pelajar mendapat pendidikan yang sempurna.²⁴

1.2.2.4 Sistem Sekular

Setelah merdeka, sekolah-sekolah agama atau madrasah menghadapi satu cabaran yang belum pernah berlaku dalam sejarah perkembangannya di Semenanjung Tanah Melayu, iaitu kelahiran dasar pelajaran kerajaan Malaysia yang sekular. Ini mengakibatkan akhirnya sekolah-sekolah agama menjadi lumpuh. Hal ini kerana, dasar pelajaran kerajaan ini melalui Penyata Razak 1956 dan Penyata Abdul Rahman Talib 1960, memberi gambaran yang amat berbeza dari segi sistem pelajaran madrasah. Jaminan ekonomi lebih jelas bagi pelajar yang lulus daripada sekolah kerajaan. Oleh sebab rakyat Malaysia menyedari bahawa ekonomi merupakan satu daripada faktor asas dalam kehidupan manusia, maka tidak hairanlah jika ibu bapa lebih banyak dan tertarik menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah kerajaan.²⁵

Sekolah-sekolah agama atau madrasah menjadi lumpuh kerana dua faktor utama, iaitu kekurangan pelajar dan sumber kewangan. Dalam peringkat inilah kerajaan mendapat peluang untuk campur tangan dengan mengambil alih sekolah-

²⁴ Ahmad Mohd. Salleh (1997/2004), *op. cit.*, h. 52.

²⁵ *Ibid.*, h. 53.

sekolah agama atau madrasah yang lumpuh itu dengan mengubahsui kurikulumnya kepada kurikulum yang lebih selari dengan Dasar Kerajaan Malaysia.²⁶

1.2.2.5 Pendidikan Islam Selepas Merdeka

Dalam kedua-dua Penyata Razak 1956 dan Penyata Rahman Talib 1960, Pendidikan Islam telah dibicarakan untuk diletakkan ‘bersama’ di dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Akta Pelajaran 1961 telah memasukkan mata pelajaran Agama Islam di dalam jadual waktu dengan peruntukan masa belajarnya sebanyak 120 minit seminggu. Hasil dari permintaan dan desakan gerakan Islam pada tahun 70-an, mata pelajaran agama Islam telah ditambah dari 120 minit kepada 240 minit seminggu. Akhir tahun 1980-an merupakan tahun-tahun reformasi dan penjelmaan kembali Pendidikan Islam dalam Sistem Pendidikan Negara. Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dengan berani menjadikan ‘kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan’ sebagai teras pendidikan. Malahan tidak keterlaluan jika FPN telah mendokong cita-cita dan hasrat Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Kemudian, FPN telah ditambah baik menjadi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) pada tahun 2001 seperti berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”²⁷

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Pusat Perkembangan Kurikulum (2001), *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 3.

Bertolak dari FPK, keseluruhan struktur Kurikulum Pendidikan Kebangsaan telah diubahsuai agar setiap mata pelajaran sama-sama mendokong cita-cita FPK dengan menerapkan nilai-nilai murni yang sejagat. Malahan dari segi pendekatan pengajarannya, terdapat beberapa mata pelajaran telah diserapkan dengan akidah dan syariat Islamiah.

Usaha mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan penguasaan ilmu Pendidikan Islam di sekolah-sekolah di Malaysia telah melalui perubahan demi perubahan. Sistem Pendidikan Islam bermula dari kurikulum, sukatan dan pelaksanaan sentiasa diperbaiki dari masa ke semasa demi untuk mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Islam.

1.2.3 Perkembangan Kurikulum Pendidikan Islam

Kurikulum pendidikan pada zaman Rasulullah pada tahap terus terang dan terbuka lebih tertumpu kepada pembentukan akidah tauhid. Isi pelajaran yang disampaikan oleh Rasulullah lebih menumpu kepada menolak segala adat istiadat, kepercayaan dan cara beribadat kaum Jahiliyah yang mensyirikkan Allah S.W.T.

Struktur Pendidikan Islam telah disusun oleh Rasulullah dalam beberapa bentuk iaitu pendidikan umum, pendidikan khusus dan pendidikan institusi. Pendidikan umum dijalankan oleh Rasulullah atau para sahabat dengan menyampaikan pidato selepas solat fardu atau selepas solat Jumaat. Kurikulum pada peringkat ini merangkumi bidang akidah, syariat, muamalat dan lain-lain.

Pendidikan khusus pula ialah pengajaran yang berbentuk khusus yang diberikan oleh baginda kepada orang yang tertentu tanpa mengira tempat dan masa. Sahabat-sahabat Rasulullah seperti Abu Hurairah, Abu Dzar al-Ghiffari, Salman al-Farisi dan Abu Bakar al-Siddiq adalah antara orang yang sering mendapat pendidikan khusus berupa teguran dan tunjuk ajar secara langsung.²⁸

Pendidikan institusi pula merupakan inti Pendidikan Islam pada peringkat Madinah. Pendidikan bentuk ini banyak melahirkan cendekiawan Islam pada masa selanjutnya. Di Madinah, pendidikan institusi ini dapat dibahagikan kepada dua struktur. Pertama, pendidikan awal untuk mengenal huruf, menulis dan membaca, dan kedua pendidikan khusus yang dihadiri oleh ahli Suffah. Pendidikan awal iaitu merangkumi peringkat menulis dan membaca. Pada zaman Rasulullah dan sahabat, peringkat ini diberikan kepada kanak-kanak Islam. Sebagai contoh tawanan perang Badar yang tidak mampu menebus diri mereka dengan wang, Rasulullah S.A.W mensyaratkan mereka mengajar menulis dan membaca 10 orang kanak-kanak Islam di Madinah sehingga pandai untuk proses membebaskan diri tawanan tersebut.²⁹

Kurikulum zaman Khulafa al-Rasyidin bukan sahaja memberi penekanan serius terhadap ilmu pengetahuan yang bersifat kerohanian, bahkan juga ilmu pengetahuan yang berbentuk fizikal atau jasmani seperti berenang, menunggang kuda dan memanah. Ini jelas dalam perutusan khalifah Umar al-Khattab kepada gabenor-

²⁸ Muhammad Husain Haekal (1981), *Sejarah Hidup Nabi Muhammad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 30-109

²⁹ *Ibid.*

gabenor wilayah, antaranya menyebut: “*Ajarlah anak-anak kamu berenang, menunggang kuda dan riwayat-riwayat yang baik dan syair-syair yang indah.*”³⁰

Kurikulum Pendidikan Islam pada zaman Umayyah pula ialah selain pelajaran membaca, menulis dan pelajaran al-Quran, pelajaran ilmu tafsir, hadis, fikah, bahasa Arab, kesusasteraan Arab juga diajarkan. Kurikulum di zaman Abbasiyah termasuklah akidah dan syariah, ilmu hisab, kimia, astronomi, mantik, falsafah kemanusiaan, sejarah, seni muzik dan seni binaan. Kursus pengajian dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat permulaan, menengah dan pakar.

Kurikulum zaman Umayyah dan Abbasiyah menekankan pembelajaran awal kanak-kanak membaca al-Quran, menulis, mempelajari asas-asas agama, bahasa dan ilmu Hisab. Apabila berjaya, mereka dilatih pula untuk menulis beberapa potongan ayat di atas papan tulis, kemudian disuruh menghafalnya. Kaedah dan teknik tersebut dapat menolong pelajar menambahkan kemahiran menulis, membaca dan menghafal al-Quran. Para pelajar biasanya tidak mempunyai buku tulis, kecuali buku bacaan. Kebanyakan yang ditulis terpaksa dihafal, antaranya hadis, sejarah, tatabahasa, kesusasteraan Arab dan ilmu hisab.³¹

Bukan sahaja kurikulum ilmu fardu ain berjaya dikembangkan ke seluruh wilayah Islam bahkan ilmu fardu kifayah juga diperkenal dan diperkembangkan. Hasil pengorbanan para sahabat dan tabi'in ini, kerajaan Islam berjaya melahirkan ilmuan Islam dalam pelbagai bidang seperti Abu Hanifah, Malik, Syafie dan Ahmad

³⁰ Ahmad Mohd. Salleh (1997/2004), *op.cit.*, h. 44.

³¹ *Ibid.*, h. 45.

bin Hambal dalam bidang perundangan Islam. Begitu juga al-Khalil, Abdul Qahir al-Jurjani dan al-Jahiz dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Arab.

1.2.4 Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia

Pendidikan Islam dalam konteks kajian ini adalah merujuk kepada mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah yang digubal oleh Unit Kurikulum, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, KPM.

Bagi Pendidikan Islam di Malaysia, Kementerian Pendidikan telah menggariskan beberapa ciri utama kurikulum Pendidikan Islam iaitu:³²

1. Mengekalkan kesinambungan dan keseimbangan di peringkat KBSR dan KBSM.
2. Menjelmakan kesepaduan ilmu.
3. Penggabungan antara Fardu Ain dan Fardu Kifayah.
4. Menekankan pembentukan dan pembangunan insan mulia yang berkeupayaan menyumbang ke arah pembangunan tamadun bangsa dan negara.
5. Penulisan buku teks perlu mengekalkan tradisi penulisan sebenar ilmu Islam dalam penulisan buku teks.

Pelaksanaan Pendidikan Islam dalam Pendidikan Kebangsaan berdasarkan perakuan-perakuan yang terkandung dalam Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961. Ketiga-tiga perakuan memperuntukkan supaya mata pelajaran Pendidikan Islam diajar di mana-mana sekolah yang didaftarkan apabila terdapat sekurang-kurangnya 15 orang murid beragama Islam.

³² JAPIM (2003), *Keperihalasan Dasar dan Prinsip Kurikulum Semakan Tahun 2003: Pendidikan Islam dan Bahasa arab KBSR/KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 4-11.

1.2.4.1 Kurikulum Pendidikan Islam KBSR

Kurikulum Baru Sekolah Rendah telah menjalani tempoh percubaan di 305 buah sekolah seluruh Malaysia pada tahun 1982. Kemudian, pelaksanaan penuh di semua sekolah telah dilaksanakan pada tahun 1983. Pada tahun 1993 penggunaan istilah Kurikulum Baru Sekolah Rendah telah ditukar kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Konsep Bersepadu membawa maksud unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai digabungkan, supaya wujud kesepaduan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Ianya merangkumi aspek teori dan amali serta nilai murni bagi melahirkan insan yang seimbang. Pembelajaran di bilik darjah juga hendaklah diperkukuhkan melalui kokurikulum.³³

Pendidikan Islam sekolah rendah adalah pendidikan awal untuk memenuhi tuntutan fardu ain. Pendidikan awal yang disediakan ini selaras dengan proses perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani murid-murid. Kurikulum Pendidikan Islam telah disemak semula untuk memenuhi tuntutan-tuntutan masa kini dan masa hadapan. Sukatan ini menggantikan Sukatan Pelajaran Agama Islam Sekolah Rendah, Kementerian Pendidikan Malaysia yang diterbitkan pada tahun 1977 dan dilaksanakan pada tahun 1983.

Tumpuan utama Pendidikan Islam sekolah rendah adalah kepada bidang Asuhan Tilawah al-Quran, bidang Asas Ulum Syariah dan bidang Asas Akhlak Islamiah. Ketiga-tiga bidang ini merupakan fardu ain kepada setiap murid. Murid-murid bukan sahaja dikehendaki mempelajarinya, malahan mereka dikehendaki

³³ Pusat Perkembangan Kurikulum (1993), *KBSR Secara Menyeluruh*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 1.

mengamal dan menghayatinya. Kandungan kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah dibahagikan kepada empat bidang iaitu bidang asuhan tilawah al-Quran, bidang asas ulum syariah, bidang asas akhlak dan bidang pelajaran jawi.³⁴

1.2.4.1.1 Jawi

Salah satu perkara yang berkaitan dengan agama Islam yang dipelajari oleh murid-murid di peringkat sekolah rendah ialah Pendidikan Islam dalam tulisan jawi. Ianya merupakan aspek yang ditekankan melalui kurikulum Pendidikan Islam. Aspek asas jawi membolehkan murid mengecam dan membunyikan huruf jawi iaitu pergerakan mata dan tangan mengikut bentuk huruf, sukukata dan perkataan mudah.³⁵

Kedudukan tulisan jawi dalam akta Bahasa Kebangsaan 63/67 Ceraian 9 yang berkuatkuasa mulai April 1963 menyatakan bahawa: “ *Tulisan bagi Bahasa Kebangsaan ialah tulisan rumi, dengan syarat bahawa dengan ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu yang lebih dikenali dengan tulisan jawi bagi Bahasa Kebangsaan.*”

Tulisan jawi mencampurkan huruf-huruf Arab yang terdiri daripada 30 huruf termasuk huruf Hamzah dan Lam Alif, enam huruf bukan Arab yang dicipta oleh orang Melayu yang lazim pada lidah Melayu.³⁶ Penyelidik menganggap pertambahan huruf tersebut telah memperluaskan lagi kaedah dan teknik penggunaan tulisan jawi dalam Bahasa Melayu.

³⁴ Pusat Perkembangan Kurikulum (2002), *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSR*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 3

³⁵ Siti Fatimah Saufee (2007), *Penguasaan Tulisan Jawi di kalangan Murid-murid Tahap Satu di Salah Sebuah Sekolah Rendah di Daerah Meradong, Bintangor Sarawak*, j. 18. Rajang: Institut Perguruan Rajang, h. 3

³⁶ Bengkel Penulisan Jawi (2006). “Modul Jawi Pak Matlob”, CD.

Manakala kandungan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah dalam bidang pelajaran jawi adalah memberi tumpuan kepada:³⁷

- a. Menulis tulisan jawi dengan baik
- b. Membaca tulisan jawi dengan lancar
- c. Mempelajari asas seni tulisan jawi

1.2.4.1.2 Al-Quran

Kandungan kurikulum bidang asuhan tilawah al-Quran memberi tumpuan kepada:³⁸

- a. Membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul dan fasih
- b. Menghafaz ayat-ayat al-Quran tertentu dengan betul dan fasih
- c. Memahami pengertian surah-surah tertentu daripada juzu' Amma dan menghayati pengajarannya.

1.2.4.1.3 Fardu Ain

Di dalam KBSR program Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) telah diperkenalkan. Begitu juga kurikulum bidang asas Ulum Syariah yang memberi tumpuan untuk penanaman akidah serta pengetahuan mengenai peraturan ibadat. Percontohan dan pengambilan iktibar daripada sirah Rasulullah S.A.W juga dimasukkan dalam sukatan ini.³⁹

³⁷ Pusat Perkembangan Kurikulum (2002), *op.cit.*, 4.

³⁸ *Ibid.*, h. 5.

³⁹ *Ibid.*, h. 6.

1.2.4.2 Kurikulum Pendidikan Islam Baru (semakan 2003)

Menyentuh mengenai kurikulum pengajaran agama Islam di Malaysia, perubahan demi perubahan telah dilakukan oleh KPM demi meningkatkan hasrat falsafah dan matlamat Pendidikan Islam. Jemaah menteri dalam mesyuaratnya pada 27 Januari 1999, telah meminta supaya Kementerian Pendidikan menyemak semula kurikulum Pendidikan Islam dan memberi penekanan kepada kandungan teks kurikulum dan kaedah dan teknik penyampaian yang lebih berkesan kepada pelajar-pelajar sekolah. Kali terakhir kurikulum Pendidikan Islam telah disemak pada tahun 1996.⁴⁰

Mata pelajaran Pendidikan Islam Teras KBSR mula diperkenalkan pada tahun 1983. Kurikulum Pendidikan Islam KBSR ini telah disemak pada 1996. Pada tahun 2000 kurikulum Pendidikan Islam ini disemak sekali lagi dengan memberi tumpuan kepada kandungan kurikulum dan kaedah dan teknik pengajaran.

Apabila melihat buku panduan Keperihalan Dasar dan Prinsip Kurikulum Semakan tahun 2003 bagi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab KBSR/KBSM, mulai tahun 2003 Kementerian Pendidikan juga telah melakukan beberapa perubahan dalam kurikulum Pendidikan Islam bertujuan menjadikannya sejajar dengan perkembangan semasa dan membolehkan perubahan dalam pedagogi.

Status mata pelajaran ini adalah mata pelajaran teras yang wajib diambil oleh semua murid Islam. Bagi mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah peruntukan masa ialah 180 minit seminggu yang boleh dibahagikan kepada enam waktu dengan

⁴⁰ JAPIM (2003), *op.cit.*, h. 3

30 minit setiap waktu. Pelajaran ini diambil oleh semua murid Islam daripada tahun satu hingga tahun enam.

Objektif Pendidikan Islam ialah murid dapat:

1. Membaca surah-surah terpilih daripada juzuk Amma dengan betul dan fasih, untuk memupuk minat membaca al-Quran dan menjadi amalan.
2. Menghafaz ayat-ayat lazim yang terpilih untuk bacaan dalam solat dan ibadat harian.
3. Memahami maksud beberapa surah yang dipelajari dan menghayati pengajarannya ke arah meyakini al-Quran sebagai rujukan petunjuk Allah.
4. Memahami dan meyakini asas-asas keimanan sebagai pegangan akidah dan benteng keagamaan.
5. Mengamalkan ibadat-ibadat asas dalam Fardu Ain serta memahami Fardu Kifayah sebagai tuntutan kewajipan umat Islam.
6. Memahami dan mengambil iktibar dengan sirah Rasulullah S.A.W sebagai asas perkembangan tamadun manusia.
7. Mengamalkan adab dan menghayati nilai-nilai akhlak dalam kehidupan seharian.
8. Membaca dan menulis Jawi serta mencintainya sebagai warisan budaya bangsa.

Kandungan kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah (Semakan) dibahagikan kepada empat bidang iaitu:⁴¹

a. Bidang Asuhan Tilawah al-Quran

Bidang ini memberi tumpuan kepada :

1. Membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul dan fasih.
2. Menghafaz ayat-ayat al-Quran tertentu dengan betul dan fasih.
3. Memahami pengertian surah-surah tertentu daripada juzuk Amma (juzuk 30) dan menghayati pengajarannya.

⁴¹ *Ibid.*, h. 4-11.

b. Bidang Asas Ulum Syarriyah

Bidang ini memberi tumpuan kepada :-

1. Penanaman akidah, pembentukan sikap dan tanggungjawab terhadap Allah S.W.T.
2. Pengetahuan mengenai peraturan ibadat yang ditentukan oleh Allah S.W.T dan melaksanakannya.
3. Percontohan dan pengambilan iktibar daripada sirah Rasulullah S.A.W.
4. Implikasi akidah, ibadah dan sirah dari segi tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

c. Bidang Asas Akhlak Islamiah

Bidang ini memberi tumpuan kepada :

1. Kepatuhan terhadap peraturan dan cara hidup Muslim dalam hubungannya dengan Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W.
2. Kepatuhan terhadap peraturan dan tatacara perhubungan manusia dengan diri sendiri, keluarga, alam sekitar, masyarakat dan negara.

d. Bidang Pelajaran Jawi

Bidang ini memberi tumpuan kepada :-

1. Menulis tulisan Jawi dengan baik.
2. Membaca tulisan Jawi dengan lancar.
3. Mempelajari asas seni tulisan Jawi.

Setelah dikaji, terdapat perbezaan kurikulum KBSR Pendidikan Islam lama (1983-2002) dan kurikulum semakan tahun 2003, iaitu seperti:

- a. Penambahan bidang pelajaran jawi yang mengandungi aspek tulisan dan bacaan di peringkat KBSR dan di peringkat KBSM, di mana sebelum ini bidang jawi hanya digabungjalinkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Pelajaran jawi telah dimasukkan sebagai satu cabang ilmu serta pengekaln warisan budaya bangsa dalam kurikulum.
- b. Tumpuan kurikulum ialah kepada pemupukan asas al-Quran, penguasaan pelajaran jawi, penanaman akidah, bimbingan asas fardu ain dan fardu kifayah.

Kurikulum semakan ini dilaksanakan di sekolah-sekolah secara berperingkat mulai tahun 2003 di tahun satu dan tingkatan empat.⁴²

e. Kurikulum Bahasa Arab

Di dalam buku panduan Keperihalhan Dasar dan Prinsip Kurikulum Semakan tahun 2002 bagi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab KBSR/KBSM, mulai tahun 2002 Kementerian Pendidikan juga telah melakukan beberapa perubahan dalam kurikulum Pendidikan Islam bertujuan menjadikannya sejajar dengan perkembangan semasa dan membolehkan perubahan dalam pedagogi.

Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi (BAK) di Sekolah Kebangsaan bermula dengan projek rintisnya pada tahun 1997. Projek rintis ini melibatkan 97 buah sekolah kebangsaan di seluruh negara. Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Kebangsaan secara rasmi dibuat mulai tahun 1998. Sehingga 31 Disember 2002, terdapat 910 buah sekolah kebangsaan yang menawarkan Bahasa Arab Komunikasi melibatkan 5,828 buah kelas dan 172,941 orang murid.⁴³

Pada tahun 2003, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2002, No. Rujukan : KP(BS) 8591/Jld.XIV/(9) mengarahkan supaya Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Kebangsaan dilaksanakan sepenuhnya. Namun begitu, pada peringkat awal sekolah-sekolah yang telah melaksanakan Bahasa Arab Komunikasi pada tahun 1998 sahaja dibenarkan membuka kelas Bahasa Arab Komunikasi bagi murid-murid Tahun Satu.

⁴² JAPIM (2003), *op.cit.*, h. 6.

⁴³ *Ibid.*, h. 23.

Sehingga kini, sebahagian daripada guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan dan di sekolah menengah diberi tugas untuk mengajar Bahasa Arab Komunikasi. Selain daripada itu, Unit Bahasa Arab, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral telah menggubal semua Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi. Dalam Akta Pendidikan 1996 dinyatakan dengan jelas status Bahasa Arab seperti berikut :

Seksyen 2. (d) di mana kemudahan bagi pengajaran;

- iii. Bahasa Arab, Jepun, Jerman atau Perancis atau mana-mana bahasa asing lain boleh diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat sedemikian.

Pelaksanaan Bahasa Arab sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Pendidikan) 1997 Jadual 3, Jadual 8 dan Jadual 9 seperti berikut :

1.2.1 Bahasa Arab Komunikasi sebagai Mata Pelajaran Tambahan

1.2.2 Bahasa Arab Tinggi sebagai Mata Pelajaran Elektif

Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Pendidikan) 1997 dalam Jadual 13 dan Jadual 14 memperuntukkan waktu minimum seminggu bagi mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan iaitu enam waktu minimum 40 minit dan bagi mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi ialah empat waktu minimum 40 minit.

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2002, No. Rujukan : KP(BS) 8591/Jld.XIV/(9) memperuntukkan waktu minimum seminggu bagi mata pelajaran Bahasa Arab

Komunikasi di Sekolah Kebangsaan iaitu dua waktu minimum 30 minit (satu waktu diambil dari waktu pilihan Guru Besar satu lagi diambil dengan tambahan waktu 30 minit). Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi disediakan bagi enam tahun persekolahan rendah dengan masa 60 minit minimum dalam seminggu (2 waktu minimum 30 minit). Ia mengandungi :⁴⁴

Kemahiran-kemahiran bahasa yang terdiri daripada :

i. Kemahiran Mendengar

Kemahiran Mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati perkara yang didengar. Peringkat kemahiran-kemahiran ini ialah bermula dari pengenalan tentang bunyi huruf dan perbezaan antara keduanya pada sebutan hingga kepada membaca perkataan dan ayat untuk memahami teks yang didengari.

ii. Kemahiran bertutur

Kemahiran Bertutur berkait rapat dengan Kemahiran Mendengar. Kemahiran ini merujuk kepada keupayaan murid menyebut dan bertutur di kalangan mereka. Penekanan diberikan kepada mereka untuk berkomunikasi dengan orang lain menggunakan Bahasa Arab.

iii. Kemahiran Membaca

Kemahiran ini merujuk kepada kemampuan murid dalam membaca perkataan, ayat, dan rencana pendek dengan bacaan yang jelas, betul serta memahaminya.

⁴⁴ JAPIM (2003), *op.cit.*, h.36.

iv. Kemahiran Menulis

Kemahiran ini merujuk kepada keupayaan murid menulis bermula dari menulis huruf, perkataan dan ayat dengan jelas dan betul mengikut kaedah dan teknik penulisan bahasa Arab yang betul.

Setelah meninjau perubahan-perubahan dan pembaharuan-pembaharuan yang sering diusahakan dalam kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia, penyelidik mendapati pihak KPM tidak pernah berputus asa dalam usaha menambah baik PI dalam sistem pendidikan negara. Paling terkini iaitu program j-QAF yang telah dimulakan pada tahun 2005. Program ini berhasrat melahirkan murid-murid di sekolah rendah yang khatam al-Quran, Bahasa Arab diwajibkan, asas-asas fardu ain dihayati dan jawi diperkukuhkan bermula dari sekolah rendah. Program ini juga merupakan usaha untuk memperkasakan pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah rendah.⁴⁵

Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum, model dan modulnya yang tersendiri. Manakala pelaksanaannya menggunakan peruntukan jadual waktu sedia ada. Perancangan kurikulum dan kokurikulum program j-QAF ini dilakukan adalah untuk memberi peluang yang sama kepada setiap murid bagi mendapatkan kemahiran, pengetahuan, nilai, sikap dan amalan-amalan yang diperlukan khususnya kepada murid-murid yang tercicir. Setiap murid diberi bimbingan dan galakan yang seluas-luasnya untuk menguasai kemahiran-kemahiran asas dengan kukuh. Peranan guru adalah untuk memberikan pemuliharaan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan dan

⁴⁵ JAPIM (2005), *Buku Panduan Perlaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum j-QAF Tahun 1*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 2

pengayaan kepada murid-murid. Terdapat dua langkah dalam proses pendidikan yang harus dilakukan oleh guru bagi mencapai matlamat itu, iaitu membina kemahiran asas murid-murid supaya mantap dan menggunakan kemahiran itu untuk memperoleh pengetahuan selanjutnya.

Tanggungjawab melaksanakan program ini dipikul oleh KPM dan usaha merealisasikannya digarap oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM). Manakala pihak yang bertanggungjawab melatih guru-guru j-QAF pula ialah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) (dahulu maktab) seluruh Malaysia. Guru-guru j-QAF ini merupakan pihak yang paling penting dalam memastikan program ini terlaksana dengan berkesannya. Merekalah yang mengajar di sekolah-sekolah rendah seluruh negara dan menjadi agen pelaksana dalam misi dan visi merealisasikan program j-QAF. Guru pelatih j-QAF akan datang ke institut setiap kali cuti sekolah untuk mempelajari aspek personal dan profesional guru j-QAF. Mode KPLI LPBS ini memakan masa selama setahun setengah untuk menjalani latihan perguruan. Guru-guru ini juga menjalani latihan mengajar sepanjang tempoh pengajian mereka di IPGM. Program latihan mengajar telah diperkenalkan berdasarkan ilmu keguruan agar guru pelatih dapat dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran mengajar. Pelaksanaan j-QAF dilaksanakan secara berperingkat- peringkat mulai tahun 2005 sehingga 2010 dengan unjuran pelaksanaannya ditetapkan sebanyak 16 peratus. Dijangka sehingga tahun 2010, bilangan sekolah yang terlibat adalah sebanyak 7835 buah.

Kualiti pendidikan yang dicapai oleh murid-murid sekolah banyak bergantung kepada kualiti guru, sama ada guru itu mengajar di sebuah sekolah yang mempunyai

segala kemudahan ataupun guru itu bertugas di dalam kumpulan murid sedikit atau ramai. Allan A. Glatthorn menyatakan bahawa gurulah yang paling utama mengimplementasikan kurikulum.⁴⁶

Berdasarkan senario yang telah dipaparkan, penyelidik ingin mengambil langkah membuat kajian tentang sejauh mana kepentingan dan pelaksanaan program j-QAF ini setelah tiga tahun dilaksanakan. Penyelidik membuat kajian khususnya terhadap guru-guru j-QAF dan orang yang paling dekat dengan sasaran j-QAF iaitu murid-murid sekolah rendah.

1.3 Rasional

Meskipun pendidikan jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan fardu ain telah lama dilaksanakan dalam sistem Pendidikan Islam di sekolah-sekolah Malaysia, keberkesanan keseluruhan kurikulum ini masih kurang memuaskan. Banyak persoalan yang masih berlegar terutamanya menginterpretasi proses pelaksanaan kurikulum tersebut. Lebih-lebih lagi sejak program j-QAF ini diperkenalkan, ianya masih baru dan masih banyak pihak belum mendapat gambaran yang jelas tentang pelaksanaan dan hala tuju program j-QAF, terutamanya kepada para guru j-QAF itu sendiri mahupun guru pembimbing di sekolah.

Kebanyakan kajian yang lepas tentang Pendidikan Islam di sekolah sama ada pelajaran jawi, al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain mengambil kira pandangan guru-

⁴⁶ Allan A. Glatthorn (1924), *Curriculum Leadership*. Copyright (1987). USA: Harper Collins Publishers, h. 10

guru Pendidikan Islam yang melaksanakan kurikulum lama, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan semakan kurikulum. Kajian ini pula mengambil kira pelaksanaan yang dilaksanakan oleh guru-guru j-QAF terhadap murid-murid sekolah rendah. Justeru jurang pemisah yang mungkin wujud antara kurikulum lama, KBSR, KBSM dan semakan dengan kurikulum j-QAF dapat dirapatkan.

Menurut akhbar Berita Harian bertarikh 10 Mei 2005, program j-QAF akan sentiasa dipantau bagi menjamin keberkesanan pelaksanaannya, sekali gus merealisasikan usaha memperkasakan kurikulum berkenaan. Penolong Pengarah Program j-QAF, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Nor Azza Ibrahim, berkata, pemantauan dilakukan sendiri oleh JAPIM dan Bahagian Pendidikan Guru, manakala laporan akan dibuat dari semasa ke semasa bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan program tersebut. Sehingga kini, katanya, seramai 3,663 guru j-QAF sedang menjalani latihan perguruan berasaskan sekolah di 1,221 sekolah rendah di seluruh negara.

Diharapkan juga gambaran umum dan panduan akan dapat dibina untuk menambahbaik pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah. Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu semua pihak yang terlibat agar berusaha mengatasi masalah yang timbul tentang pelaksanaan kurikulum j-QAF sekaligus meningkatkan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek murid-murid khususnya, serta insan kamil yang ingin dilahirkan sebagai warga Malaysia umumnya.

1.4 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan kurikulum j-QAF sekolah rendah telah mencetuskan satu era baru dalam sistem Pendidikan Islam KBSR. Tidak mustahillah sekiranya dalam masa melaksanakan kurikulum tersebut pelbagai masalah telah dihadapi oleh pihak-pihak tertentu dalam pendidikan. Pihak yang paling banyak menghadapi kesulitan ini ialah Guru j-QAF, Guru Pendidikan Islam (GPI), pihak pentadbir sekolah, ibu bapa, murid, institut perguruan dan lain-lain institusi yang berhubung dengan pembelajaran murid kerana mereka yang menghadapi perubahan kurikulum dan kokurikulum di sekolah.

Daripada tinjauan penyelidik, prestasi pelajaran Pendidikan Islam sama ada jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan fardu ain sebelum ini masih belum mencapai tahap yang memuaskan dalam kalangan murid-murid. Kegagalan ini mungkin bukan hanya disebabkan oleh faktor kelemahan pengajaran guru sahaja tetapi juga disebabkan oleh faktor lain seperti masalah-masalah berpunca daripada murid, sekolah, ibu bapa dan persekitaran.⁴⁷ Justeru, program j-QAF dilaksanakan untuk mengatasi kelemahan tersebut di atas.

Daripada tinjauan penyelidik, banyak pihak seperti pentadbir sekolah, guru-guru malah guru j-QAF sendiri masih kurang pengetahuan dan pengalaman tentang program ini. Terutama terhadap pelaksanaannya apabila program j-QAF melibatkan pertambahan waktu di luar jadual waktu rasmi persekolahan. Hal ini menimbulkan masalah kurang kemahiran pihak pentadbir mengurus penjadualan di sekolah dan

⁴⁷ Ibrahim Mamat (2001), *Pengetua Sekolah: Menangani Isu dan Cabaran Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman, h. 20.

kekangan masa murid-murid. Begitu juga dengan mata pelajaran BAK, ada kalanya menimbulkan konflik di sekolah yang mempunyai murid-murid bukan Islam.

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan beberapa permasalahan seperti sejauh mana kepentingan, kefahaman dan komitmen guru j-QAF dan pihak sekolah terhadap pelaksanaan j-QAF dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah di Malaysia. Se jauh mana guru j-QAF telah mempunyai cukup latihan, menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar (BBM) serta kaedah dan teknik mengajar j-QAF turut ditinjau. Turut dikaji aspek pembelajaran murid seterusnya meninjau masalah yang timbul dan cadangan meningkatkan kurikulum j-QAF demi memperkasakan lagi pelajaran Pendidikan Islam di sekolah.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif tertentu yang dianggap penting dalam konteks menjawab beberapa persoalan yang timbul daripada pelaksanaan program j-QAF di sekolah bermula tahun 2005. Kajian ini hendak meneliti secara terperinci pelaksanaan kurikulum j-QAF tersebut.

Kajian ini merupakan di antara kajian awal untuk mendapat gambaran terhadap pelaksanaan program j-QAF dalam pengajaran Pendidikan Islam KBSR khususnya di negeri Sabah. Kajian ini cuba mengumpulkan maklumat guru-guru j-QAF mengenai kurikulum j-QAF dan pelaksanaannya di sekolah masing-masing.

Pengumpulan maklumat akan bertumpu kepada aspek-aspek pelaksanaan kurikulum tersebut. Objektif kajian seperti berikut:

- a. Untuk meninjau sama ada kurikulum j-QAF ini penting dilaksanakan dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah di Malaysia.
- b. Untuk mengenal pasti sama ada guru j-QAF dan pihak sekolah memahami dan memberi komitmen yang baik terhadap pelaksanaan kurikulum j-QAF.
- c. Untuk meninjau sama ada guru j-QAF telah mempunyai cukup latihan melaksanakan kurikulum j-QAF, menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar (BBM) serta kaedah dan teknik mengajar j-QAF.
- d. Untuk mengesan sama ada murid-murid berminat, melibatkan diri dan menunjukkan pencapaian prestasi yang baik dalam model-model j-QAF.
- e. Untuk meninjau sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara prestasi markah murid dalam model-model j-QAF.
- f. Untuk mengumpul maklumat, masalah yang timbul dan cadangan meningkatkan kurikulum j-QAF demi memperkasakan lagi pelajaran Pendidikan Islam di sekolah.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan senario, latar belakang dan pernyataan masalah yang dikemukakan, pelbagai persoalan cuba dirungkaikan oleh penyelidik terhadap aspek pelaksanaan program j-QAF ini iaitu:

- a. Adakah kurikulum j-QAF ini penting dilaksanakan dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah di Malaysia?
- b. Adakah guru j-QAF dan pihak sekolah memahami dan memberi komitmen yang baik terhadap pelaksanaan kurikulum j-QAF?
- c. Adakah guru j-QAF telah mempunyai latihan yang cukup untuk melaksanakan kurikulum j-QAF, menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar (BBM) serta menggunakan pelbagai kaedah dan teknik mengajar j-QAF?
- d. Adakah murid-murid berminat, melibatkan diri dan menunjukkan pencapaian prestasi yang baik dalam model-model j-QAF?
- e. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara prestasi markah murid dalam model-model j-QAF?

- f. Apakah masalah yang timbul dan cadangan meningkatkan kurikulum j-QAF demi memperkasakan lagi pelajaran Pendidikan Islam di sekolah?

Demikianlah beberapa persoalan yang akan dirungkaikan dalam penyelidikan ini. Pelaksanaan sesuatu kurikulum baru memerlukan sistem pemantauan yang berterusan iaitu tertumpu kepada aktiviti mengumpul maklumat dan data daripada pelbagai sumber bagi tujuan penilaian formatif dan pemuliharaan. Maklumat dan data tersebut adalah penting bagi menilai pelaksanaan kurikulum dan bagi menentukan bentuk modifikasi yang sebaik-baiknya. Ini jelas menunjukkan pelaksanaan setiap program baru mempunyai beberapa persoalan yang harus dikaji dan dianalisa.⁴⁸

1.7 Signifikan Kajian

Kajian ini akan memperlihatkan bahawa institut perguruan hanya sebagai agen pelaksana kurikulum latihan guru j-QAF, manakala KPM mempunyai kuasa untuk merancang dan mengawal perkembangan serta perubahan kurikulum j-QAF. Hasil kajian ini akan menjadi maklum balas kepada KPM bagi penambahbaikan kurikulum j-QAF pada masa hadapan.

Kajian ini dijalankan untuk memberikan gambaran tentang senario yang sedang dihadapi oleh Guru j-QAF yang terlibat sebagai pelaksana kurikulum j-QAF. Kajian ini juga turut meninjau masalah dan kekangan yang dihadapi oleh Guru j-QAF

⁴⁸ Nik Aziz Nik Pa dan Ng See Ngean (1991), "Kajian Tentang Pelaksanaan Matematik KBSM: Fenomena Tahun Pertama (1989) dan Kedua (1990)" (Laporan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya), h. 22.

dalam pelaksanaan program j-QAF. Secara tidak langsung kajian ini mencerminkan harapan, kehendak dan keinginan pihak sekolah amnya, dan Guru j-QAF khususnya terhadap apa-apa yang sepatutnya dilaksanakan dalam program j-QAF.

Dapatan daripada kajian ini diharap akan dapat:

- a. Menjadi panduan kepada pihak sekolah, guru-guru Pendidikan Islam dan Guru Besar untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran mengendalikan program ini ke arah yang lebih mantap.
- b. Membantu Jabatan Pelajaran Negeri di seluruh negara untuk merancang, mengurus dan melaksanakan program j-QAF sebaik mungkin.
- c. Memberi maklumat kepada Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengesan ke akar umbi masalah yang dihadapi oleh seluruh jentera pelaksana kurikulum j-QAF.
- d. Memberi maklumat kepada ibu bapa untuk lebih memahami program ini seterusnya sama-sama membantu menjayakan program ini.
- e. Menanamkan kesedaran dan minat masyarakat terhadap pengajaran Pendidikan Islam ke arah pembentukan peribadi insan kamil.
- f. Hasil kajian ini akan dapat membantu penyelidik akan datang yang berminat mengkaji program ini.

1.8 Batasan Kajian

Pelaksanaan pengajaran Agama Islam di sekolah rendah melalui program j-QAF adalah amat luas jika hendak dikaji kepentingannya dan ruang lingkup pelaksanaannya. Pelaksanaan program ini boleh ditinjau dari pelbagai sudut seperti peranan yang telah dimainkan oleh KPM, peranan yang telah dimainkan oleh JPN, peranan IPGM, maklum balas ibu bapa serta maklum balas masyarakat keseluruhannya.

Namun penyelidik hanya membataskan kajian kepada guru j-QAF dari sudut fungsi dan peranan yang telah dilaksanakan oleh mereka sebagai tulang belakang

utama pelaksanaan segala model dan kurikulum program ini terhadap anak-anak murid. Melalui soal selidik penyelidik cuba meninjau adakah menurut tanggapan mereka program ini penting dilaksanakan, sejauh manakah komitmen guru dan pihak sekolah, penggunaan BBM, kaedah dan teknik mengajar dan prestasi pelaksanaan model-model j-QAF. Penyelidik juga menggunakan kaedah pemerhatian terhadap guru j-QAF, pihak sekolah dan murid-murid bagi mengukuhkan dapatan soal selidik. Di samping itu penulis akan meninjau pengalaman dan permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru j-QAF tersebut.

Penyelidik menumpukan kajian ini terhadap guru-guru j-QAFambilan tahun 2007 di IPGM Kampus Kent. Guru-guru seramai 76 orang ini mengajar di 70 buah sekolah rendah yang mewakili kumpulan guru-guru j-QAF di negeri Sabah. Oleh yang demikian hasil kajian ini tidak boleh digunakan untuk membuat generalisasi dan mungkin tidak boleh menggambarkan keadaan di seluruh negeri Sabah. Kajian ini memperlihatkan pandangan dan cadangan individu. Data yang diperolehi tidak boleh mewakili pendapat rasmi mana-mana pihak dalam menentukan pelaksanaan kurikulum j-QAF di sekolah-sekolah di Sabah masa kini. Namun, penyelidik berpendapat tumpuan kepada kajian ini dan hasil kajian ada kelebihannya iaitu ia dapat memberi gambaran yang lebih berguna untuk mempertingkatkan mutu kurikulum j-QAF di seluruh negeri Sabah.

Penyelidik juga membuat pemerhatian terhadap lapan buah sekolah dan murid-murid sekolah rendah mengenai sejauh mana komitmen sekolah dan murid-murid bertindak balas terhadap kurikulum j-QAF melalui beberapa aspek sekolah dan pembelajaran murid. Metod ini digunakan untuk mengukuhkan lagi dapatan

kajian soal selidik. Kajian ini hanya melihat pelaksanaan yang sebenarnya wujud di sekolah-sekolah yang berkenaan.

Aspek-aspek yang dikaji oleh penyelidik adalah tertumpu kepada beberapa pemboleh ubah tertentu dengan harapan dapat memberi gambaran tentang pelaksanaan kurikulum j-QAF. Pemboleh ubah tersebut adalah kepentingan kurikulum, komitmen guru dan sekolah, latihan guru, penggunaan BBM serta kaedah dan teknik mengajar. Manakala aspek pembelajaran murid yang dilihat adalah prestasi murid, minat dan perhatian serta penglibatan murid-murid dalam pengajaran dan pembelajaran j-QAF. Penglibatan murid hanya dikaji dari aspek kehadiran dan penglibatan murid dalam Model Tasmik dan Model Bestari Solat. Beberapa pemboleh ubah lain tidak dikaji oleh penyelidik kerana kajian akademik dilaksanakan pada masa yang terbatas.

Data yang diperolehi juga merupakan pandangan kepada sesuatu masa tertentu sahaja. Jadi, hasil kajian ini hanya menggambarkan penilaian terhadap kumpulan tersebut pada masa tertentu sahaja. Batasan ini dibuat demi menyempurnakan kehendak kajian akademik pada masa yang terbatas.

Manakala dalam menghuraikan kurikulum j-QAF, penulis memberi maklumat mengenai kurikulum j-QAF yang dirancang oleh pihak KPM. Penyelidik juga menyentuh sedikit sebanyak konsep kurikulum, kurikulum Pendidikan Islam, proses perkembangan kurikulum Pendidikan Islam dari segi perkembangan pelaksanaannya di Malaysia.

1.9 Definisi Operasional

Untuk kajian ini, penggunaan istilah adalah seperti yang dijelaskan. Penjelasan istilah ini untuk memudahkan kefahaman maksud perkataan dan tujuan kajian. Berikut adalah huraian terhadap istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini:

1.9.1 Kurikulum j-QAF

Kurikulum j-QAF merupakan suatu usaha memperkasakan Pendidikan Islam (PI) melalui penekanan khusus dalam pengajaran jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah berdasarkan kurikulum, model dan modulnya yang tersendiri. Terdapat lima buah model j-QAF iaitu Model Pemulihan Jawi, Model 6 bulan Khatam Al-Quran, Model Tasmik, Model Bahasa Arab Komunikasi dan Model Bestari Solat.⁴⁹

1.9.2 Model Pemulihan Jawi

Model jawi j-QAF ialah kelas pemulihan jawi. Pengajaran dilaksanakan oleh guru j-QAF untuk memulihkan murid yang keciciran dalam jawi. Kelas ini dijalankan serentak dengan jadual waktu persekolahan sedia ada iaitu dijalankan serentak dengan waktu pengajaran jawi murid-murid biasa. Dalam tempoh enam bulan pertama Tahun Satu, jawi diajar selama dua waktu seminggu. Manakala pada enam bulan kedua (Jun hingga November) jawi diajar selama satu waktu seminggu. Hanya

⁴⁹ JAPIM (2007), *op.cit.*, h. 2-3.

seorang guru j-QAF terlibat dalam menguruskan aktiviti pemulihan jawi mengikut modul yang telah ditetapkan.⁵⁰

1.9.3 Model 6 Bulan Khatam al-Quran

Model ini adalah komponen pertama dalam model khatam al-Quran. Ia dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dengan menggunakan peruntukan waktu PI sedia ada. Model ini akan menggunakan pendekatan *talaqqi* dan *musyafahah* (iaitu satu kaedah dan teknik pembelajaran secara bersemuka dengan guru bagi mendengar, membetul kesalahan dan menyebut semula dengan baik dan lancar). Murid yang belum menguasai bacaan al-Quran dibimbing dengan kaedah dan teknik Iqra', sementara yang telah menguasainya diteruskan menggunakan Model khatam al-Quran modul 6 bulan.⁵¹

1.9.4 Model Tasmik

Model ini adalah komponen kedua dalam model khatam al-Quran. Model ini dilaksanakan di luar waktu persekolahan normal mengikut kesesuaian, keupayaan murid dan waktu guru tasmik. Semua guru j-QAF terlibat secara langsung dalam program tasmik sebagai pembimbing kepada murid-murid dengan peruntukan waktu seperti yang dicadangkan dalam jadual taburan waktu guru j-QAF. Guru-guru tasmik juga terdiri daripada GPI, guru-guru mata pelajaran lain yang berkemampuan. Guru tasmik tersebut hendaklah dilantik secara rasmi oleh pihak sekolah. Perkiraan masa membimbing murid tasmik adalah berdasarkan andaian bilangan murid bagi satu

⁵⁰ *Ibid.*, h. 3.

⁵¹ *Ibid.*

kelas ialah 40 orang. Setiap murid dibimbing secara *talaqqi* dan *musyafahah* selama sekurang-kurangnya lima minit.

1.9.5 Model Bahasa Arab Komunikasi

Bahasa Arab Komunikasi (BAK) yang sedang dilaksanakan secara terhad pada masa ini di sekolah-sekolah kebangsaan akan diperluaskan pelaksanaannya di semua sekolah. Status mata pelajaran ini adalah sebagai mata pelajaran pilihan. Walau bagaimanapun murid diwajibkan memilih BAK sekiranya tidak mengambil mata pelajaran Bahasa Cina dan Tamil. Peruntukan waktu adalah 60 minit seminggu dalam jadual waktu rasmi persekolahan. Bahasa Arab diajar oleh guru Bahasa Arab yang dilantik khusus. Model ini diperjelaskan dalam Buku Panduan Model-model Pengajaran dan ko-kurikulum dalam bahagian Model Peluasan Perlaksanaan Bahasa Arab Komunikasi.⁵²

Peluasan Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi akan dilaksanakan sepertimana pelaksanaan BAK sebagai bahasa tambahan di Sekolah Kebangsaan pada masa ini, iaitu selama dua waktu seminggu. Ia diajar bersama-sama dengan mata pelajaran Bahasa Cina Komunikasi dan Bahasa Tamil Komunikasi.

1.9.6 Model Bestari Solat

Pengajaran fardu ain j-QAF menumpukan seratus peratus kepada amali solat.⁵³ Amali solat diajar dan dilaksanakan dalam bentuk Kem Bestari Solat (KBS) sebanyak empat kali setahun. Setiap kem mengambil masa dua hari tanpa bermalam.

⁵² *Ibid.*, h. 4.

⁵³ *Ibid.*

Perjalanan program tertumpu kepada bentuk Latihan Dalam Kumpulan (LDK) tidak melebihi 10 orang dengan seorang fasilitator. Aktiviti kumpulan adalah berbentuk penerangan, perbincangan, ujian perlakuan dan ujian bacaan dalam solat. Ia dikategorikan sebagai aktiviti kokurikulum PI dan dimasukkan dalam takwim sekolah.

1.9.7 Guru Pelatih

Guru pelatih adalah seseorang tanpa mengira umurnya, yang kepadanya pendidikan atau latihan sedang diberikan di sesuatu maktab pendidikan guru.⁵⁴ Guru pelatih yang dimaksudkan adalah guru j-QAF. Guru j-QAF dipilih oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) KPM. Mereka adalah kalangan graduan lepasan pengajian agama dari univerti dalam negara dan luar negara. Mereka diberi latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) di seluruh negara dalam Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI). Guru j-QAF terdiri daripada dua kumpulan opsyen major iaitu major Bahasa Arab dan Major Pengajian Agama. Mereka juga mempunyai dua opsyen minor iaitu mana-mana minor Pengajian Agama, minor Bahasa Arab dan minor Pengajian al-Quran. Justeru semua guru j-QAF diberi latihan perguruan semua opsyen mata pelajaran dan bertanggungjawab mengajarnya di sekolah.

Guru j-QAF ditempatkan di sekolah-sekolah tertentu dan hanya menjalani latihan perguruan secara interaksi semasa cuti sekolah di IPGM selama lapan belas

⁵⁴ Bahagian Pendidikan Guru (1999), *Peraturan Maktab Pendidikan Guru: (Peperiksaan, Penilaian dan Pensijilan)*, Kuala Lumpur: KPM, h. vi.

bulan. Setelah selesai menjalani latihan perguruan, guru j-QAF akan terus diberi kursus pemantapan j-QAF dari semasa ke semasa oleh pihak KPM.

1.9.8 Pelaksanaan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat,⁵⁵ pelaksanaan membawa maksud ‘perihal, perbuatan atau proses melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan tugas.’ Pelaksanaan juga ialah membuat sesuatu bersama untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu.⁵⁶ Pelaksanaan turut didefinisikan sebagai aktiviti yang melibatkan usaha merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal penglibatan anggota dalam organisasi untuk sama-sama berusaha ke arah mencapai matlamat yang satu.⁵⁷

Daripada definisi dan pernyataan tersebut penyelidik merumuskan bahawa pelaksanaan menuntut suatu usaha bertindak yang perlu disempurnakan dengan penuh tanggungjawab yang meliputi aspek pengurusan dan pentadbiran. Sesuatu pelaksanaan yang berjalan lancar, sistematik dan berkesan menggambarkan pengurusan dan pentadbiran yang sihat iaitu berkualiti dan bermatlamat.⁵⁸

Pelaksanaan sesuatu organisasi atau program adalah berkait rapat dengan budaya organisasi dan budaya kerja. Pelaksana merupakan kuasa penggerak yang mewujudkan budaya kerja yang baik sesuai dengan fokus program. Pelaksana yang dimaksudkan adalah pentadbir atau pengurus sesuatu organisasi. Dalam konteks

⁵⁵ Noresah bt. Baharom dan Sidang Editor (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 871.

⁵⁶ Ibrahim Mamat (2001), *op.cit.*, h. 24

⁵⁷ Rahim Abdullah (2001), *Asas Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, h. 25.

⁵⁸ Abd. Rahim Selamat (2005), *Pengurusan Disiplin*. Selangor : Universiti Industri Selangor, h. 33.

pendidikan, pentadbir sekolah adalah pihak yang bertanggungjawab membentuk struktur organisasi pengajaran dan pembelajaran, pereka bentuk dan pemula kepada perubahan bagi memastikan pelaksanaan sesuatu program efisien dan efektif.⁵⁹

1.9.9 Pelaksanaan j-QAF

Masalah yang sering berlaku dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum baru seperti program j-QAF adalah melibatkan seluruh komuniti sekolah iaitu guru j-QAF, GPI dan pentadbir yang merangkumi aspek pelaksanaan kelima-lima buah model j-QAF.

Program j-QAF telah dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2005. Peringkat pertama melibatkan 1221 buah sekolah kebangsaan dan bermula dengan kelas tahun satu. Beberapa perubahan berlaku terutamanya dalam pengagihan waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam Tahun Satu. Waktu yang diperuntukkan untuk melaksanakan Model Enam Bulan Khatam Al-Quran bagi Tahun Satu untuk enam bulan pertama iaitu mulai Januari hingga Jun ialah empat waktu (120 minit) seminggu. Manakala dua waktu selebihnya (60 minit) diperuntukkan untuk mata pelajaran pemulihan Jawi di bawah Model Pemulihan Jawi j-QAF.

Untuk tempoh enam bulan kedua mulai Jun hingga Disember, waktu yang diperuntukkan untuk Tilawah al-Quran ialah tiga waktu (90 minit), Ulum Syariah dua waktu (60 minit) dan Jawi satu waktu (30) minit. Manakala mata pelajaran Bahasa

⁵⁹ Khuzafah bte Jusoh (2006), "Pelaksanaan Program j-QAF Dalam Pengajaran Pendidikan Islam KBSR Gabungan Kota Kinabalu Sabah. Sabah" (Kertas Projek, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah) h. 16.

Arab Komunikasi (BAK), waktu yang diperuntukkan adalah seperti yang tercatat dalam pekeliling iaitu dua waktu (60 minit) seminggu dan dilaksanakan dalam waktu rasmi sekolah dengan menggunakan jadual waktu Guru Besar dan 30 minit waktu Bahasa Komunikasi. Bagi Model Bestari Solat, pelaksanaannya selama dua hari tanpa bermalam dengan kekerapan empat kali setahun. Ia dikategorikan sebagai aktiviti ko-kurikulum Pendidikan Islam dan dimasukkan dalam takwim sekolah.

Pelaksanaan j-QAF dalam kajian ini meninjau aspek kepentingan, komitmen guru dan sekolah, latihan guru, penggunaan BBM, kaedah dan teknik mengajar serta beberapa aspek pembelajaran murid.

1.9.10 Sekolah Rendah di Sabah Yang Terlibat Dengan Program j-QAF

Jumlah sekolah rendah di seluruh Negeri Sabah yang akan terlibat program j-QAF sehingga tahun 2010 adalah sebanyak 671 buah sekolah. Beberapa buah daerah yang terdapat di Negeri Sabah adalah seperti Kota Kinabalu, Tuaran, Tamparuli, Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Pitas, Sandakan, Ranau, Tawau, Lahad Datu, Kunak, Keningau, Papar, Sipitang, Beaufort dan lain-lain lagi. Daerah tersebut dikategorikan kepada daerah bandar, luar bandar, pekan dan juga pedalaman. Program j-QAF dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2005. Bagi negeri Sabah hanya 147 buah sekolah rendah terlibat untuk tahun 2005, 148 buah sekolah untuk tahun 2006 dan 151 buah sekolah bagi tahun 2007. Oleh itu jumlahnya adalah 446 buah sekolah.⁶⁰

⁶⁰ JAPIM (2007), *op.cit.*, h. 30.

1.10 Kesimpulan

Kurikulum j-QAF dilancarkan dengan harapan dapat melahirkan murid di sekolah rendah yang boleh membaca al-Quran hingga khatam, menguasai bahasa Arab komunikasi, asas-asas fardu ain dihayati dan jawi diperkukuhkan semula di sekolah rendah. Program ini merupakan usaha memperkasakan pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah rendah.

Penyelidik menjalankan kajian ini untuk melihat apakah aspek-aspek dalam kurikulum j-QAF telah dapat dilaksanakan dengan baik. Penyelidik berharap hasil dapatan kajian ini dapat mengurangkan jarak pemisah antara kurikulum lama Pendidikan Islam dan kurikulum j-QAF tentang pelaksanaannya dengan tujuan meningkatkan lagi program ini ke arah yang lebih memberangsangkan.

Bab ini telah membincangkan tentang latar belakang, permasalahan kajian, tujuan, persoalan dan kepentingan kajian. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah pelaksanaan program j-QAF di sekolah rendah di Sabah bersesuaian dengan hasrat Falsafah Pendidikan Islam (FPI) iaitu:

“Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah. Pendidikan Islam bertujuan melahirkan insan kamil yang mempunyai sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang bertanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.”⁶¹

⁶¹ JAPIM (2007), *op.cit.*, h. i.

Bab 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi dua perkara utama iaitu latar belakang kajian atau literatur berkaitan dan sorotan kajian lalu atau kajian berkaitan. Dalam literatur berkaitan, penyelidik menyampaikan lakaran kasar semua literatur yang berkaitan dengan kajian. Ini termasuklah konsep, definisi, teori, prinsip dan model berkaitan bidang kajian. Perbincangan konsep kurikulum dan kurikulum j-QAF juga dihuraikan secara mendalam.

Manakala, dalam kajian berkaitan penulis akan memfokuskan kepada beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan soalan kajian. Kajian lepas berkaitan akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian 2.3.1 tentang kepentingan Pendidikan Islam, bahagian 2.3.2 tentang pelajaran jawi, bahagian 2.3.3 tentang pelajaran al-Quran, bahagian 2.3.4 tentang pelajaran Bahasa Arab dan bahagian 2.3.5 tentang pelajaran fardu ain. Turut dibincangkan dalam bahagian 2.3.6 tentang komitmen guru, bahagian 2.3.7 tentang penggunaan BBM, bahagian 2.3.8 tentang kaedah dan teknik mengajar, bahagian 2.3.9 tentang latihan perguruan dan bahagian 2.3.10 tentang minat dan sikap pelajar terhadap pelajaran Pendidikan Islam. Ringkasan dan penemuan setiap kajian tersebut juga akan dibincangkan dalam bab ini.

2.2 Kajian Tentang Definisi, Konsep dan Prinsip Berkaitan

Bahagian ini dimulakan dengan kajian umum tentang definisi, konsep dan prinsip berkaitan. Pengimbasan dan penelitian kajian tentang definisi, konsep dan prinsip berkaitan akan disentuh untuk membantu memberi idea kepada penyelidik untuk menjadi panduan perbincangan masalah kajian yang dikaji. Tinjauan ini akan menggabungkan kajian luar dan dalam Malaysia. Kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana Barat dan luar negara telah membuktikan bahawa persoalan kurikulum dan P&P amat perlu diperhatikan dalam usaha memastikan sesuatu program dan kurikulum mencapai objektifnya. Antaranya ialah kajian Barker Donald Gene dari Universiti Texas (1961) mengenai tanggapan murid-murid dan guru-guru terhadap program bimbingan kurikulum sekolah mendapati, murid-murid dan guru-guru setuju bimbingan hendaklah berterusan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan kurikulum. Kajian ini disokong oleh kajian Chajirachayakul Thawatchai dari Univerisiti Kansas (1975) yang menyatakan bahawa model-model kurikulum yang digubal hendaklah dirancang aspek pemantauan pelaksanaannya.

Turut menyokong adalah kajian Jawahir dari Universiti Birmingham (1975) yang menjalankan kajian tentang masalah perkembangan kurikulum di Malaysia terutamanya di kawasan luar bandar, kajian Ambrosio Adoracion Dancel dari Universiti Columbia (1978), Boonyananta Siriporn dari Univerisiti Pittsburg (1979) dan kajian Ansyar Mohammad dari Universiti Indiana (1981). Manakala kajian dalam negeri yang dijalankan oleh Chew Tow-Yow dari Universiti Malaya (1979) berkenaan proses perubahan kurikulum di Malaysia mendapati, strategi pembaharuan

kurikulum tersebut hendaklah mengambil kira pelbagai aspek seperti budaya, amalan dan aspirasi negara yang hendak dicapai.

Berkenaan aspek profesionalisme keguruan dan kaedah teknik mengajar, kajian Arfah dari Universiti California (1977) menyatakan para guru hendaklah meningkatkan kemahiran-kemahiran keguruan seperti kemahiran dan strategi berkomunikasi dengan murid. Ini turut dinyatakan oleh kajian Binder Dorothy Margaret dari Universiti Wisconsin (1965), malah beliau mendapati guru hendaklah mahir membentuk keyakinan dan memupuk konsep sendiri pelajar agar mampu mencapai kejayaan akademik yang diharapkan. Kajian oleh Chang Anthony Pow Meng dari Universiti Nasional Singapura (1982) pula menyatakan, guru hendaklah mengaplikasikan pelbagai kaedah, teknik dan kreativiti dalam P&P seperti kaedah bermain sambil belajar dan lain-lain. Kajian dalam negeri yang dijalankan oleh Kamariah Husin dari Universiti Malaya (1999) mendapati aktiviti berkumpulan dan individu amat berkesan dalam pelaksanaan kurikulum. Murid-murid akan dapat mengembangkan pelbagai potensi yang ada pada diri mereka melalui aktiviti yang dijalankan.

Mengenai aspek penggunaan BBM, beberapa kajian yang telah dijalankan iaitu kajian Jeyakumar Govindan dari Universiti Malaya (1998), Satveer Kaur Bakhtavar Singh (1998), Manikam Sinnapen (2000) dan Vasanta Vethemram (2000) menyatakan bahawa penggunaan BBM perlu dititik beratkan oleh para guru. Penggunaan pelbagai BBM seperti alat teknologi pendidikan dan komputer ternyata berkesan dan menarik minat murid.

Beberapa kajian berkaitan yang dijalankan di negeri Sabah turut ditinjau. Kajian tersebut telah menyentuh secara jelas berkenaan aspek pembelajaran jawi, al-Quran, Fardu Ain, Bahasa Arab, kaedah dan teknik P&P, penggunaan BBM serta aspek-aspek pembelajaran murid. Penyelidik akan menyentuh dengan lebih terperinci kajian-kajian tersebut pada bahagian 2.3.1 hingga 2.3.10 dalam bab ini. Kajian berkenaan adalah yang dijalankan oleh Harun (1999) berkenaan penggunaan multimedia dalam P&P, Abdul Ghani Senang (2000) berkenaan kemahiran menyebut makhras huruf al-Quran, Abdul Majid (2000) berkenaan penggunaan BBM dalam mengajar jawi dan kajian Khuzafah (2006) berkenaan pelaksanaan j-QAF di kawasan Kota Kinabalu, Sabah. Turut ditinjau oleh penyelidik adalah kajian Nik Hassan (2006), Sabariah (2006/2008), Othman (2007), Suhaimi (2007), Tengku Zahiri (2007), dan Hanunah (2007).

Semua kajian di atas telah menjadi panduan kepada penyelidik dalam pembentukan teori dan konsep berkaitan kajian. Walau bagaimanapun untuk tujuan kajian penyelidik, tinjauan bahan berkait akan dibincangkan setakat ruang lingkup kajian berkenaan tajuk kajian Pelaksanaan Kurikulum j-QAF.

2.2.1 Kajian Tentang Konsep dan Definisi Kurikulum

Dalam mana-mana sistem pendidikan terasnya ialah kurikulum iaitu segala rancangan pendidikan yang mencakupi segala ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang terkandung dalam istilah budaya, yang telah dipilih untuk

diperturunkan kepada generasi yang akan datang.⁶² Memberi definisi kurikulum bukanlah perkara yang mudah. Beberapa definisi Sarjana Barat dan Sarjana Islam telah ditinjau oleh penyelidik. Definisi kurikulum yang selalu didapati daripada kata akar bahasa Latin, kurikulum bermaksud *race course*. Justeru, untuk murid-murid, kurikulum sekolah adalah merupakan perlumbaan yang akan dijalankan, iaitu satu siri halangan dan cabaran yang mesti dilalui.⁶³

Istilah kurikulum berasal daripada perkataan Latin *curere* yang bermaksud laluan atau jejak. Dalam erti kata yang lebih luas ia bermaksud jurusan. Dalam Bahasa Inggeris istilah kurikulum merujuk kepada jurusan pengajian yang diikuti di sekolah.⁶⁴ Ia bermaksud semua rancangan pembelajaran di mana pihak sekolah bertanggungjawab melaksanakannya. Ia merupakan pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh pelajar-pelajar melalui bimbingan pihak sekolah untuk menjalani proses kehidupan.

Franklin Bobbit mendefinisikan kurikulum melalui dua cara. Pertama, ia adalah pengalaman langsung atau tidak langsung untuk mengenal pasti potensi individu. Kedua, siri pembelajaran secara langsung yang secara sedar untuk menyempurnakan potensi individu.⁶⁵ Begitu juga menurut Rugg. H. (1927), Hollis Caswell Caswell and Campbell (1935) dan Ralph Tyler (1957), masing-masing mempunyai definisi yang sama tentang kurikulum sebagai “pengalaman

⁶² Ab. Rahim Selamat (2005), *Pengurusan Sekolah Bestari*. Johor: Penerbit Badan Cemerlang Sdn. Bhd. h. 15

⁶³ Colin Marsh & George Willis (1995), *Curriculum: Alternatives Approaches, Ongoing Issues*. New Jersey: A Simon & Schuster Company Englewood Cliffs, h. 33.

⁶⁴ Mohd Daud Hamzah (1993), *Penerokaan Teori Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

⁶⁵ Allan A. Glatthorn (1924) *Curriculum Leadership*, (Copyright 1987). USA: Harper Collins Publisher, h.43.

pembelajaran murid demi keperluan kehidupan murid-murid.”⁶⁶ Robert Gagne (1967) menyatakan, “*Curriculum is a sequence of content is units arranged in such a way that the learning of each unit may be accomplished a single act, provided the capabilities described by specified prior units (in the sequence) have already been mastered by the learner*”. Definisi ini disokong oleh James Popham and Eva Baker (1970) dan Michael Schiro (1978).⁶⁷

Manakala pengertian kurikulum dalam Pendidikan Islam jika ditinjau kepada kamus-kamus Bahasa Arab, didapati kata-kata *Manhaj* (kurikulum) bermakna jalan yang terang, atau jalan terang yang dilalui oleh manusia pada pelbagai bidang kehidupannya.⁶⁸ Dalam bidang pendidikan sendiri, kurikulum (*manhaj*) dimaksudkan sebagai jalan terang yang dilalui oleh pendidik atau guru pelatih dengan orang-orang yang dididik atau dilatihnya untuk mengembangkan pengetahuan, ketrampilan dan sikap mereka.⁶⁹ Seterusnya Omar al-Syaibani memperjelaskan lagi seperti berikut:

“Konsep kurikulum meliputi semua pengalaman, aktiviti-aktiviti suasana dan pengaruh-pengaruh yang diberikan kepada murid-murid atau mereka mengerjakan atau mereka jumpai dalam sekolah dan di bawah kelolaan sekolah. Sebab semuanya itu memberi pengaruh pada tingkah laku mereka dan memberi sumbangan dalam perkembangan yang menyeluruh dan lengkap melengkap. Mengikut pengertian yang baru tentang kurikulum ini, kurikulum itu bukan hanya meliputi matapelajaran dan pengalaman-pengalaman yang tersusun yang berlaku dalam kelas, tetapi meliputi juga semua kegiatan kebudayaan, kesenian, olah raga dan sosial yang dikerjakan oleh murid-murid di luar jadual dan di luar kelas dalam dan di bawah kelolaan sekolah.”⁷⁰

⁶⁶ *Ibid*, h. 66 - 79

⁶⁷ *Ibid*, 23-48

⁶⁸ Omar al-Syaibani (1991), *Falsafah Pendidikan Islam*. Hassan Langgulung (terj.), c. 2. Selangor: Hizbi Sdn Bhd., h. 478.

⁶⁹ *Ibid*.

⁷⁰ *Ibid*., h.483-484.

Definisi-definisi kurikulum tersebut diringkaskan seperti berikut:

1. Kurikulum adalah segala pengalaman yang dirancang oleh pihak sekolah untuk membimbing para pelajar memperoleh hasil pembelajaran yang telah ditetapkan terlebih dahulu mengikut kadar kemampuan dan kebolehan masing-masing.
2. Kurikulum adalah rancangan yang disediakan oleh pusat pendidikan untuk pelajar-pelajar sekolah. Rancangan-rancangan tersebut menyediakan peluang pembelajaran bagi memperoleh berbagai-bagai tujuan dan berkaitan dengannya.
3. Kurikulum adalah merupakan isi kandungan mata pelajaran yang diajar.
4. Kurikulum merujuk kepada proses membina semula pengetahuan dan pengalaman pelajar menerusi institusi sekolah. Matlamatnya adalah untuk mempertingkatkan kemajuan pelajar mengawal pengetahuan dan pengalaman sendiri.
5. Kurikulum adalah pilihan daripada pelbagai unsur budaya tersendiri daripada ciri-ciri sejagat, nilai am dan aspek khusus sesuatu budaya.

Berpandukan kepada definisi-definisi yang dikemukakan di atas, Mohd. Daud Hamzah merumuskan kurikulum sebagai unsur budaya atau ilmu pengetahuan yang dikenal pasti dengan harapan untuk membimbing guru mengajar kumpulan murid tertentu.⁷¹ Ringkasnya kurikulum merujuk kepada segala yang berlaku dalam bilik darjah termasuk pengajaran, pembelajaran, penilaian dan bahan-bahan. Ia juga merujuk kepada keseluruhan aktiviti yang dikendalikan di sekolah termasuk aktiviti-aktiviti permainan dan persatuan.⁷² Terdapat juga 'kurikulum tersembunyi' yang kadang-kadang disebut kurikulum yang tidak dipelajari atau *implicit curriculum*. Ia didefinisikan sebagai aspek-aspek tentang melahirkan perubahan nilai, sikap, persepsi dan tingkah laku murid-murid. Iaitu seperti dinyatakan oleh Carl Rogers dalam

⁷¹ Mohd. Daud Hamzah (1993), *Pembelajaran dan Implikasi Pendidikan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 3-6.

⁷² Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan (1999), *Tamadun Dunia*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd., h. 364.

sebuah seminar di Harvard Business School mengenai pembelajaran berpusatkan murid.⁷³

“My experience has been that i cannot teach another person how to teach...It seems to me that anything that can be taught to another is relatively inconsequential...I am only interested in learning which significantly influence behavior...I have lost interest in being a teacher....When i try to teach, as I sometimes do....it seems to cause the individual to distrust his own experience and to stifle significant learning.”

Jelas bahawa tingkah laku guru dan perlakuan guru merupakan kurikulum tersembunyi di dalam bilik darjah. Perlakuan dan gerak laku guru akan menjadi contoh ikutan serta teladan kepada murid-murid.⁷⁴

Macdonald, J.B. juga berpendapat kurikulum pendidikan adalah sebenarnya program moral, seperti berikut :⁷⁵

“Any person concerned with curriculum must realize that he/she is engaged in a political activity. Curriculum talk and work are, in microcosm, a legislative function. We are concerned...with the goal of creating the good life, the good society, and the good person...If we curriculum talkers are to understand what we ourselves are saying, and communicate to others, those values must be explicit.”

Jelasnya segala aktiviti guru dan murid di sekolah merupakan mekanisme pendidikan formal yang utama. Kurikulum persekolahan

⁷³ Kirschenbaum, H., (1979) *On Becoming Carl Rogers*. New York: Delacorte, h. 369.

⁷⁴ Hanzuan Md. Yunus (1999), “Perlakuan Guru Sebagai Kurikulum Tersembunyi Di Dalam Bilik Darjah: Kajian Kes” (Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya), h. 15-23

⁷⁵ Macdonald, J.B. (1974). *A Transcendental Developmental Ideology of Education. Heightened Conscience, Cultural Revolution, and Curriculum Theory*. In W. Pinar (ed.)(1977) Berkeley, CA: Mc Cutchan, h. 11-15.

merupakan alat terpenting kerana persekolahan formal merupakan mekanisme pembangunan sosial yang begitu berpengaruh.⁷⁶

2.2.2 Definisi Kurikulum Kebangsaan

Bagi aspirasi pendidikan di Malaysia, Akta Pendidikan pada tahun 1996 [Peraturan-peraturan (Kurikulum Kebangsaan) Pendidikan 1997] telah mendefinisikan kurikulum sebagai berikut:⁷⁷

“...suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diinginkan dan untuk menyampaikan pengetahuan.”

Visi Kurikulum ialah menjadikan sekolah berkualiti untuk pendidikan negara bertaraf dunia dengan menjalankan satu misi membangunkan kurikulum sekolah yang bersepadu dan berguna untuk perkembangan potensi individu sepenuhnya dan untuk memenuhi keperluan negara. Beberapa objektif telah digariskan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu:⁷⁸

- Menggubal kurikulum yang bersepadu dan berguna bagi semua peringkat persekolahan.
- Mengesan pelaksanaan kurikulum di semua peringkat persekolahan.
- Menilai dan meningkatkan mutu kurikulum secara berterusan selaras dengan keperluan semasa dan masa depan.

Berdasarkan kurikulum kebangsaan, beberapa sukatan pelajaran telah ditetapkan di dalam sistem persekolahan negara, antaranya mata pelajaran Pendidikan

⁷⁶ Ab. Rahim Selamat (2005), *op.cit.*, h.16.

⁷⁷ KPM (1997), *Akta Pendidikan 1996 [Peraturan-peraturan (Kurikulum Kebangsaan) Pendidikan 1997]*. Kuala Lumpur: KPM, h. 3.

⁷⁸ Pusat Perkembangan Kurikulum (1993), *Visi dan Misi Kurikulum*. Kuala Lumpur: KPM, h. 1-2

Islam merupakan mata pelajaran teras, manakala Bahasa Arab Komunikasi (BAK) termasuk kumpulan mata pelajaran tambahan. Namun perlu diingat kurikulum bukanlah sekadar senarai tajuk yang akan diajar. Kurikulum juga bukan terhad kepada interaksi sihat di antara guru dan murid. Dari pendekatan Pendidikan Bersepadu, kurikulum merupakan kesatuan di antara ilmu akal dan ilmu wahyu, dengan tauhid dan akidah sebagai paksinya. Dengan kesepaduan ini barulah kurikulum menghayati aspek akhlak dan kerohanian di dalamnya.⁷⁹ Menurut pandangan para pendidik, kurikulum perlu dilihat bukan sebagai susunan aktiviti yang bersifat fizikal dan kebendaan, tetapi yang lebih penting kurikulum perlu ditanggapi dari sudut keilmuannya. Organisasi dan pelaksanaan kurikulum adalah gambaran hubungan antara Pencipta dan manusia serta alam sekitar. Setiap tajuk yang diajar mestilah menggambarkan perhubungan dan kesepaduan di antara Pencipta dengan hasil ciptaan-Nya iaitu manusia (insan) dan alam sekitar, yang semuanya untuk kesejahteraan hidup.

Kurikulum mempunyai tiga komponen penting. Pertama, kurikulum diharapkan. Iaitu kurikulum yang digubal, dirancang dan disusun untuk mencapai hasrat sesuatu pendidikan itu. Kedua, kurikulum dilaksanakan. Iaitu setakat mana kurikulum tadi dapat dilaksanakan dan direalisasikan. Manakala ketiga, kurikulum dicapai. Ini membawa maksud setakat mana kurikulum itu telah dicapai seperti yang dirancang.⁸⁰ Oleh itu, setiap komponen kurikulum di atas mempunyai sistem birokrat yang tersendiri. Kurikulum diharapkan, kurikulum dilaksanakan dan kurikulum

⁷⁹ Tajul Ariffin bin Noordin (1993), "Pendidikan Bersepadu: Konsep dan Falsafahnya dalam KBSM", dalam Adnan Kamis (ed.), *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Pandangan dan Maklum Balas*. Selangor: Univerisiti Kebangsaan Malaysia, h.24.

⁸⁰ Nik Aziz dan Ng See Ngean (1991), *op.cit.*, h. 18.

dicapai adalah berbeza antara satu sama lain. Persoalan juga timbul mengenai siapakah sebenarnya yang melaksanakan kurikulum? Meskipun banyak tanggapan tentang isu ini, seperti peranan pemimpin politik dan pegawai-pegawai tentang tanggungjawab melaksanakan kurikulum, impak sebenar pelaksanaan kurikulum terhadap murid didokong bersama para guru besar, kakitangan sekolah dan paling utama adalah diri guru itu sendiri. Menurut Allan A. Glatthorn “.....*but it is still teachers who ultimately enact curricula and create the conditions under which curricula are experienced by students.*”⁸¹ Meskipun pelbagai pihak memainkan peranan dalam penggubalan dan pelaksanaan kurikulum, gurulah orang yang paling utama bertanggungjawab melaksanakannya.

2.2.3 Kurikulum j-QAF

Semasa lawatan Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi ke KPM pada 30 Disember 2003, beliau menyatakan hasrat melahirkan murid di sekolah rendah yang khatam al-Quran, menyarankan bahasa Arab diwajibkan, asas-asas fardu ain dihayati dan jawi diperkukuhkan bermula dari sekolah rendah. Susulan dari kenyataan beliau, KPM telah menganjurkan Seminar Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) peringkat kebangsaan pada 3 hingga 5 Mac 2004. Seminar ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan masyarakat dan para cendekiawan terhadap saranan tersebut. Program j-QAF telah dilaksanakan secara uji kaji dalam projek rintis selama 3 bulan dan berakhir pada Julai 2004. Projek rintis Fasa II dilaksanakan di dua buah sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Oktober hingga 31 Oktober 2004.

⁸¹ Allan A. Glatthorn (1924), *op.cit*, h. 10.

Pelaksanaan program j-QAF adalah secara berperingkat-peringkat mulai 2005 hingga 2010 dengan unjuran pelaksanaannya seperti dinyatakan dalam Jadual 2.1. Bagi maksud ini sebanyak 1221 buah sekolah terlibat pada tahun 2005. Adalah dijangka pada tahun 2010 bilangan sekolah akan menjadi sebanyak 7835 buah.

Jadual 2.1: Unjuran Baru Penyertaan j-QAF di Seluruh Malaysia Mulai 2005 -2010

| Negeri | Unjuran Penyertaan Sekolah 2006-2010 | | | | | |
|-----------------|--------------------------------------|------|------|------|------|------|
| | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
| Perlis | 14 | 15 | 16 | 12 | 5 | 5 |
| Kedah | 98 | 99 | 100 | 60 | 40 | 16 |
| Pulau Pinang | 51 | 52 | 53 | 24 | 24 | 26 |
| Perak | 132 | 133 | 133 | 75 | 75 | 75 |
| Selangor | 128 | 129 | 129 | 97 | 97 | 96 |
| Wp Kuala Lumpur | 43 | 44 | 45 | 10 | 10 | 14 |
| Negeri Sembilan | 52 | 53 | 54 | 37 | 40 | 49 |
| Melaka | 40 | 41 | 41 | 23 | 24 | 25 |
| Johor | 143 | 144 | 144 | 115 | 115 | 114 |
| Pahang | 83 | 84 | 84 | 100 | 100 | 155 |
| Terengganu | 69 | 70 | 71 | 44 | 44 | 45 |
| Kelantan | 89 | 90 | 91 | 64 | 64 | 16 |
| Sabah | 147 | 148 | 151 | 100 | 63 | 62 |
| Sarawak | 128 | 129 | 132 | 63 | 63 | 63 |
| WP Labuan | 4 | 4 | 3 | 3 | 2 | 1 |
| Jumlah | 1221 | 1235 | 1247 | 827 | 766 | 762 |

Sumber : Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM, 2007

**Jadual 2.2 : Unjuran Pelaksanaan Program j-QAF Di Sekolah Rendah
(Jumlah Sekolah)**

| Tahun | 2005 | 2006 | 2007 | 2008* | 2009* | 2010* |
|----------------------|------|------|------|-------|-------|-------|
| Peringkat penyertaan | | | | | | |
| Tahun 1 | 1221 | 1235 | 1247 | 827 | 766 | 762 |
| Tahun 2 | | 1221 | 1235 | 1247 | 827 | 766 |
| Tahun 3 | | | 1221 | 1235 | 1247 | 827 |
| Tahun 4 | | | | 1221 | 1235 | 1247 |
| Tahun 5 | | | | | 1221 | 1235 |
| Tahun 6 | | | | | | 1221 |
| Bilangan penyertaan | 1221 | 2456 | 3703 | 4530 | 5296 | 6058 |

*Unjuran baru oleh Bahagian Sumber Manusia,
Kementerian Pelajaran Malaysia , 2007.

Jadual 2.3 : Unjuran Bilangan Guru j-QAF Di Sekolah Rendah

| Tahun | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
|---|------|------|-------|-------|-------|-------|
| Bilangan guru | | | | | | |
| Tahun 1 | 3663 | 3705 | 3741 | 3780 | 3819 | 4797 |
| Tahun 3 (Tambahan guru) | | | 1221 | 1235 | 1247 | 1260 |
| Tahun 3 (Tambah 1 guru bahasa Arab) | | | | 1221 | 1235 | 1247 |
| Jumlah Kumulatif Guru j-QAF | 3663 | 7368 | 12330 | 18566 | 24867 | 32171 |

Sumber : Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM, 2007

2.2.3.1 Konsep j-QAF

Di dalam Buku Panduan Dasar, Pelaksanaan dan Pengurusan Kurikulum Dan Kokurikulum Program j-QAF, dinyatakan bahawa program j-QAF adalah suatu usaha memperkasakan Pendidikan Islam (PI) melalui penekanan khusus dalam pengajaran

Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah. Pelaksanaan program ini menggunakan kurikulum serta model dan modulnya yang tersendiri. Tenaga guru yang khusus digunakan untuk pemulihan, bimbingan, kemahiran, pengukuhan, pengayaan dan penghayatan murid. Pelaksanaannya menggunakan peruntukan jadual waktu sedia ada.

Beberapa modul P&P j-QAF digubal untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah terpilih di peringkat awal 2005. Bagi keselarasan penggunaan modul-modul ini, Buku Panduan Pelaksanaan Model-model P&P dan ko-kurikulum j-QAF telah disusun. Buku ini akan sentiasa dikemas kini dan disusun pada setiap tahun sehingga program j-QAF terlaksana sepenuhnya pada tahun 2010.

2.2.3.2 Objektif j-QAF

Beberapa objektif program j-QAF ialah memastikan semua murid Islam sekolah rendah akan dapat menguasai bacaan dan tulisan jawi, khatam al-Quran, menguasai asas BAK dan memantapkan dan menghayati amalan fardu ain.⁸²

2.2.3.3 Kepentingan j-QAF

Kepentingan program j-QAF pula ialah untuk menambahbaik dan mengatasi kekurangan Pendidikan Islam dan BAK. Oleh itu, bahan-bahan dan kemudahan untuk program ini telah disediakan iaitu buku panduan dasar dan pengurusan kurikulum j-QAF, buku-buku panduan pelaksanaan model-model pengajaran j-QAF, buku aktiviti jawi dan BBM dan belajar pemulihan jawi, mushaf al-Quran, buku teks BAK,

⁸² JAPIM (2007), *op.cit.*, h. 1.

buku aktiviti bahasa Arab, peralatan ICT dan perisian komputer bagi keempat-empat komponen j-QAF tersebut.⁸³

2.2.3.4 Strategi Pelaksanaan j-QAF

Untuk memastikan kelancaran kurikulum j-QAF di sekolah, ahli jawatankuasa j-QAF sekolah perlu dibentuk. Peranan guru besar adalah sebagai penasihat, untuk memastikan AJK j-QAF sekolah dibentuk dan pengurusan serta pelaksanaan j-QAF sekolah berjalan berdasarkan kurikulum dan ko-kurikulum j-QAF KPM. Penasihat juga berperanan memberi khidmat nasihat terhadap setiap pelaksanaan program dan aktiviti.⁸⁴

Ketua Panitia Pendidikan Islam di sekolah pula menjalankan peranan sebagai pengerusi AJK j-QAF. Pengerusi berperanan merancang aktiviti j-QAF sekolah bersama jawatankuasa induk. Pengerusi mempengerusikan setiap mesyuarat, perjumpaan dan taklimat. Beliau juga membantu dan bekerjasama dengan semua AJK persatuan agar ia lebih efisien dan sistematik. Pengerusi hendaklah melaksanakan aktiviti yang telah dirancang seterusnya membuat penilaian aktiviti untuk tujuan pelaporan.

⁸³ *Ibid.*, h. 8

⁸⁴ *Ibid.*, h. 9-13

2.2.4 Model-model j-QAF

Untuk pelaksanaan 2005, lima model telah dikenalpasti iaitu empat model pengajaran dan satu model kokurikulum. Model-model berkenaan adalah seperti berikut :⁸⁵

- a. Model Kelas Pemulihan Jawi
- b. Model Khatam al-Quran
 - i. Model 6 bulan
 - ii. Model Tasmik
- c. Model Pelaksanaan Perluasan BAK
- d. Model Bestari Solat (kokurikulum)

Pengukuhan program j-QAF hendaklah dilaksanakan melalui kelab, persatuan dan aktiviti seperti berikut (KPM, 2007) :

- a. Kelab Seni Tulisan Jawi
- b. Kem Bina Juara
- c. Ihtifal Khatam al-Quran
- d. Persatuan Bahasa Arab

2.2.4.1 Model Pemulihan Jawi⁸⁶

Jawi adalah sebahagian daripada komponen Pendidikan Islam dan mula dilaksanakan pada tahun 2003 dengan pendekatan pengajaran dua waktu seminggu pada enam bulan pertama di tahun satu. Laporan pemantauan mengenainya mendapati penguasaan bacaan dan tulisan jawi perlu diperbaiki lagi. Ini bermakna jawi dalam Pendidikan Islam semata-mata masih belum mencukupi dan berkesan.

⁸⁵ *Ibid.*, h. 2-3.

⁸⁶ JAPIM (2006), *op.cit.*, h. 7-9.

Oleh itu, pemulihan Jawi dalam j-QAF menjadi keutamaan khasnya kepada murid tercicir supaya semua murid boleh menguasai Jawi setelah diberi bimbingan secara berterusan. Model Kelas Pemulihan Jawi akan diajar oleh guru khas pemulihan jawi dalam waktu yang sama dengan kelas jawi biasa di semua sekolah dengan menggunakan modul P&P yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran.

Jadual 2.4 : Agihan Waktu P&P Pemulihan Jawi

| Tahun | 6 bulan pertama | 6 bulan kedua |
|--------------|------------------------|----------------------|
| Tahun 1 | 2 waktu seminggu | 1 waktu seminggu |
| Tahun 2 | | 1 waktu seminggu |
| Tahun 3 | | 1 waktu seminggu |
| Tahun 4 | | 1 waktu seminggu |
| Tahun 5 | | 1 waktu seminggu |
| Tahun 6 | | 1 waktu seminggu |

Sumber : Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM, 2007

Strategi pelaksanaan pemulihan jawi ialah dengan mengenalpasti murid-murid yang keciciran melalui ujian khas atau maklumat daripada guru-guru yang mengajar. Jumlah murid bagi satu kelas pemulihan hendaklah di antara 6 hingga 10 orang. Guru j-QAF akan membawa murid-murid ini ke tempat yang sesuai bagi pelaksanaan kelas pemulihan jawi. Peruntukan masa dua kali seminggu disediakan untuk kelas pemulihan jawi ini.

Guru perlu menyediakan tempat yang sesuai untuk melaksanakan pemulihan jawi, menyediakan bahan bantu belajar, melaksanakan P&P mengikut agihan kemahiran seperti yang ditetapkan dalam modul dan menekankan kaedah permainan dan nyanyian secara efektif. Guru akan membuat penilaian dan merekodkan pencapaian pelajar setiap kali kelas dijalankan. Dalam melaksanakan pemulihan jawi

ini, GPI bertugas menjalankan ujian khas terhadap murid-murid dan meneruskan pengajaran jawi seperti biasa. Guru j-QAF pula melaksanakan kelas pemulihan, merekod pencapaian murid dan melapor kepada pihak Pejabat Pendidikan.

Objektif yang ditetapkan setelah kelas pemulihan jawi ialah murid dapat mengenal, menyebut dan menulis huruf jawi tunggal, huruf jawi sambung, suku kata terbuka, suku kata tertutup, rangkai kata dan ayat, perkataan pinjaman, perkataan berimbuhan dan ayat pendek, tanda baca, teks mudah dan mengenal dan meniru khat *nasakh* dan *rik'ah*.⁸⁷

Penilaian murid akan dilaksanakan setiap kali kelas berjalan. Guru akan menguji kemahiran mengenal, membaca dan menulis huruf dan suku kata di mana hasil penilaian direkod dalam borang khas kelas pemulihan jawi. Setelah itu laporan hendaklah diserahkan dari sekolah ke Pejabat Pendidikan Gabungan (PPG) tiga kali setahun iaitu pada awal Mei, awal Ogos dan awal November. (Rujuk lampiran borang pengesanan kelas pemulihan jawi)

2.2.4.2 Model 6 Bulan Khatam al-Quran⁸⁸

Al-Quran telah diajar sebagai sebahagian Pendidikan Islam dalam bidang Asuhan Tilawah al-Quran pada masa ini. Namun ia tidak menekankan pembelajaran sehingga khatam al-Quran kerana ia memerlukan bimbingan berterusan daripada bilangan guru yang sesuai dengan nisbah murid yang menepati pendekatan *talaqqi* dan *musyafahah* (iaitu satu kaedah pembelajaran secara bersemuka dengan guru bagi

⁸⁷ *Ibid.*, h. 8

⁸⁸ *Ibid.*, h. 121-128.

mendengar, membetul kesalahan dan menyebut semula dengan baik dan lancar). Oleh itu, Pendidikan Islam sebelum ini hanya menjurus kepada kebolehan membaca sahaja manakala aspek khatam tidak ditekankan di sekolah tetapi menyerahkannya kepada masyarakat.

Takrif model 6 bulan khatam al-Quran iaitu program yang menumpukan kepada penguasaan kemahiran membaca al-Quran (iqra'/al-Quran) pada enam bulan pertama tahun satu hingga enam. Objektif model ini ialah murid dapat menguasai kaedah iqra', murid dapat membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid, murid dapat menghabiskan surah-surah yang ditetapkan dan murid dapat menghabiskan bacaan al-Quran sebanyak 30 juzuk. Kumpulan sasaran semua murid yang beragama Islam tahun satu hingga tahun enam sekolah rendah. Kepentingan model khatam al-Quran ialah menekankan pembelajaran sehingga khatam al-Quran.

Waktu Pendidikan Islam KBSR adalah enam waktu (180 minit) seminggu. Strategi pelaksanaan model 6 Bulan Khatam al-Quran akan menggunakan waktu Pendidikan Islam sebanyak empat masa (120 minit) seminggu dalam tempoh enam bulan pertama (Januari hingga Jun) tahun persekolahan. Pada masa yang sama bagi murid yang belum menguasai bacaan al-Quran akan meneruskan kaedah iqra'. Manakala dua waktu (60 minit) pula diperuntukkan untuk model pemulihan jawi j-QAF.

Pada enam bulan kedua (Jun hingga November) mereka akan mengikuti kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan sukatan sedia ada. Pada enam bulan kedua ini pengajaran al-Quran menggunakan tiga waktu (90 minit) untuk tahun satu dan dua

waktu pada tahun dua hingga enam. Manakala dua masa (60 minit) adalah jadual Ulum Syariah dan Jawi satu masa (30 minit). Seterusnya model khatam al-Quran ini diperkukuhkan lagi dengan kelas tasmik di luar jadual waktu persekolahan seperti waktu petang bagi sesi pagi, waktu pagi bagi sesi petang dan waktu kokurikulum.

Model 6 bulan khatam al-Quran ini hendaklah dimulakan dengan satu ujian ringkas untuk tujuan diagnostik. Ujian ini menggunakan instrumen yang disediakan oleh pihak sekolah. Murid dibahagikan kepada beberapa kelompok mengikut tahap kebolehan masing-masing. Murid yang belum membaca iqra' dimulakan dengan iqra' satu. Murid yang telah membaca dan menguasai iqra' akan menyambung buku iqra' yang seterusnya. Murid yang telah menguasai bacaan al-Quran akan meneruskan bacaan hingga khatam al-Quran. Murid yang telah khatam akan mengulangi bacaan untuk tujuan meningkatkan mutu bacaan.

Jadual 2.5: Agihan Waktu Khatam Al-Quran Dan Asuhan Tilawah Al-Quran

| Tahun | 6 bulan pertama (Khatam al-Quran) | 6 bulan kedua (Asuhan Tilawah al-Quran) |
|--------------|--|--|
| Tahun 1 | 4 waktu seminggu | 3 waktu seminggu |
| Tahun 2 | 4 waktu seminggu | 2 waktu seminggu |
| Tahun 3 | 4 waktu seminggu | 2 waktu seminggu |
| Tahun 4 | 4 waktu seminggu | 2 waktu seminggu |
| Tahun 5 | 4 waktu seminggu | 2 waktu seminggu |
| Tahun 6 | 4 waktu seminggu | 2 waktu seminggu |

Sumber : Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM, 2007

P&P hendaklah dijalankan mengikut kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*. Bagi kelas yang ramai murid, dua murid yang berkebolehan membaca secara serentak. Guru merekod bacaan setiap murid di dalam buku rekod bacaan al-Quran masing-

masing. Bagi murid-murid tahun 2, proses P&P ialah semua murid membaca al-Quran menggunakan Mashaf Rasm Uthmani. Bimbingan hendaklah dijalankan oleh GPI, guru j-QAF dan murid turus.⁸⁹

Guru akan merekod bacaan setiap murid di dalam buku rekod bacaan al-Quran (BRBA) masing-masing. Modul P&P model 6 bulan hendaklah menjadi asas rujukan guru. Kaedah iqra' digunakan bagi murid yang tidak menguasai bacaan al-Quran.

Pada enam bulan pertama (Januari-Jun) tahun satu, guru j-QAF dikehendaki mengajar bersama-sama dengan guru Pendidikan Islam (GPI) di dalam kelas yang sama. Proses *talaqqi* dan *musyafahah* dikendalikan oleh GPI dan tiga orang guru j-QAF. Proses ini dilakukan secara langsung oleh guru untuk setiap murid. Guru hendaklah menetapkan *target* lima minit masa bacaan untuk setiap murid bagi setiap waktu P&P. Guru boleh meminta dua orang murid yang berkebolehan membaca secara serentak.

Manakala pada enam bulan kedua (Julai-November), guru j-QAF dicadangkan untuk bersama dengan guru GPI menjalankan P&P Tilawah al-Quran yang merangkumi ayat kefahaman dan hafazan. Guru j-QAF boleh menggunakan sebahagian waktu al-Quran untuk mentasmik bacaan murid yang cemerlang.

⁸⁹ Murid turus adalah murid yang telah cekap membaca al-Quran dan membantu guru membimbing rakan-rakannya yang belum menguasai bacaan al-Quran.

**Jadual 2.6 :Contoh Jadual Waktu Model 6 Bulan Khatam Al-Quran
Januari – Jun Tahun 1**

| | 7.40 | 8.10 | 8.40 | 9.10 | 10.10 | 10.30 | 11.00 | 11.30 | 12.00 | 12.30 |
|--------|------|------|------|------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|
| Isnin | | Q | | | R | | | | | |
| Selasa | | | | Q | E | J | J | | | |
| Rabu | | | | | H | Q | | | | |
| Khamis | | | | | A | | | | | |
| Jumaat | | Q | | | T | | | | | |

Sumber : Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM, 2007

Bahan P&P untuk model 6 bulan khatam al-Quran ialah buku iqra' satu hingga enam, al-Quran rasm Uthmani, buku rekod bacaan al-Quran, kaset/cd/vcd (dicadangkan) dan kad bacaan (surah-surah pendek).

Pihak sekolah perlu sama-sama memainkan peranan memastikan kelancaran model ini. Peranan GPI adalah membimbing P&P guru j-QAF, menyelaras P&P dalam kelas, memastikan persediaan murid dan mengesahkan bacaan murid. Guru j-QAF pula berperanan membahagikan kelompok murid, membimbing bacaan murid secara *talaqqi* dan *mushafahah*, mencatat bacaan murid, mengenalpasti kelemahan murid dan membuat laporan pencapaian murid. Guru j-QAF hendaklah berbincang dengan GPI untuk menghantar laporan ke PPG dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN).

Penilaian bacaan iqra' dilakukan pada setiap bulan oleh guru j-QAF dan GPI. Laporan penilaian hendaklah dilengkapi dengan menggunakan borang qr01, qr02, qr03 dan qr04 (selaraskan laporan dengan GPI dalam program pelaksanaan al-Quran dan jawi tahun satu, enam bulan pertama). Laporan penilaian hendaklah direkod dan difailkan untuk simpanan. Penilaian khatam al-Quran hendaklah menggunakan

borang analisa pencapaian yang disediakan dan dihantar kepada PPG dan JPN awal Jun dan Oktober. (Rujuk lampiran borang penilaian bacaan al-Quran, borang penilaian agihan markah, borang analisa khatam al-Quran dan borang analisa pencapaian).

2.2.4.3 Model Tasmik⁹⁰

Semua guru j-QAF terlibat secara langsung dalam program tasmik sebagai pembimbing kepada murid-murid dengan peruntukan waktu seperti yang dicadangkan di jadual taburan waktu guru j-QAF. Pihak pentadbir sekolah bertanggungjawab dalam menentukan kelancaran pelaksanaannya seperti pembahagian jadual, masa, tempat dan pemakluman kepada ibubapa. Pihak sekolah boleh melibatkan GPI dan guru-guru lain di sekolah tersebut yang mempunyai kemahiran bacaan al-Quran yang baik.

Bahan P&P model dan modul tasmik ialah al-Quran rasm Uthmani dan buku rekod bacaan al-Quran murid. Tenaga pengajar model tasmik ialah guru j-QAF (penyelaras dan pembimbing), guru GPI (pembimbing) dan guru-guru akademik (pembimbing). Strategi pelaksanaan tasmik ialah murid hanya menggunakan al-Quran Rasm Uthmani dan setiap murid mempunyai guru pembimbing. Guru pembimbing akan membimbing dan merekod bacaan setiap kali tasmik (rujuk lampiran BRBA). Setiap murid memiliki BRBA dan guru pembimbing akan menilai dan mengesahkan bacaan murid sekali seminggu. Murid yang cemerlang boleh meneruskan bacaan tanpa terikat dengan agihan juzuk yang dicadangkan. Waktu

⁹⁰ *Ibid.*, h. 137-140.

tasmik adalah dua hingga empat waktu selepas waktu persekolahan. Tasmik juga boleh dijalankan pada hari Sabtu minggu kedua dan keempat. Penilaian secara mingguan akan dilakukan untuk menilai penguasaan bacaan murid secara ringkas. Penilaian secara menyeluruh akan dilakukan di akhir tahun.

Jadual 2.7 : Contoh Jadual Waktu Tasmik (Sesi Pagi)

| | 12.00 12.30 | 12.30 01.00 | 1.00 1.30 | 1.30 2.00 | 2.00 2.30 | 2.30 3.00 |
|--------|----------------|----------------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| Isnin | | R (SOLAT) | T | T | T | T |
| Selasa | | E | T | T | T | T |
| Rabu | | H | T | T | T | T |
| Khamis | | A | T | T | T | T |
| Jumaat | | T | T | T | T | T |

Sumber : Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (Januari 2006)

Jadual 2.8 : Contoh Jadual Waktu Tasmik (Sesi Petang)

| | 10.30 11.00 | 11.00 11.30 | 11.30 12.00 | 12.00 12.30 | 12.30 1.00 | 1.00 1.30 |
|--------|----------------|----------------|----------------|----------------|---------------|--------------|
| Isnin | T | T | T | T | P&P | P&P |
| Selasa | T | T | T | T | P&P | P&P |
| Rabu | T | T | T | T | P&P | P&P |
| Khamis | T | T | T | T | P&P | P&P |
| Jumaat | | | | | P&P | P&P |

Sumber : Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (Januari 2006)

2.2.4.4 Model Bahasa Arab Komunikasi⁹¹

Matapelajaran Bahasa Arab Komunikasi diperluaskan kepada semua murid dengan wajib kepada semua murid beragama Islam dan memberi pilihan kepada

⁹¹ *Ibid.*, h. 158-165.

murid bukan beragama Islam. BAK hendaklah diajar dalam peruntukan masa sedia ada BAK dua waktu (60 minit) seminggu dan hendaklah dimasukkan dalam jadual waktu rasmi persekolahan seperti mana yang dijelaskan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 Tahun 2002 KP (BS) 8591 Jild XVII (8) bertarikh 1 Oktober 2002: Penawaran Mata Pelajaran Bahasa Arab Tambahan di Sekolah Kebangsaan.

Seminar Jawi, al-Quran, Bahasa Arab, dan Fardu Ain (j-QAF) peringkat kebangsaan pada 3 hingga 5 Mac 2004 memutuskan supaya Model Perluasan Pelaksanaan BAK dijalankan bersama model-model projek j-QAF yang lain. P&P BAK j-QAF di peringkat rendah bermatlamat menanam minat murid mempelajari Bahasa Arab bagi menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi dengan mudah.

Murid dapat mendengar bunyi huruf-huruf, perkataan dan ayat Bahasa Arab dan memahaminya, menyebut dengan betul huruf-huruf, perkataan dan ayat bahasa Arab, bertutur dalam bahasa Arab berdasarkan situasi tertentu dan memahaminya, membaca dengan betul dan memahami perkataan dan ayat Bahasa Arab, menulis dengan betul huruf-huruf, perkataan dan ayat Bahasa Arab dan memahaminya dan menulis petikan berdasarkan situasi tertentu menggunakan ayat-ayat mudah dan memahaminya. Kumpulan sasaran adalah murid tahun satu pada tahun 2005 dan sebanyak 1,221 sekolah terpilih pada tahun 2005.

Dari segi strategi pelaksanaan, tenaga pengajar adalah guru j-QAF Bahasa Arab. Peruntukan masa sedia ada untuk Sekolah Kebangsaan ialah 60 minit seminggu (dua waktu). BAK diajar dalam jadual waktu rasmi persekolahan dengan

menggunakan senarai unit dan topik yang dinyatakan dalam buku teks. Pelaksanaan setiap unit hendaklah mencakupi pelbagai aktiviti. P&P yang dilaksanakan pula hendaklah dengan kadar satu unit untuk satu bulan.

Dari segi agihan tugas, Guru Besar bertanggungjawab memastikan program dapat dilaksanakan dengan sempurna, meneliti dan mengemukakan laporan pelaksanaan model kepada JPN. Ketua Panitia Pendidikan Islam bertanggungjawab mengadakan mesyuarat penyelarasan pelaksanaan model, bekerjasama dengan semua pihak di sekolah bagi menjayakan pelaksanaan model dan menyediakan serta menyerahkan laporan pelaksanaan model kepada Guru Besar.

Guru Bahasa Arab j-QAF bertanggungjawab menggunakan buku teks, buku latihan dan aktiviti murid serta Buku Panduan Guru yang disediakan. Mereka hendaklah merancang aktiviti-aktiviti P&P yang menarik dan bermakna, mempelbagaikan aktiviti komunikatif untuk menarik minat murid, memastikan aktiviti P&P berpusatkan murid, membuat penilaian dengan menggunakan instrumen yang disediakan, merekodkan hasil penilaian yang dilakukan selepas proses P&P dan melaporkan perjalanan kelas dan hasil penilaian kepada Ketua Panitia.

Penilaian hendaklah dijalankan dan ia merupakan sebahagian daripada proses P&P. Ia merupakan aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu hasil pembelajaran dan objektif P&P mengikut format Penilaian Kendalian Sekolah (PKS) Prinsip PKS ialah lebih bersifat formatif, mengesan perkembangan individu secara menyeluruh (intelektual, emosi, rohani dan jasmani), bersistem dan berterusan, menggunakan pelbagai kaedah (pemerhatian,

lisan dan penulisan) dan berasaskan kriteria bagi membolehkan tindakan susulan dikendalikan oleh guru.

2.2.4.5 Model Bestari Solat⁹²

Kem Bestari Solat (KBS) ialah aktiviti yang dilaksanakan untuk memastikan murid boleh menunaikan solat dengan sempurna dari segi bacaan, perbuatan, ilmu dan penghayatan. KBS dilaksanakan oleh pihak sekolah di tempat yang sesuai dan ia merupakan aktiviti kokurikulum. Ia dikategorikan sebagai aktiviti kokurikulum PI dan dimasukkan dalam takwim sekolah dan dijalankan sebanyak empat kali setahun.

Objektif KBS adalah murid dapat berwuduk dengan sempurna, dapat mengetahui bilangan rakaat solat-solat fardu, dapat melaksanakan semua perbuatan serta bacaan dalam solat dengan betul dan lancar. Kumpulan sasaran ialah pelajar tahun satu. Fasilitator adalah terdiri daripada guru j-QAF sebagai penyelarar, guru-guru Pendidikan Islam, guru-guru lain dan ibu bapa serta penjaga. Cara pelaksanaan ialah membentuk jawatankuasa pelaksana, menetapkan tempat dan masa untuk kem diadakan, menetapkan jadual aktiviti diselaraskan, menentukan fasilitator, menentukan bilangan murid yang akan mengikuti kem dan taklimat hendaklah disampaikan dengan jelas dan teratur kepada semua yang terlibat.

Aktiviti-aktiviti KBS adalah latihan amali wuduk, amali solat, solat berjemaah, ujian pra dan pasca kem solat. Penilaian pencapaian murid hendaklah direkodkan (rujuk lampiran Borang Analisa Rekod Pencapaian Amali Solat Murid). Pelajar yang gagal menguasai solat selepas kem diadakan, hendaklah diambil

⁹² *Ibid.*, h. 266-273.

tindakan susulan. Pelaksanaannya juga memerlukan kerjasama semua pihak terutama penglibatan PIBG, guru-guru sedia ada di sekolah dan tidak semata-mata diserahkan kepada GPI. Manakala sumber kewangan adalah daripada peruntukan khusus (PCG sekolah), sumbangan PIBG, sumbangan ibubapa, sumbangan pihak swasta dan peruntukan KPM.

2.3 Kajian Lepas Berkaitan

Tinjauan kajian lepas akan dibincangkan untuk membantu menyokong hujah-hujah yang dibincangkan oleh penyelidik. Hasil kajian lepas juga dapat memberi idea kepada penyelidik untuk menjadi panduan bagi mengisi ruang masalah yang belum dapat diatasi atau belum dikaji. Tinjauan ini akan menggabungkan kajian luar dan dalam Malaysia mengenai pengajaran jawi, Al-Quran, bahasa Arab dan fardu ain. Begitu juga kajian-kajian yang berhubung kait dengan soalan-soalan kajian seperti penggunaan BBM oleh guru, latihan profesionalisme keguruan, kemahiran, penggunaan kaedah dan teknik mengajar dan lain-lain lagi akan dibincangkan oleh penulis dengan lebih mendalam dalam bahagian ini.

2.3.1 Kajian Tentang Kepentingan Pendidikan Islam Melalui Program j-QAF

Penyelidik percaya banyak pihak tertanya-tanya adakah Pendidikan Islam perlu diperkasakan melalui program j-QAF. Sebaliknya adakah program ini sebenarnya tidak penting dan tidak relevan masa kini. Kajian yang dijalankan oleh Khuzaifah (2006) terhadap pelaksanaan program j-QAF dalam Gabungan Kota

Kinabalu mendapati, program ini amat penting dilaksanakan. Malah ia perlu disokong dan didokong oleh semua pihak yang terlibat. Dapatan kajian mendapati ibu bapa, para guru dan pentadbir sekolah sama-sama memberikan sokongan padu ke arah kejayaan program ini dengan harapan ianya akan dapat membina insan yang berilmu, beriman dan beramal.⁹³

Kajian oleh Nasrudin *et al.* pada tahun 2006 terhadap pelaksanaan program KPLI-LPBS-SR-J-QAF di Sekolah Kebangsaan KPM mendapati, pelaksanaan program j-QAF telah berjaya mencapai matlamatnya melalui P&P dengan menggunakan pelbagai jenis model mengikut komponen-komponen mata pelajarannya (min 3.5) berbanding model integrasi - KAFA, SAN dan SAR yang didapati gagal mencapai matlamatnya.⁹⁴ Ini menunjukkan pentingnya program j-QAF dilaksanakan dalam usaha memperkasakan Pendidikan Islam di Malaysia. Penyelidik akan meninjau perkara ini dalam kajian yang dijalankan di lokasi yang telah dipilih. Sekiranya pihak yang terlibat menganggap program ini penting, sudah pasti komitmen yang tinggi akan dicurahkan demi mencapai objektif yang hendak dicapai.

2.3.2 Kajian Tentang Pelajaran dan Tulisan Jawi

Dalam model pemulihan jawi, P&P jawi j-QAF adalah berkonsepkan kelas pemulihan jawi. Hal ini saling berkait dengan permasalahan penguasaan 3M. Setelah hampir tiga puluh tahun perlaksanaannya, program pendidikan Pemulihan masih

⁹³ Khuzafah Bte Jusoh (2006), "Pelaksanaan Program j-QAF dalam Pengajaran Pendidikan Islam KBSR Gabungan Kota Kinabalu Sabah" (Kertas Projek, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah), h. 43.

⁹⁴ Nasrudin bin Basar, Ghazali bin Darusalam, Kasim bin Basir, Zainuddin bin Abd Hamid & Badrul Hisham bin Ismail (2006), "Kajian Pelaksanaan KPLI LPBS SR j-QAF di Sekolah-sekolah Kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia" (Laporan Bahagian Pendidikan Guru, KPM), h. 4.

belum berkesan sepenuhnya dalam usaha menangani masalah penguasaan 3M khususnya kemahiran asas membaca dalam kalangan pelajar-pelajar pemulihan, serta memastikan 100% celik huruf dalam sistem pendidikan negara. Jabatan Pendidikan Khas, dalam Buku Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan Pemulihan Khas melaporkan bahawa *”berdasarkan laporan penyelidikan menunjukkan antara sepuluh hingga lima belas peratus dalam kalangan murid-murid sekolah masih menghadapi masalah kegagalan menguasai 3M khususnya kemahiran asas pembacaan.”*

Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pekelilingnya KP/JPK/BPKP/03/03/1 (43) (1998), telah mencadangkan agar semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara melaksanakan program intervensi 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) mulai Januari 1999. Keadaan ini memperlihatkan betapa seriusnya masalah kegagalan menguasai kemahiran asas membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah di seluruh negara, dan golongan yang dimaksudkan ialah murid-murid pemulihan.

Murid-murid pemulihan sering dilabelkan sebagai murid-murid lembab, dan tidak diberi perhatian bersungguh-sungguh dalam mempertingkatkan penguasaan kemahiran membaca. Perkara ini didedahkan dalam kajian Zainuddin (1996) menyatakan bahawa kegagalan guru yang ketara ialah untuk menyediakan alat bantu mengajar bagi memperkayakan penguasaan kemahiran-kemahiran asas kemahiran

membaca.⁹⁵ Malah guru sering menganggap bahawa penyediaan alat bantu mengajar adalah sebagai beban serta tidak diambil kira dengan serius oleh guru-guru pendidikan pemulihan akhir-akhir ini.⁹⁶

Masalah-masalah yang amat ketara yang masih belum ditangani secara berkesan dan terancang dalam kalangan pendidikan pemulihan ialah penguasaan kemahiran asas membaca yang melibatkan:⁹⁷

- a. Kegagalan mendiskriminasikan bentuk, kedudukan, nama, sebutan konsonan dan vokal.
- b. Tidak berupaya menggabungkan sebutan bunyi konsonan dan sebutan vokal atau sebaliknya.
- c. Tidak berupaya menggabungkan abjad-abjad menjadi suku kata terbuka dan suku tertutup iaitu KV+KVK, KVK, dan KVKK
- d. Tidak berupaya mengingatkan kembali apa yang dibaca.

Permasalahan kelas pemulihan seperti dalam kajian berkaitan di atas, tidak jauh bezanya dengan pemulihan jawi. Mata pelajaran jawi diajar dalam mata pelajaran PI semenjak kurikulum baru sekolah rendah (KBSR) diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara. Sepanjang tempoh itu, tahap penguasaan murid dalam pelajaran jawi belum mencapai tahap yang membanggakan.⁹⁸ Fenomena ini turut dibuktikan dalam satu kajian oleh Farizah (2005) tentang kemerosotan penggunaan tulisan jawi di kalangan pelajar tingkatan empat di Subang Jaya. Kajian ini mendapati bahawa 82 peratus pelajar berada pada paras lemah, manakala 46 peratus sahaja yang

⁹⁵ Zainuddin bin Mohd. Isa (1996), "Keberkesanan Penggunaan Alat Bantu Mengajar dalam Pengajaran Bahasa Malaysia di Kelas Pemulihan – Satu Kajian di Daerah Hulu Selangor" (Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 75.

⁹⁶ *Ibid.*

⁹⁷ Syed Abu Bakar Syed Akil (1997), *Bimbingan Khas. Perkhidmatan Pendidikan Pemulihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 45.

⁹⁸ JAPIM (2006), *Buku Panduan Pelaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum j-QAF Tahun 3*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, h. 1.

boleh menulis dan membaca secara sederhana.⁹⁹ Antara faktor kelemahan menulis jawi ialah timbul kekeliruan dalam menyambung huruf-huruf jawi yang sepatutnya disambung ketika menulis. Kelemahan dalam penguasaan jawi dipengaruhi sikap negatif yang beranggapan tulisan jawi tiada nilai komersil. Laporan kajian oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Dasar Pendidikan KPM pada tahun 1992 mengenai P&P Pendidikan Islam di Sekolah-sekolah Malaysia mendapati, ada hubungan antara kebolehan membaca al-Quran dan kebolehan membaca dan menulis jawi. Laporan ini disokong oleh kajian Madihah¹⁰⁰ yang mendapati pelajar yang lemah dalam penguasaan bacaan dan menulis jawi boleh mempengaruhi tahap penguasaan bacaan al-Quran mereka.

Kajian Maimunah (1995) juga telah membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kebolehan dalam pelajaran jawi dengan membaca al-Quran. Dapatan kajian menunjukkan pelajar yang kurang berminat lebih kerap melakukan kesalahan dalam membaca al-Quran berbanding pelajar yang minat belajar jawi.¹⁰¹ Kajian tersebut juga mendapati beberapa faktor yang dikenal pasti sebagai penghalang kepada seseorang menggunakan tulisan jawi. Antara faktor utamanya ialah kerana terlalu banyak penggunaan tulisan rumi, kurang penekanan akan kepentingan jawi dan faktor persekitaran yang tidak menggalakkan penggunaan

⁹⁹ Farizah binti Yazan (2005), "Penguasaan Tulisan Jawi di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Sebuah Sekolah di Subang Jaya" (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya), h. 88.

¹⁰⁰ Madihah Mohamad (1992) "Pembelajaran al-Quran di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Mengengah: Satu Tinjauan di Daerah Kuala Terengganu" (Kertas Projek Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya), h. 93.

¹⁰¹ Maimunah Ismail (1995), "Kemahiran Membaca al-Quran di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Satu: Satu Kajian Kes" (Tesis Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya) h. 78.

tulisan jawi. Ini disokong oleh kajian Nik Rusila (1997) yang turut membongkar kemerosotan tulisan jawi di kalangan pelajar sekolah menengah.¹⁰²

Kajian oleh Lutfi (1984) menyatakan bahawa murid sekolah aliran agama dapat membaca dan menulis jawi dengan lebih baik berbanding sekolah aliran biasa. Begitu juga pelajar bandar dan luar bandar yang mengaji al-Quran di luar waktu sekolah, dapat membaca dan menulis jawi dengan lebih baik. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara jawi dan al-Quran.¹⁰³ Penyelidik beranggapan sekiranya seorang pelajar sudah dapat membaca al-Quran di peringkat awal lagi, ia tidak akan menghadapi masalah mempelajari tulisan jawi, begitulah sebaliknya. Ini disokong lagi melalui dapatan kajian Ahmad (1989) mengenai hubung kait jawi dan al-Quran. Murid yang belajar agama dan al-Quran di luar masa sekolah lebih berkebolehan membaca jawi.¹⁰⁴ Ini membuktikan bahawa Al-Quran dan jawi tidak boleh dipisahkan.

Kajian yang dibuat oleh Pusat Perkembangan Kurikulum pada tahun 1985 terhadap masalah membaca dan menulis jawi KBSR, mendapati 35 peratus daripada guru-guru yang ditemubual menyatakan hampir 50 peratus murid tidak menguasai pembacaan dan penulisan jawi. Masa yang singkat (30 minit) yang diberikan untuk pelajaran jawi dikatakan sebagai sebab utama mengapa murid tidak menguasai membaca dan menulis jawi. Justeru peruntukan jawi dalam j-QAF ditambah 30 minit

¹⁰² Nik Rusila Nik Yaacob (1997), "Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Pencapaian dan Minat Pelajar dalam Pendidikan Islam" (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya) h. 93.

¹⁰³ Lutfi Abas (1984), *Kaedah dan Faedah Belajar Jawi*. Jurnal Jld. 28 Bil. 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 19.

¹⁰⁴ Ahmad Burak (1989), "Kebolehan Membaca Jawi dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah" (Kajian Ilmiah, Institut Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim), h. 22.

lagi, menjadi 60 minit.¹⁰⁵ Namun jika diperhatikan penggunaan jawi juga adalah meluas dalam semua kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan pengiktirafan yang telah diberikan iaitu jawi merentasi kurikulum PI dan hendaklah digabungjalinkan dalam pengajaran PI. Maka sewajarnya para guru jawi menggunakan kemahiran sebaik mungkin dalam merentas dan menggabungjalinkan jawi dalam semua bidang PI.

Kajian yang telah dijalankan oleh Nik Hassan (2006) terhadap kemahiran menulis jawi dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat di empat buah sekolah daerah Tuaran, Sabah mendapati bahawa skor min pelajar di daerah ini pada 2.26. Dapatan ini menggambarkan responden di daerah ini hanya mampu mengenali huruf-huruf jawi yang belum bersambung dengan bacaan min 3.17, manakala dari segi penulisan huruf-huruf jawi pada min 2.78. Responden juga bermasalah untuk menyambung huruf-huruf jawi bagi membentuk perkataan. Dapatan min 2.45 menunjukkan pelajar-pelajar ini gagal untuk mencantumkan huruf jawi menjadi perkataan.¹⁰⁶ Inilah fenomena yang dihadapi oleh para guru dan murid sekolah menengah mengenai penguasaan jawi peringkat menengah yang masih lemah. Pengalaman penyelidik sendiri yang pernah mengajar pelajar sekolah menengah selama 15 tahun juga menghadapi konflik mengajar PI yang menggunakan buku teks jawi. Hanya sebilangan kecil murid yang dapat membaca buku teks tersebut, manakala yang selebihnya bergantung penuh kepada buku-buku rujukan yang dibeli di luar yang bertulisan rumi.

¹⁰⁵ Norhawati Salimuddin (2000), "Masalah Penggunaan Tulisan Jawi di Sekolah Rendah Daerah Kinta 1 Ipoh-Satu Tinjauan" (Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 8.

¹⁰⁶ Nik Hassan Bin Seman (2006), "Pengaruh Motivasi dan Gaya Pembelajaran Pelajar Terhadap Kemahiran Menulis Jawi" (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah), h. 83-84.

Persaingan tulisan jawi dengan tulisan rumi juga berlaku dan memberi impak terhadap penguasaan jawi. Tulisan rumi lebih dominan di sekolah-sekolah dan digunakan dalam banyak mata pelajaran lain. Atas alasan inilah murid-murid dikatakan lambat menguasai kemahiran jawi. Bersesuaian dengan dapatan kajian Muhammad Endut (1992) yang mendapati, ramai pelajar yang lambat menguasai jawi disebabkan ia hanya diberi penekanan dalam masa pelajaran Pendidikan Islam sahaja.¹⁰⁷ Permasalahan ini disokong oleh kajian Ghazali (1982) yang merumuskan bahawa masalah penggunaan tulisan jawi ini timbul kerana;¹⁰⁸

- a. Tulisan jawi ini kurang diperlukan jika dibandingkan dengan tulisan rumi.
- b. Sistem dan kaedah penulisannya sukar dan tidak seragam, contohnya seperti banyak cara mengeja dan tidak mengikut sukukata.

Perkara ini memang ada kebenarannya lebih-lebih lagi mutakhir ini beberapa perubahan dalam sistem ejaan jawi telah dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Bukan sahaja murid-murid menghadapi masalah, para guru PI juga agak terkeliru dengan sistem ejaan baru yang dikemaskinikan sekarang.¹⁰⁹

Penyelidik menganggap tindakan pihak berkenaan memartabatkan semula tulisan jawi melalui program j-QAF amat relevan. Kehilangan atau pelupusan tulisan jawi bermakna satu lagi 'warisan pusaka' bangsa Melayu yang hilang. Ia juga dikenal pasti penyebab anak-anak muda Melayu tidak dapat membaca al-Quran kerana kelemahan membaca jawi. Justeru pelbagai krisis akhlak dan sosial di kalangan

¹⁰⁷ Muhammad Endut (1992), "Pendidikan Islam KBSM: Satu Kajian Tentang Masalah Pengajian Pengajaran di Sekolah-sekolah Menengah di Negeri Johor Darul Takzim" (Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 85.

¹⁰⁸ Ghazali bin Hassan (1982), "Perkembangan dan Kualiti Pengajaran Agama Islam di Sekolah Rendah dan Menengah di Malaysia" (Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 55.

¹⁰⁹ Pak Matlob, Panel Penggubal Ejaan Jawi Terkini DBP. Kursus dan Bengkel Penulisan Jawi Baru di Port Dickson pada 26-28 Julai 2006.

remaja berlaku kerana pegangan Islam dan warisan Islam yang semakin luntur.¹¹⁰ Kini pelbagai pihak telah tampil dengan pelbagai pandangan untuk memartabatkan semula jawi seperti mana ia telah mentamadunkan bangsa Melayu satu ketika dahulu.

Kajian Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru terhadap pelaksanaan praktikum KPLI SR j-QAF LPBSambilan Januari 2005 mendapati bahawa daripada aspek pengajaran pemulihan jawi, guru j-QAF telah melaksanakan mengikut prosedur seperti yang terdapat dalam kurikulum j-QAF. Subjek pemulihan jawi juga telah mencapai sasaran objektifnya namun guru j-QAF menghadapi masalah tiada bilik khas bagi kelas pemulihan jawi.¹¹¹ Berdasarkan pemerhatian penyelidik sepanjang menyelia praktikum kumpulan j-QAF perkara ini memang berlaku di sekolah-sekolah. Guru j-QAF terpaksa membawa murid-murid pemulihan jawi tersebut ke tempat tertentu seperti sudut bangunan, pusat sumber, ruang surau dan sebagainya untuk mengajar murid-murid. Masalah lain yang akan timbul adalah kekangan masa dan pengurusan bahan bantu untuk aktiviti pemulihan tersebut.

Berkenaan penggunaan BBM dalam pelajaran jawi, kajian Abdul Majid pada tahun 2000 mendapati, penggunaan GPI masih amat kurang (bawah 30%) terhadap bahan-bahan pelbagai yang boleh menarik minat murid dalam pelajaran jawi. Bahan yang masih kerap digunakan oleh guru hanyalah buku teks dan carta sahaja.¹¹² Guru

¹¹⁰ Hashim Abdullah (1999), "Bagaimana Tulisan Jawi Dimartabatkan Semula". *Dakwah*: Oktober, h. 46-48.

¹¹¹ Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru (2006), *Kajian Tinjauan Awal Pelaksanaan Praktikum KPLI SR j-QAF Mode Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) Ambilan Januari 2005*. Kuala Lumpur: KPM, h. 28.

¹¹² Abdul Majid bin Hasan, M. Asrar bin Sidon, Abd. Satar bin Mohamad & Fadhil Solahuddin (2000), *Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dengan Berkesan Dapat Menarik Minat Murid dalam Mata Pelajaran Jawi (P.Islam)*. Bil. 4. Sabah: Maktab Perguruan Kent Tuaran, h. 14.

yang mengajar jawi masih sukar mengamalkan penggunaan BBM yang sesuai dan berkesan.

Di Barat juga terdapat kajian yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik Barat terhadap tulisan jawi. Nama-nama seperti Shellabear, Marsden, R. J., Wilkinson, R. O., Winstedt, Van Ophuijen dan Frank Sweetenham tidak asing lagi bagi penyelidik tulisan jawi kerana mereka ini sebagai model Barat dalam menghidupkan tulisan jawi di mana beliau telah menghasilkan kamus Jawi-Melayu-Inggeris.¹¹³ Sementara itu Winstedt telah memberikan sumbangannya yang besar kepada tulisan jawi dengan menghasilkan bukunya *Malay Grammar* pada tahun 1914 yang telah banyak memaparkan nahu Melayu dan Lisan jawi.¹¹⁴ Khang Kyoung Seock dalam kajian ini menyatakan: "Membaca Al-Quran tanpa tulisan jawi samalah si buta berjalan tanpa tongkat kerana dengan mempelajari huruf serta dasar tulisan itu seseorang boleh mengetahui sebutan Al-Quran lebih mudah."¹¹⁵

Namun kajian Amri (2005) tentang keberkesanan pelaksanaan program j-QAF di dua buah sekolah rintis di Terengganu mendapati, 85 peratus murid telah menguasai jawi melalui model pemulihan jawi j-QAF.¹¹⁶ Dapatan ini seolah-olah menjadi sinar baru dalam memartabatkan semula tulisan jawi dalam diri murid-murid. Kajian oleh Siti Fatimah (2007) pula turut memberi saranan bahawa peranan ibu bapa dan para guru amat penting untuk meningkatkan penguasaan jawi anak-anak murid.

¹¹³ Khang Kyoung Seock (1990), *Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 57.

¹¹⁴ *Ibid.*, h. 59.

¹¹⁵ *Ibid.*, h. 28.

¹¹⁶ Amri bin Daud (2005), "Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Program j-QAF di Dua Buah Sekolah Rintis di Terengganu" (Kertas Projek Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya) h. 89.

Guru hendaklah menggunakan kaedah dan aktiviti yang lebih menarik dalam P&P.¹¹⁷ Penyelidik beranggapan konflik kemahiran jawi ini akan pasti ada jalan penyelesaiannya dengan adanya pelbagai kesedaran dan komitmen pelbagai pihak.

2.3.3 Kajian Tentang Pelajaran Dan Pendidikan Al-Quran

Setelah beberapa tahun pelajaran membaca al-Quran KBSR dilaksanakan, masih terdapat sebahagian besar pelajar yang tidak boleh membaca dengan baik malah ada di antara mereka langsung tidak boleh membaca al-Quran.¹¹⁸ Satu mesyuarat penyelarasan pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam KBSR dan KBSM pada 21 Januari 1994 telah bersetuju supaya murid tahun satu di sekolah rendah diberi tumpuan kepada pendidikan al-Quran dengan menggunakan kaedah Iqra' dalam jangka masa enam bulan mulai tahun persekolahan 94/95.

Kajian Mohd Azmi *et al.* terhadap penguasaan bacaan al-Quran guru pelatih Islam menyatakan, semua Guru Pelatih Islam sewajarnya telah menguasai bacaan al-Quran dengan baik, dan boleh menunaikan ibadah khusus dengan sempurna dan baik. Oleh itu, seseorang akan dapat mengawal diri dan sekaligus dapat menampilkan seorang individu yang bertanggungjawab, berdisiplin, berilmu dan berakhlak mulia seperti yang dituntut oleh Islam dan bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.¹¹⁹ Justeru, kejayaan atau kebuntuan program Pendidikan Islam bermula

¹¹⁷ Siti Fatimah bt. Saufee (2007), *Penguasaan Tulisan Jawi di Kalangan Murid-murid Tahap Satu di Salah Sebuah Sekolah Rendah di Daerah Meradong*. Jurnal IPERA Edisi Khas. Jld. 18. Sarawak: Institut Perguruan Rajang, h. 78-80.

¹¹⁸ Mohd. Mukri Abdullah (1994), *Iqra' Program Pendidikan Untuk Memenuhi Tuntutan Fardu Ain*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam KPM, h. 4

¹¹⁹ Mohd Azmi Mohamad, Hj., Maimunah Ismail, Hjh., Nabiroh Kassim (2001), *Penguasaan Bacaan al-Quran di Kalangan Pelajar Islam Semester 3 Institut Bahasa Melayu Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Bahasa Melayu Malaysia, h. 13.

daripada peringkat sekolah rendah memberi kesan yang berlanjutan hinggalah pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kajian tersebut seterusnya menyatakan fenomena buta al-Quran di kalangan pelajar adalah lumrah. Maklumat tentang perkara ini diperolehi melalui ujian bacaan al-Quran, rungutan GPI, pensyarah Pendidikan Islam, serta keluhan dan kerisauan daripada ibu bapa. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan tahap penguasaan bacaan al-Quran pelajar Islam masih berada di tahap lemah.¹²⁰ Dapatan ini menyokong kenyataan Che Pee Saad (1993), kajian Muhammad Endut (1992), Zainal Abidin (1990), Rahman Arshad (1987) dan Maimunah Ismail (1995) yang mengatakan masih ramai pelajar yang lemah dalam penguasaan al-Quran.

Kajian Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru (2006) tentang P&P al-Quran dan Tasmik mendapati, guru j-QAF telah mengikut prosedur yang dirancang dari aspek penggunaan BBM, format pelaksanaan, model, modul serta jadual waktu yang disarankan dalam kurikulum j-QAF. Namun hanya model 6 bulan khatam al-Quran sahaja yang kurang atau gagal dilaksanakan. Cadangan kajian Unit Kurikulum agar model 6 bulan khatam al-Quran dikaji semula memandangkan hampir sebahagian besar guru j-QAF tidak dapat menghabiskan sukatan dalam tempoh yang dijadualkan.¹²¹ Ini disokong oleh kajian Nasrudian *et al.* yang menyatakan bahawa pelaksanaan program j-Qaf telah berjaya mencapai matlamatnya melalui P&P dengan menggunakan pelbagai jenis model mengikut komponen-komponen mata pelajarannya (min 3.5) berbanding model integrasi - KAFA, SAN dan SAR yang didapati gagal mencapai matlamatnya. Walau bagaimanapun, dalam

¹²⁰ *Ibid.*, h. 16.

¹²¹ Unit Kurikulum BPG (2006), *op.cit.*, h.29.

model enam bulan khatam al-Quran belum terdapat murid yang khatam.¹²² Kajian tersebut yang dijalankan ketika program j-QAF boleh dikatakan baru berumur setahun jagung. Penyelidik beranggapan masih ada ruang dan masa untuk melihat pelaksanaan program ini.

Petikan kertas kerja Seminar al-Quran peringkat Negeri Johor oleh Profesor Madya Dr. Hj Nasser Bin Taib pada tahun 1991, masyarakat dikejutkan dengan satu laporan kajian yang dijalankan oleh KPM pada bulan Julai 1991 ke atas 1, 280 pelajar tingkatan satu di lima negeri termasuk negeri Johor. Laporan ini mengatakan 59.9 peratus pelajar tingkatan satu tidak dapat membaca al-Quran dengan baik. Hasil Seminar Pengajian al-Quran di UKM pada tahun 1987 merumuskan bahawa terdapat kesan yang buruk akibat tidak mempelajari dan tiada membaca al-Quran iaitu:

- a. Tidak sah solat dan tidak sempurna ibadah yang melibatkan bacaan al-Quran.
- b. Menjadi malas dan tidak berminat untuk mengerjakan ibadah kepada Allah.

Menurut Riza Atiq, kanak-kanak hendaklah diajar dan dilatih dari kecil menjalani proses pembelajaran mereka.¹²³ Kanak-kanak adalah manusia yang paling bijak mempelajari bahasa, malah bahasa kedua dan ketiga, menulis, mengeja, membaca, hafalan Quran, sembahyang, kemahiran dan keseimbangan.¹²⁴ Ini disokong oleh Omar al-Syaibani yang mengatakan kurikulum tahap pertama dalam Pendidikan Islam adalah pelajaran-pelajaran asas al-Quran dari segi hafalan dan bacaan; prinsip-prinsip agama dan akhlak; membaca, menulis dan menghitung; prinsip-prinsip nahu dan bahasa Arab; menghafal syair-syair nasihat; menulis halus; sejarah Nabi dan

¹²² Nasrudin bin Basar, Ghazali bin Darusalam, Kasim bin Basir, Zainuddin bin Abd Hamid & Badrul Hisham bin Ismail (2006), *op.cit.*, h. 4.

¹²³ Riza Atiq bin O.K Rahmat (1989), *Ke Arah Pembentukan Kanak-kanak*. Kelantan: Pustaka Aman Press, h. 9-15.

¹²⁴ *Ibid.*

Khulafa' al-Rasyidin; dan berlatih berenang dan menunggang kuda.¹²⁵ Saranan tersebut memang tepat dan benar. Kanak-kanak yang lahir adalah umpama kain putih, maka ibu bapalah yang mewarnakan kain tersebut dengan warna-warna yang diinginkan. Kemudian ibu bapa kedua (para guru) pula memperkemaskan lagi pendidikan tersebut di sekolah.

Kajian Muhammad Fauzan terhadap pelajar B. Ed Tesl Foundation Kohot Empat, tahun 2006 di Institut Perguruan Bahasa-bahasa Antarabangsa mendapati memang terdapat kelemahan penguasaan bacaan al-Quran meliputi aspek makhraj dan tajwid. Namun terdapat peningkatan minat dan pencapaian pelajar dalam kemahiran bacaan al-Quran setelah menjalani sepuluh minggu ujian dan latihan amali serta tasmik bacaan al-Quran. Peningkatan markah sehingga lima peratus telah dapat dicapai oleh kumpulan pelajar ini. Kajian ini membuat rumusan bahawa kekurangan dan kelemahan pelajar dalam bacaan al-Quran boleh diperbaiki dengan adanya iltizam guru dan pelajar. Pelajar juga berubah menjadi berminat kepada pelajaran ini dengan adanya asuhan, didikan, bimbingan dan perhatian yang berterusan dalam pengajaran al-Quran.¹²⁶

Manakala kajian Hamezah (1989) terhadap 200 murid tahun empat dan tahun lima dari lima buah sekolah dalam Daerah Pasir Putih Kelantan, mendapati 45 orang murid (22.5%) adalah lemah dalam mengenal huruf-huruf al-Quran. Dari segi kelancaran membaca surah-surah pendek pula, didapati 59 murid (22.5%) adalah

¹²⁵ Omar al-Syaibani (1991), *op.cit.*, h. 536-537.

¹²⁶ Muhammad Fauzan bin Abdul Wahid (2006), *Meningkatkan Kemahiran Membaca al-Quran Menerusi Latihan Amali dan Tasmik al-Quran*. Kuala Lumpur: Institut Perguruan Bahasa-bahasa Antarabangsa, h. 11.

tidak lancar dan tidak boleh membaca langsung.¹²⁷ Sungguhpun peratus kelemahan murid itu kecil tetapi jelas menunjukkan bahawa selepas empat atau lima tahun mereka berada di sekolah masih ramai lagi murid yang tidak berkemahiran membaca Al-Quran.

Fenomena yang sama sekitar tahun 70an mendapati 70 peratus murid sekolah rendah dan menengah tidak boleh membaca al-Quran.¹²⁸ Satu kajian rambang yang dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri seperti yang dilaporkan oleh akhbar Berita Harian pada 30 September 1995, menyatakan lebih 40 peratus pelajar di beberapa sekolah menengah daripada golongan remaja tidak tahu membaca al-Quran dan Jawi. Namun kajian rintis j-QAF yang dijalankan oleh Amri (2005) mendapati, 60 peratus murid telah berjaya menguasai tasmik dan khatam al-Quran. Manakala 75.8 peratus telah mencapai gred A dalam model enam bulan khatam al-Quran.¹²⁹ Dapatan ini seolah-olah membuktikan model khatam dan tasmik akan berjaya mencapai objektifnya di masa hadapan.

2.3.4 Kajian Tentang Pelajaran Bahasa Arab

Kanak-kanak hendaklah diajar dan dilatih dari awal menjalani proses pembelajaran mereka. Kanak-kanak adalah manusia yang paling bijak mempelajari bahasa, malah bahasa kedua dan ketiga, menulis, mengeja, membaca, hafalan al-

¹²⁷ Hamezah bin Husin (1989), "Pengajian al-Quran: Kajian Mengenai Keberkesanan Asuhan Membaca al-Quran Darjah IV dan V di Sekolah-sekolah Rendah Jajahan Pasir Putih, Kelantan" (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur) h. 76.

¹²⁸ Wan Bakar Wan Dagang (1985), "Kajian Mengenai Masalah Guru dalam Pengajaran Asuhan Membaca al-Quran KBSR" (Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia) h. 38.

¹²⁹ Amri bin Daud (2005), *op.cit.*, h. 103.

Quran, sembahyang, kemahiran dan keseimbangan.¹³⁰ Kurikulum tahap pertama dalam Pendidikan Islam adalah pelajaran-pelajaran asas al-Quran dari segi hafalan dan bacaan, prinsip-prinsip agama, akhlak, membaca, menulis, menghitung, prinsip-prinsip nahu bahasa Arab, menghafal syair-syair nasihat, menulis halus, sejarah Nabi dan Khulafa' al-Rasyidin, berlatih berenang dan menunggang kuda.¹³¹ Atas dasar ini kurikulum PI dengan pengajaran Bahasa Arab diperkenalkan dalam kemahiran berbahasa anak-anak murid.

Meninjau kajian Che Pee Saad tentang pelajar-pelajar SMKA mendapati pencapaian mata pelajaran Bahasa Arab masih di tahap yang rendah.¹³² Malah laporan ibu bapa dan para guru dari beberapa buah SMKA sekitar daerah Kota Kinabalu mendapati terdapat juga pelajar yang gagal mata pelajaran ini dalam. Pelajar-pelajar menghadapi masalah dalam penguasaan Bahasa Arab kerana penguasaan tulisan jawi yang lemah dan faktor minat terhadap pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan ini disokong oleh kajian rintis j-QAF oleh Amri (2005) yang mendapati min 2.9 telah diperolehi murid-murid melalui model BAK.¹³³ Pencapaian ini tidaklah mengecewakan namun ia belum mencapai tahap baik yang diharapkan.

Kajian Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru (2006) mendapati guru j-QAF menghadapi masalah mengajar mata pelajaran Bahasa Arab kerana jadual waktu Bahasa Arab kurang dimasukkan dalam jadual waktu rasmi. Ini menyebabkan masalah kehadiran murid-murid. Mereka kurang mengikuti P&P Bahasa Arab

¹³⁰ Riza Atiq (1989), *op.cit.*, h. 9-15.

¹³¹ Omar al-Syaibani (1991), *op.cit.*, h. 536-537.

¹³² Che Pee Saad (1991), *Pelajar Sekolah Menengah Agama: Cabaran dan Masa Depan*. Jurnal Pendidikan Islam. 4, (3). Selangor: Maktab Perguruan Islam, h. 35-41.

¹³³ Amri bin Daud (2005), *op.cit.*, h. 110.

sepenuhnya mengakibatkan tahap penguasaan Bahasa Arab yang lemah.¹³⁴ Persoalan ini akan dikaitkan oleh penyelidik dalam perbincangan komitmen pihak sekolah dalam pelaksanaan program ini.

Terdapat empat pendekatan dalam pendidikan bahasa iaitu pendekatan tradisional, strukturalis, rasionalis dan fungsionalis.¹³⁵ Pendekatan tradisional menggunakan kaedah nahu dan terjemah dalam pengajaran bahasa. Pendekatan strukturalis menganjurkan kaedah ajuk, kaedah langsung, kaedah bacaan dan kaedah askar yang menekankan kemahiran bertutur. Pendekatan rasionalis pula lebih kepada pendekatan psikologi dari sudut kognitif yang menekankan kemahiran bertutur dan menulis. Manakala pendekatan fungsionalis menekankan fungsi bahasa dari sudut sosial.¹³⁶ Pendekatan ini diamalkan dalam P&P j-QAF kini iaitu menggunakan kaedah komunikatif yang memberi fokus kepada kemahiran komunikasi mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Bersesuaian dengan pendapat Atan Long yang mengatakan, penguasaan bahasa bermula dengan memahami percakapan yang didengar dan diikuti oleh kebolehan bertutur. Kebolehan membaca adalah bergantung kepada peluang untuk mempelajari kaedah penguasaan tersebut dan ini diikuti oleh penulisan.¹³⁷

Penguasaan bahasa adalah satu contoh interaksi kematangan dan pembelajaran. Oleh itu persoalan minat, penguasaan, kemahiran, kekangan masa dan sebagainya saling menyumbang kepada masalah pembelajaran Bahasa Arab itu

¹³⁴ Unit Kurikulum BPG (2006) *op.cit.*, h.30

¹³⁵ Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Kamarulzaman Abd. Ghani (2003), *Beberapa Isu Dalam Kajian Bahasa: Satu Tinjauan dari Perspektif al-Quran*. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. h. 167-167.

¹³⁶ *Ibid.*, h. 169.

¹³⁷ Atan Long (1988), *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 286.

sendiri. Bahasa Arab amat penting dikuasai kerana bahasa ini ialah bahasa al-Quran.¹³⁸ Malah kajian Mohd. Puzhi (2007) menyatakan bahawa, Bahasa Arab bukan sekadar dipelajari untuk kemahiran lisan, peperiksaan dan sebagainya, lebih jauh lagi pelajaran Bahasa Arab adalah untuk tujuan ibadah kepada agama.¹³⁹ Justeru, penyelidik beranggapan pengajaran Bahasa Arab mempunyai matlamat yang jauh ke arah membentuk insan kamil, bukan setakat berorientasikan peperiksaan semata-mata.

2.3.5 Kajian Tentang Pelajaran Fardu Ain

Pelajaran Fardu Ain dalam program j-QAF adalah sepenuhnya pendidikan amali solat.¹⁴⁰ Solat Fardu merupakan rukun Islam yang kedua selepas mengucapkan dua kalimah syahadah. Ia menjadi tiang utama kepada seluruh ibadat-ibadat yang lain kerana di dalamnya terkandung segala kebaikan dan hikmah Ilahi kepada seluruh hamba-Nya. Justeru, adalah tepat apabila Rasulullah S.A.W menyatakan bahawa solat itu menjadi tiang agama Islam dan sesiapa yang meninggalkan solat maka sesungguhnya ia telah meruntuhkan agama.

Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

“Suruhlah anak-anak kamu mendirikan solat apabila mereka meningkat usia tujuh tahun dan pukul mereka itu (jika degil atau malas) apabila usia mereka meningkat sepuluh tahun serta pisahkanlah tempat tidur antara mereka” (al-Imam Abi al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-Azim Abadi (1995), *Awn al-Ma’buud Syarh Abi Dawud*, Kitab al-Solah, Bab Mata Yu’mar al-Ghulam al-Solah, no hadith 491)

¹³⁸ Asad Awang (1992), “Pembinaan dan Penggunaan Alat Bantu Mengajar Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Azlan Shah Perak” (Tesis Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya) h. 15.

¹³⁹ Mohd. Puzhi Usop (2007), “Modul Asas Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah” (Tesis Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya), h. 34.

¹⁴⁰ JAPIM (2006), *op. cit.*, h. 13.

Kajian Habibah (1998) yang menumpukan tentang aspek cara dan pelaksanaan solat fardu di kalangan pesakit Islam di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) Kuala Lumpur membuktikan bahawa, terdapat ramai di antara pesakit-pesakit tersebut meninggalkan solat fardu kerana tidak memahami tuntutan solat fardu yang mesti dikerjakan pada bila-bila masa sama ada di dalam keadaan sihat ataupun sakit.¹⁴¹ Permasalahan ini didedahkan lagi dalam kajian Suhardi (2004) menyatakan wujudnya isu pelajar yang tidak menunaikan solat fardu adalah disebabkan oleh sikap ibu bapa mereka sendiri yang tidak mengambil berat terhadap perintah menunaikan ibadat solat di kalangan anak-anak mereka di rumah. Kenyataan ini diakui oleh responden kajian beliau.¹⁴² Menurutnya lagi pelajar Islam perlu diberi penekanan yang serius tentang asas-asas fardu ain terutama tentang ibadat solat dan rukun-rukun Islam yang lain agar mereka mendapat pengetahuan yang secukupnya dalam melaksanakan solat fardu dan rukun Islam yang lain.

Kajian oleh Dygku Intan (1991) tentang aspek pelaksanaan Sembahyang Lima Waktu di kalangan penduduk pekan Kecil Meludam, Sri Aman, Bahagian Kedua, Sarawak mendapati, sebahagian besar penduduk di kawasan tersebut terutama orang dewasa yang bekerja sebagai nelayan meninggalkan solat fardu. Mereka meninggalkannya dengan alasan kesibukan bekerja dan tidak tahu cara

¹⁴¹ Habibah bt. Othman (1998), "Cara dan Pelaksanaan Solat Fardu di Kalangan Pesakit Islam: Satu Kajian di Pusat Rawatan Islam (PUSRAWI) Kuala Lumpur" (Kertas projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya), h. 89.

¹⁴² Mohd. Suhardi B. Mat Jusoh (2004), "Pengabaian Solat Fardu di Kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Daerah Pasih Puteh, Kelantan" (Kertas Projek Jabatan Fiqh & Usul Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 85.

bersembahyang dengan betul.¹⁴³ Ini disokong oleh kajian Che Ku Rahayu (1999) tentang kefahaman dan amalan solat fardu dalam kalangan kakitangan Syarikat Percetakan The New Straits Time Press (Malaysia) Berhad di Bangsar mendapati, terdapat sebilangan di antara pekerja syarikat percetakan tersebut meninggalkan solat fardu kerana malas, sibuk bekerja dan jahil tentang agama Islam. Beliau juga menyarankan agar pihak sekolah dan para guru agama memainkan peranan menjalankan pendidikan solat seperti kem motivasi solat atau program penghayatan solat.¹⁴⁴ Dapatan tersebut disokong oleh tulisan Wan Mohd Nor Wan Daud yang menyatakan bahawa Syed M. Naquib al-Attas secara tegas menekankan pentingnya pemahaman yang benar dan pelaksanaan yang betul tentang fardu ain dan fardu kifayah.¹⁴⁵

Sebaliknya penyelidik mendapati ramai ibu bapa masih belum berpuas hati dengan tahap pencapaian dan penguasaan anak-anak mereka terhadap amalan Fardu Ain terutama dalam hal ibadah mendirikan solat. Ibu bapa sibuk bekerja malah ibu bapa sendiri tidak berkemampuan mendidik anak-anak masing tentang amalan solat. Dari segi perbandingan dengan mata pelajaran lain pula, menurut Buku Panduan Am KBSR, Pendidikan Islam KBSR digolongkan dalam komponen kerohanian, nilai dan sikap iaitu satu komponen yang agak sukar dinilai dengan tepat terhadap P&Pnya. Ini kerana ia melibatkan penilaian dari segi peribadi perwatakan dan tingkah laku.

¹⁴³ Dygku Intan bt. Awang Lawi (1991), "Pelaksanaan Sembahyang Lima Waktu: Satu Tinjauan di Pekan Kecil Meludam, Sri Aman, Bahagian Kedua, Sarawak" (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Universiti Malaya) h. 51.

¹⁴⁴ Che Ku Rahayu bt. Che Ku Long (1999), "Solat Fardu di Kalangan Kakitangan Syarikat Percetakan The New Straits Time Press (Malaysia) Bangsar: Satu Kajian Kefahaman dan amalannya" (Kertas Projek Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya) h. 71.

¹⁴⁵ Wan Mohd Nor Wan Daud (2005), *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, h. 213.

Namun demikian diharapkan program ini dapat memainkan peranan dalam melahirkan generasi muda yang berakhlak mulia. Program ini berhasrat melahirkan insan yang tidak jahil berkenaan amalan solat disamping menjadikannya amalan dalam hidup seorang muslim.

Kajian Unit Kurikulum BPG (2006) mendapati bahawa guru j-QAF yang telah melaksanakan model Kem Bestari Solat (KBS) di sekolah telah mengikut prosedur yang dicadangkan oleh KPM dan kesannya dari aspek amalan-amalan Fardu Ain adalah sangat berkesan kepada murid-murid.¹⁴⁶ Jelaslah bahawa, bermula dari aspek perancangan, pengelolaan dan pelaksanaan, KBS perlu diambil perhatian oleh pihak sekolah dan guru agar pelaksanaannya dapat berjalan dengan efisien.

Dapatan kajian Khuzaifah (2006) mengenai KBS yang dijalankan empat kali setahun mendapati, guru j-QAF menganggapnya tidak mencukupi.¹⁴⁷ Kajian tersebut juga mendapati bahawa untuk memberi kefahaman kepada murid-murid tahun satu agak sukar kerana jangka masa yang lama antara satu kem dengan satu kem yang akan datang. Murid akan lupa pelajaran amali solat yang diajarkan guru.¹⁴⁸ Manakala dari sudut pencapaian pelaksanaan program j-QAF kajian beliau menyatakan bahawa guru j-QAF berpendapat objektif program j-QAF masih belum berjaya. Program ini masih terlalu awal untuk diukur kejayaan pelaksanaannya. Persepsi guru j-QAF tersebut selari dengan laporan Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral negeri Sabah tahun 2006 yang menyatakan pencapaian objektif program ini masih terlalu jauh dari sasaran. Namun dapatan kajian oleh Amri (2005) terhadap program rintis

¹⁴⁶ Unit Kurikulum BPG (2006), *op.cit.*, h. 31.

¹⁴⁷ Khuzaifah (2006), *op.cit.*, h. 99.

¹⁴⁸ *Ibid.*

j-QAF di Terengganu membuktikan 92.7 peratus murid-murid telah dapat melakukan amali wuduk dengan sempurna. Manakalah 91.5 peratus murid pula dapat menyebut bacaan solat dengan sempurna.¹⁴⁹ Penyelidik berpendapat ini merupakan petanda positif dalam pelaksanaan j-QAF kerana beberapa peningkatan dan penambahbaikan telah dapat dicapai kalau dilihat dari sudut-sudut tertentu.

2.3.6 Kajian Tentang Komitmen Guru Dan Pihak Sekolah

Guru dalam konsep Pendidikan Islam adalah sebagai *muallim*, *mudarris*, *muaddib*, *murabbi* dan *mursyid*.¹⁵⁰ Guru adalah penyampai ilmu, yang mengajar mata pelajaran, yang mengajar adab, pendidik serta pembimbing dalam menentukan kehidupan serta nilai yang betul terhadap anak didiknya. Guru sebagai pembina insan memainkan peranan yang penting dalam mendidik pelajar melalui *qudwah hasanah* ataupun model kepada pelajar tersebut dalam segala aspek perlakuan semasa mereka berada di sekolah seperti pertuturan, pemakaian, perbuatan, tanggungjawab mendidik, disiplin dan sebagainya. Peranan ini telah dibuktikan oleh kajian Amri (2005) tentang keberkesanan pelaksanaan program j-QAF di dua buah sekolah rintis di Terengganu mendapati, para guru memberi komitmen yang tinggi terhadap program j-QAF.¹⁵¹ Kajian ini juga mendapati para guru telah dapat melaksanakan model-model j-QAF dengan baik.

¹⁴⁹ Amri bin Daud (2005), *op.cit.*, h. 102.

¹⁵⁰ Unit Kurikulum BPG (2005) *Major Pengajian Agama Modul KPLI SR j-QAF LPBS*. Kuala Lumpur: BPG KPM, h. 8.

¹⁵¹ Amri bin Daud (2005), "Kajian Keberkesanan Perlaksanaan Program j-QAF di Dua Buah Sekolah Rintis di Terengganu" (Kertas Projek Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya) h. 87.

Begitu juga peranan pentadbir sekolah, persekitaran sekolah dan sebagainya. Buku Penerangan Kepemimpinan dan Pengurusan Kurikulum di Sekolah yang diterbitkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum KPM menyatakan Pengetua atau Guru Besar merupakan ketua organisasi bagi melahirkan staf yang komited dan sebagai seorang pengurus yang dapat membimbing mereka yang patuh kepada peraturan kurikulum.¹⁵² Perkara ini menyokong pandangan Ibnu Khaldun yang menyatakan sekolah berperanan mendidik individu dari segi akal, fikiran, jasmani, sosial dan jiwa.¹⁵³ Justeru pengetua atau guru besar dilihat sebagai pengurus yang sangat penting, sangat berpengaruh, sangat bertanggungjawab, berjiwa kepimpinan dan sebagai penghubung utama antara sekolah dengan komuniti.

Daya kepimpinan sekolah memainkan peranan penting dalam membantu guru bijak merancang dan melaksanakan pengurusan bilik darjah agar program kemahiran asas bacaan dapat dipertingkatkan tanpa rasa tertekan dan dipaksa. Sharifah Alwiah Alsagof menegaskan bahawa tanpa perhatian dan sokongan kepimpinan sekolah dan pihak pengurusan, usaha Guru Pemulihan akan sentiasa terbantut dan tidak produktif untuk mempertingkatkan program pemulihan asas bacaan.¹⁵⁴ Adalah dicadangkan agar pihak pengurusan sekolah memberi perhatian khusus kepada keberkesanan pelaksanaan program pendidikan pemulihan di sekolah masing-masing. Bersesuaian dengan saranan PPK bahawa peranan dan bidang tugas pengetua atau guru besar

¹⁵² Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) *Kepemimpinan dan Pengurusan Kurikulum di Sekolah*. Kuala Lumpur: KPM, h. 5.

¹⁵³ Abdullah al-Amin al-Na'miy (1994), *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi*, (terj. Mohd. Ramzi Omar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 99.

¹⁵⁴ Sharifah Alwiah Alsagof (1994), *Teknologi Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37.

adalah sebagai pemimpin kurikulum, pemantau kurikulum dan penilai kurikulum.¹⁵⁵ Oleh itu peranan guru besar amatlah penting dalam memastikan kurikulum j-QAF dilaksanakan dengan baik di sekolah masing-masing.

Kajian Khuzaifah (2006) menyatakan bahawa GPI dan guru j-QAF sepatutnya arif tentang matlamat program j-QAF. Rungutan dan desas-desus dari GPI menyatakan guru j-QAF tidak memahami konsep sebenar program ini. Guru j-QAF pula beranggapan GPI tidak memahami konsep sebenar program j-QAF. Maka sebab itulah ada di antara GPI yang menyerahkan tanggungjawab melaksanakan program ini sepenuhnya kepada guru j-QAF.¹⁵⁶ Kajian Khuzaifah juga menyatakan kebanyakan pentadbir sekolah tidak faham dan tidak mengambil tahu tentang program j-QAF. Penyelidik akan cuba meleraikan kekusutan yang timbul melalui kajian ini. Tidak dinafikan dalam usaha melaksanakan sesuatu program baru, proses kefahaman, penyesuaian dan penerimaan akan mengambil masa.

Kajian Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru (2006) mendapati guru j-QAF menghadapi kurang bimbingan daripada guru guru Pembimbing (6.1%) dan kurang kerjasama pihak pengurusan sekolah (8.3%). Angka ini tidak membimbangkan namun jelas menunjukkan wujud sedikit permasalahan sokongan dan komitmen pihak sekolah terhadap pelaksanaan j-QAF. Guru j-QAF juga menyatakan menanggung beban tugas kokurikulum (18.6%) di sekolah masing-

¹⁵⁵ PPK (2001) *op.cit.*, h. 19.

¹⁵⁶ Khuzaifah (2006), *op.cit.*, h. 4-5

masing. Peratus menghadapi kesuntukan masa kerana bilangan waktu mengajar yang banyak adalah sebanyak 41.3 peratus.¹⁵⁷

Kajian Zainab pada 1984 dan Wan Bakar pada tahun 1985 membuktikan bahawa kekurangan GPI di sekolah rendah adalah faktor yang menimbulkan masalah pengajaran Pendidikan Islam KBSR. Kajian terbaru mengenai pelaksanaan j-QAF turut menyatakan kebimbangan situasi yang sama mungkin berlaku kepada guru j-QAF di mana kekurangan guru memberi implikasi terhadap pelaksanaan program j-QAF. Keadaan ini sudah tentu memberikan impak yang tidak baik terhadap hasrat murni KPM.¹⁵⁸

Kajian Abdul Aziz (2000) pula mendapati sumber kewangan juga menjadi penghalang pelaksanaan kokurikulum Pendidikan Islam.¹⁵⁹ Oleh itu, semua pihak terutama Pentadbir sekolah dan PIBG perlu berganding bahu. Jalan penyelesaian perlu dicari bersama tanpa menyerahkan tanggungjawab tersebut hanya kepada guru j-QAF dan GPI semata-mata.

Guru j-QAF juga perlu bersikap positif terhadap murid program pemulihan. Kerjasama serta sokongan padu daripada pihak pentadbir dan semua kakitangan amat perlu bagi menjayakan program j-QAF. Tanggungjawab ke atas P&P pemulihan hendaklah dipikul bersama oleh seluruh kakitangan sekolah dan bukan hanya

¹⁵⁷ Unit Kurikulum BPG (2006), *op.cit.* h. 30.

¹⁵⁸ Khuzaifah (2006), *op.cit.* h. 45.

¹⁵⁹ Abdul Aziz Mat Jais (2000), "Pelaksanaan Aktiviti Dakwah dan Kokurikulum Pendidikan Islam Serta Penghayatannya di Kalangan Pelajar Daerah Kinta Ipoh – Satu Tinjauan" (Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia) h. 77.

dibebankan ke atas guru pemulihan sahaja.¹⁶⁰ Guru j-QAF adalah guru pemulihan yang memainkan peranan yang cukup berat dan besar dalam program pemulihan jawi, al-Quran, Fardu Ain dan Bahasa Arab murid-murid.

Suasana sekolah juga mestilah sesuai dengan pengajaran Pendidikan Islam yang disampaikan kepada murid, termasuklah kegiatan-kegiatan sekolah, pergaulan dan hiasan sekolah.¹⁶¹ Kajian Khuzafah juga menegaskan penanaman nilai-nilai Islam tidak akan tercapai dengan berkesan sekiranya suasana keislaman tidak wujud di sekolah.¹⁶² Kajian yang dijalankan mengenai sokongan dan kerjasama pihak sekolah terhadap Pendidikan Islam mendapati 50 peratus pihak sekolah pada realitinya masih belum bersedia memberikan kerjasama kepada Panitia Pendidikan Islam.¹⁶³ Penyelidik mengakui fenomena ini sememangnya berlaku dalam episod PI di negara ini. Meskipun kurikulum Pendidikan Islam sudah dijalankan dengan bidang kuasa yang ada, namun sesetengah pihak umumnya, pentadbiran sekolah khususnya masih ada yang memandang sepi dan cuba mengenyepikan usaha-usaha pembentukan insan berilmu, beriman dan beramal di sekolah.

Kajian Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru (2006) mendapati guru j-QAF menghadapi masalah mengajar mata pelajaran Bahasa Arab kerana jadual waktu Bahasa Arab kurang dimasukkan dalam jadual waktu rasmi. Ini menyebabkan masalah kehadiran murid-murid. Mereka kurang mengikuti P&P Bahasa Arab

¹⁶⁰ Zainal Abidin Deen (1986), *Pentadbiran dan Pengelolaan Pendidikan Pemulihan di Peringkat Negara, Negeri dan Sekolah*. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah-sekolah, KPM., h. 14.

¹⁶¹ Ghazali bin Hassan (1982), "Perkembangan dan Kualiti Pengajaran Agama Islam di Sekolah Rendah dan Menengah di Malaysia" (Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia) h. 45.

¹⁶² Khuzafah (2006), *op. cit.*, h. 88.

¹⁶³ Abdul Aziz (2000), *op.cit.*, h. 96.

sepenuhnya mengakibatkan tahap penguasaan Bahasa Arab yang lemah.¹⁶⁴ Dapatan ini disokong oleh kajian Khuzafah (2006). Guru j-QAF kurang yakin dengan kelancaran penyusunan jadual waktu dan kerjasama dari guru-guru lain dalam melaksanakan program j-QAF. Situasi ini mungkin disebabkan penjadualan yang tidak menepati kehendak sebenar program j-QAF yang membebankan Guru j-QAF. Guru-guru mungkin tidak didedahkan tentang objektif, konsep dan strategi pelaksanaan sebenar program ini.¹⁶⁵ Ini menunjukkan masalah pengurusan jadual waktu oleh pentadbiran sekolah. Pekeliling berkenaan jelas menyatakan bahawa pelajaran Bahasa Arab hendaklah dimasukkan dalam jadual waktu rasmi sekolah.¹⁶⁶ Namun beberapa buah sekolah masih menghadapi masalah penyesuaian masa dan faktor halangan yang lain.

Menurut Evans dan Honig dalam kajian Salma menyatakan bahawa, kebanyakan program-program pendidikan yang dirancang untuk kanak-kanak terutamanya kanak-kanak yang lemah dalam pembelajaran menunjukkan kesan yang besar dan berpanjangan apabila ianya mendapat sokongan sekolah dan peneguhan daripada pihak keluarga dan rumah.¹⁶⁷ Ini menunjukkan kerjasama guru-guru lain juga perlu untuk menjayakan keberkesanan Pendidikan Islam terutamanya program j-QAF di sekolah. Seringkali berlaku guru-guru tidak mahu terbabit dengan aktiviti-aktiviti agama yang dijalankan di sekolah. Selain dari itu, tingkah laku guru seringkali pula menimbulkan kekeliruan kepada murid-murid. Memandangkan

¹⁶⁴ Unit Kurikulum BPG (2006), *op.cit.*, h. 30

¹⁶⁵ Khuzafah (2006), *op.cit.*, h. 87

¹⁶⁶ Surat Pekeliling Ikhtisas: Bil. 8 Tahun 2002 KP (BS) 8591 jilid XVII (8) bertarikh 1 Oktober 2002: Penawaran Mata Pelajaran Bahasa Tambahan di Sekolah Kebangsaan (SK).

¹⁶⁷ Salma Ishak (1988), *Pandangan Ibu Bapa Terhadap Peranan Mereka di Dalam Pendidikan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan KPM, 14.

Pendidikan Islam KBSR mementingkan amalan lebih dari pengetahuan dan guru-guru pula menjadi contoh kepada murid, maka penerapan nilai-nilai baik itu adakalanya menjadi sukar untuk disampaikan kepada murid kerana percanggahan yang ditunjukkan oleh guru-guru terhadap nilai-nilai tersebut.¹⁶⁸

Konferensi Dunia tentang Pendidikan Islam Pertama telah diadakan di Mekah pada tahun 1977, kemudian diikuti konferensi di Islamabad pada tahun 1980, di Dhaka pada tahun 1981 dan di Jakarta pada tahun 1982. Di antara dapatan konferensi di Mekah ialah mengenai kriteria pemilihan bakal-bakal guru hendaklah mereka yang komited kepada Islam, kemampuan akademik dan tubuh badan yang sihat.¹⁶⁹ Komitmen guru dapat ditinjau melalui aspek keyakinan dan minat terhadap diri dan profesion perguruannya. Kajian Datu Raiman *et al.* (2007) mengenai persepsi pelajar terhadap pengurusan praktikum di Institut Perguruan Kent mendapati min 3.91 telah diberikan pelajar terhadap bimbingan pensyarah dalam memupuk keyakinan sebagai guru permulaan yang berkesan. Begitu juga peranan pensyarah memupuk perasaan tanggungjawab pelajar terhadap profesion perguruan min 3.93 telah diperolehi.¹⁷⁰ Dapatan yang positif ini diharapkan akan benar-benar dapat memastikan pelaksanaan kurikulum di sekolah dapat dijalankan oleh guru-guru berkenaan.

2.3.7 Kajian Tentang Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Fungsi utama BBM adalah untuk memudahkan para pelajar memahami isi pengajaran. Penggunaan BBM secara berkesan dapat membantu proses P&P yang

¹⁶⁸ Khatijah Endut (1996), "Keberkesanan Nilai-nilai Pendidikan Islam Terhadap Aktiviti-aktiviti Kokurikulum-Satu Kajian Kes" (Tesis, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 45.

¹⁶⁹ Hassan Langgulung (1991), *Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke-21*. Shah Alam: Hizbi Sdn. Bhd., h. 83-85.

¹⁷⁰ Datu Raiman bin Datu Kauman dan Nancy Loo Kason (2007), *Persepsi Pelajar Terhadap Pengurusan Praktikum di Institut Perguruan Kent Tuaran*. Sabah: Institut Perguruan Kent, h. 18.

menyeronokkan dan mudah difahami oleh murid-murid.¹⁷¹ Sehubungan dengan itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana penggunaan alat bantu mengajar dapat mempertingkatkan penguasaan kemahiran di kalangan murid-murid pemulihan di sekolah-sekolah rendah.

Dalam P&P j-QAF, penggunaan bahan bantu amat ditekankan terhadap guru-guru j-QAF. Malah pihak KPM telah menyediakan beberapa set dan model bahan bantu dan diedarkan ke seluruh negara. Di antaranya adalah kad-kad huruf, carta, kaset, cd, bahan-bahan permainan sambil belajar dan lain-lain. Dalam P&P al-Quran j-QAF, buku Iqra' dan kitab al-Quran Rasm Uthmani adalah disarankan. Rasm Uthmani digunakan kerana ia telah digunakan sejak mula turunnya al-Quran dan mendapat sepakat Jumhur Ulama bahawa ia adalah *Tauqifi*, iaitu tidak harus menulis al-Quran dalam bentuk Rasm yang lain.¹⁷²

Laporan daripada Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru menyatakan guru j-QAF (42.2%) mengalami kekangan masa untuk menyediakan BBM (min 3.15). Meskipun beberapa set bahan bantu telah disediakan oleh KPM namun guru j-QAF masih belum berkesempatan menggunakannya secara optima.¹⁷³ Apapun alasannya, kelemahan guru mengaplikasikan penggunaan BBM ternyata memberi kesan kepada pencapaian hasil pembelajaran sesuatu P&P. Penghasilan sesuatu BBM pula hendaklah dilakukan dengan perancangan yang teliti bermula dari proses memilih, mengolah, membina, mengguna dan menilai bagi memastikan objektif

¹⁷¹ Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib (1998), *Pengajaran dalam Bilik Darjah. Kaedah dan Strategi*. Kajang: Masa Enterprise, h. 43.

¹⁷² Amri bin Daud (2005), *op.cit.*, h. 34.

¹⁷³ Unit Kurikulum BPG (2006), *op.cit.*, h.30

P&P tercapai.¹⁷⁴ Kemahiran asas membaca boleh dipertingkatkan dengan penggunaan alat bantu mengajar yang terancang dan sempurna kerana ianya dapat mempertingkatkan kefahaman pelajar-pelajar terhadap pembelajaran di dalam bilik darjah. Pengalaman langsung yang tidak dapat diadakan dalam bilik darjah boleh dimiliki oleh pelajar melalui penggunaan BBM.¹⁷⁵ Lantaran untuk menjamin tahap penguasaan terhadap kemahiran-kemahiran, maka penggunaan alat bantu mengajar diperlukan dalam proses P&P. Sebuah kajian mendapati bahawa penggunaan BBM mempunyai peranan yang amat besar dalam menjadikan pengajaran Guru Pemulihan lebih selesa dan berkesan.¹⁷⁶ Ini jelas membuktikan bahawa penggunaan BBM tidak dapat dinafikan lagi telah berjaya mempertingkatkan prestasi penguasaan asas bacaan dalam kalangan pelajar pemulihan.

Penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai dan menarik dalam proses pengajaran asas bacaan dalam kelas pemulihan adalah penting kerana ia dapat mempertingkatkan kejayaan pembelajaran.¹⁷⁷ Kajian Asad Awang (1992) terhadap penggunaan BBM dalam P&P Bahasa Arab di sebuah sekolah agama di Perak mendapati penggunaan BBM telah banyak membantu pelajar dalam penguasaan perbendaharaan kata Bahasa Arab.¹⁷⁸ Namun dapatan kajian Hamezah (1989) menyatakan, di antara faktor-faktor masalah pengajaran Pendidikan Islam ialah kurangnya BBM dalam tulisan jawi, sukarnya membuat BBM menggunakan tulisan

¹⁷⁴ Bahagian Pendidikan Guru (2005) *Pendidikan al-Quran Minor Modul 2/3 Unit 3/6 KPLI SR LPBS*. Kuala Lumpur: KPM, h. 2.

¹⁷⁵ Jamaludin Badusah, Muhammad Hussin dan Abdul Rasid Johar (2000), *Inovasi dan Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: AMJ Publishing Enterprise, h. 35.

¹⁷⁶ Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib (1998), *op.cit.*, h. 33.

¹⁷⁷ Abdul Rahman Rashid (1995), *Kepentingan Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa*. Jurnal Teknologi Pendidikan. Kuala Lumpur: KPM, h. 31.

¹⁷⁸ Asad Awang (1995), *op.cit.*, h. 54.

jawi yang menarik dan terdapat ramai murid yang belum mengenal abjad-abjad jawi.¹⁷⁹ Ini disokong oleh kajian Abdul Majid *et al.* (2000) yang menunjukkan guru-guru PI yang mengajar jawi menghadapi kekangan masa dan beban tugas di sekolah untuk menyediakan BBM untuk mengajar jawi. Guru-guru jawi jarang menggunakan BBM yang bercorak menganalisis, merumus dan yang membina perkembangan minda murid.¹⁸⁰

Kajian Harun terhadap penggunaan multimedia dalam P&P menyatakan, penggunaan multimedia akan menjadikan P&P lebih menarik, kreatif, mudah, memberikan motivasi, animasi, interaktif dan *fun learning*. Dengan multimedia guru lebih berperanan sebagai fasilitator bukan lagi sebagai pemberi syarahan dan latihan membaca semata-mata.¹⁸¹ Murid-murid akan lebih aktif dan menggunakan pelbagai pancaindera dalam proses pembelajaran. Kajian Charlie (2007) tentang penggunaan alat bantu mengajar dalam kemahiran asas membaca di kelas pemulihan di lima buah sekolah Daerah Serian Sarawak, data kajian yang menunjukkan seramai 60 peratus responden bersetuju dan 40 peratus amat bersetuju bahawa penggunaan BBM menambah minat pelajar untuk terus mengikuti pengajaran asas bacaan dalam kelas pemulihan. Nilai sebanyak 4.40 menunjukkan bahawa semua responden hampir amat bersetuju bahawa apabila menggunakan BBM, pelajar menjadi lebih berminat mengikuti P&P kemahiran asas membaca.¹⁸² Penggunaan BBM mampu menambah minat serta mendapati pengajaran guru amat menyeronokkan. Penggunaan BBM

¹⁷⁹ Hamezah (1989), *op.cit.*, h. 88.

¹⁸⁰ Abdul Majid *et.al* (2000), *op.cit.*, h. 14-15

¹⁸¹ Harun Hj. Sarail (1999), *Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Sandakan: Jabatan Kajian Sosial, Maktab Perguruan Sandakan, Sabah, h. 71.

¹⁸² Charlie Anak Ungang (2007), *Penggunaan Alat Bantu Mengajar Dalam Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan: Kajian Kes di Lima Buah Sekolah Daerah Serian Sarawak*. Sarawak: Institut Perguruan Batu Lintang, h. 12.

mbolehkan pengajaran guru lebih selesa dan menggalakkan dalam proses pengajaran asas bacaan. Semakin banyak pancaindera yang dilibatkan semakin banyak pengalaman pembelajaran yang diperolehi bagi mengembangkan keintelektualan pelajar dengan berkesan. Guru bukan lagi menggunakan kata, suara, isyarat, papan tulis dan kapur sahaja dalam menyampaikan pengajaran, terutama sekali kepada pelajar-pelajar pemulihan dalam menguasai kemahiran asas bacaan. Keputusan ini amat bersesuaian dengan pendapat Rashidi *et al.* (1998) yang menyatakan bahawa penggunaan BBM merupakan sebahagian daripada usaha guru bagi memberangsangkan minat dan tumpuan pelajar terhadap pengajaran yang seeterusnya menjamin pemerolehan pengetahuan dan kemahiran oleh pelajar.¹⁸³ Penggunaannya secara berkesan dan berterusan sememangnya mendatangkan faedah kepada guru dan murid pendidikan pemulihan.

Seseorang guru yang proaktif ialah guru yang sentiasa berusaha mempertingkatkan prestasi pelajarinya mempelajari sesuatu kemahiran bacaan dengan berkesan dengan menitikberatkan penggunaan BBM sebagai landasan utama bagi mencapai hasrat itu.¹⁸⁴ Bersesuaian dengan kajian Hanunah tentang pengajaran al-Quran berasaskan program khatam al-Quran j-QAF mendapati, guru j-QAF telah menggunakan pelbagai BBM dalam pengajaran al-Quran seperti kad imbasan, bahan permainan sambil belajar, lembaran kerja dan lain-lain lagi dalam usaha pemulihan dan pengayaan dalam P&P.¹⁸⁵ Mengadakan kursus, bengkel dan latihan dalaman

¹⁸³ Rashidi *et al.* (1998), *op.cit.*, h. 86

¹⁸⁴ Mok Son Sang (1995), *Asas Pendidikan 1: Pedagogi Sebagai Suatu Proses*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman, h. 43.

¹⁸⁵ Hanunah bte Ahmad Shah (2007), *Satu Kajian Pengajaran al-Quran Berasaskan Pelaksanaan Program Khatam al-Quran j-QAF oleh Guru Pelatih Program j-QAF*. Jurnal Penyelidikan. Sabah: Institut Perguruan Keningau. h. 35.

adalah satu usaha murni untuk membantu guru-guru pemulihan menyediakan BBM dalam pengajaran mereka dalam asas bacaan dalam kelas pemulihan. Adalah tidak adil untuk mengharapakan guru-guru pemulihan dapat memulihkan keadaan dalam jangka masa yang terhad dan singkat. Syed Abu Bakar menyatakan bahawa tindakan yang sedemikian boleh merobohkan segala usaha untuk melihat program ini berjaya dengan lancar dan berkesan.¹⁸⁶ Melalui kesedaran ini, adalah diharapkan agar ibu-bapa dan masyarakat keseluruhannya dapat memberi sumbangan terhadap pelaksanaan program pendidikan di sekolah tentang penyediaan BBM untuk anak-anak mereka di kelas pemulihan secara suka rela.

Oleh itu penyelidik berpendapat, tidak dapat tidak penggunaan bahan bantu hendaklah dipertingkatkan oleh para guru untuk membantu pembelajaran pelajar dan membantu pengajaran guru terhadap murid-murid.

2.3.8 Kajian Tentang Penggunaan Kaedah dan Teknik Mengajar

Menyusuri asal kaedah pengajaran Iqra', ada pendapat menyatakan ia diadaptasi daripada kaedah *Qiraati*. Kaedah *Qiraati* mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1991. Menjelang 1992, kaedah ini mula bertapak di Perlis. Ia diasaskan oleh Ustaz Abdullah Tean secara perkongsian dengan Ustaz Mohd. Masruh bin Ahmad. Ustaz Mohd Masruh bin Ahmad adalah bekas pelajar kepada Ustaz H. Dahlan Salim al- Zarkasyi, pengasas kaedah *qiraati*.¹⁸⁷ Sebelum modul *qiraati* digunakan, Ustaz Abdullah Tean telahpun menubuhkan kelas al-Quran menggunakan

¹⁸⁶ Syed Abu Bakar (1997), *op.cit.*, h. 87.

¹⁸⁷ Rihanah binti Abidin (1998), "Pengajian al-Quran di Kalangan Kanak-kanak Berdasarkan Kaedah Qiraati di Mata Ayer Perlis" (Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Universiti Malaya) h. 38.

kaedah Iqra'. Setelah menjalankan penyelidikan beliau mendapati kaedah Iqra' merupakan adaptasi daripada kaedah Qiraati. Kaedah Iqra' juga mempunyai kelemahan kerana huruf-huruf yang disambungkan tidak membentuk kalimah Arab mahupun Bahasa Melayu. Dengan itu beliau mengambil keputusan menggunakan kaedah qiraati.

Sebaliknya pula dalam kaedah pengajaran al-Quran j-QAF, kaedah Iqra' amat dititikberatkan malah diwajibkan dalam pembelajaran asas mengaji al-Quran. KPM mendapati bahawa kaedah ini lebih mudah dan cepat berbanding dengan pendekatan kaedah-kaedah lain. Menurut strategi pelaksanaan j-QAF, murid-murid yang belum menguasai bacaan Al-Quran dibimbing dengan kaedah Iqra'. Sementara yang telah menguasainya diteruskan menggunakan model khatam 6 bulan. Satu kajian telah menyokong kaedah Iqra' dalam pengajaran al-Quran j-QAF. Kajian di SRK Convent Kajang pada tahun 1996 mendapati, seratus peratus responden yang terdiri daripada guru-guru PI setuju kaedah Iqra' amat berkesan dan berjaya dalam P&P al-Quran.¹⁸⁸

Kajian Gani (2000) tentang kemahiran menyebut makhraj huruf dan hukum tajwid di sekolah-sekolah Daerah Kota Kinabalu mendapati bahawa kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* sangat berkesan untuk meningkatkan kemahiran membaca al-Quran.¹⁸⁹ Ini turut disokong oleh kajian Hanunah terhadap pengajaran al-Quran berasaskan pelaksanaan program khatam al-Quran j-QAF di IPGM Kampus Keningau yang mendapati, guru-guru j-QAF telah dapat mengaplikasikan pelbagai

¹⁸⁸ Armah Aru (1996), "Cara Perlaksanaan Kaedah Iqra' Tahap Satu dan Tiga" (Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia) h. 111.

¹⁸⁹ Gani Senang (2000), "Kemahiran Menyebut Makhraj Huruf dan Hukum Tajwid Tilawah al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua Daerah Kota Kinabalu" (Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia) h. 105.

kaedah dan teknik mengajar al-Quran seperti *talaqqi*, *musyafahah*, *tikrar* dengan baik.¹⁹⁰ Dapatan ini sesuai dengan pandangan Ibnu Khaldun yang menyatakan guru hendaklah mengulang (*tikrar*) sehingga pelajar dapat memahami sesuatu pelajaran.¹⁹¹ Sebenarnya KPM pada tahun 2004 telah mencadangkan P&P al-Quran menggunakan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*. Penyelidik ingin meninjau apakah kaedah ini telah dapat diaplikasikan dengan baik oleh guru j-QAF.

Dalam pengajaran amali solat, KPM telah menetapkan kaedah Kem Bestari Solat sebanyak empat kali setahun. Menurut kajian Khuzaifah pada tahun 2006, guru j-QAF menyatakan kaedah kem ini adalah kurang berkesan. Untuk mencapai objektif yang ditetapkan adalah tidak mencukupi. Manakala tempoh antara satu kem dan satu kem yang agak panjang menyebabkan murid lupa pelajaran yang diajar oleh guru.¹⁹² Penyelidik akan meninjau pelaksanaan kaedah ini adakah ia dapat dilaksanakan sebaiknya.

Dalam pengajaran kurikulum j-QAF, KPM amat menitikberatkan penggunaan pelbagai kaedah dan teknik mengajar termasuklah nyanyian, nasyid, bermain sambil belajar dan sebagainya. Mengikut fahaman atau Teori Pelbagai Kecerdasan oleh Howard Gardner pada tahun 1983,¹⁹³ kecerdasan muzikal adalah salah satu daripada kepelbagaian kecerdasan yang wujud pada setiap individu. Kecerdasan muzikal melibatkan penggunaan otak kanan sementara kebanyakan mata pelajaran sekolah menggunakan otak kiri. Integrasi muzik dengan mata pelajaran lain melengkapkan

¹⁹⁰ Hanunah bte Ahmad Shah (2007), *op.cit.*, h. 34.

¹⁹¹ Abdullah al-Amin al-Na'miy (1994), *op.cit.*, h. 105.

¹⁹² Khuzaifah (2006), *op.cit.*, h. 99.

¹⁹³ Howard Gardner (1983), *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. New York: Basic Books. h. 126.

perkembangan otak kiri dan otak kanan.¹⁹⁴ Pada masa yang sama pelajar belajar secara aktif dan menyeronokkan. Integrasi muzik dengan mata pelajaran akademik yang lain dapat menyuburkan seluruh kurikulum. Guru-guru yang mempunyai latar belakang muzikal yang terhad juga boleh menjalankan aktiviti muzikal dengan jayanya.

Dapatan kajian Soh *et al.* (2007) terhadap muzik dalam P&P, guru pelatih mempunyai persepsi yang positif terhadap pendidikan muzik (min keseluruhan 3.38). Dapatan kajian menunjukkan guru pelatih bersetuju bahawa muzik dalam pendidikan akan memberi manfaat kepada murid. Pengaplikasian muzik dalam P&P dapat menghasilkan P&P yang lebih efektif.¹⁹⁵

Menurut kajian ini lagi, pengintegrasian muzik dalam mata pelajaran lain dapat melibatkan kecerdasan yang pelbagai. Kecerdasan yang digunakan dalam aktiviti muzik seperti nyanyian, lirik lagu dan gerakan kreatif akan menyeronokkan pembelajaran dan mengurangkan kebosanan. Menurut prinsip falsafah Kodaly, muzik kepunyaan manusia dan literasi muzik harus dijadikan hak asasi semua rakyat dunia.¹⁹⁶

Justeru, di dalam P&P j-QAF kaedah nyanyian, muzik, lagu-lagu dan nasyid amat disarankan. Ini bersesuaian dengan minat anak-anak kecil yang gemarkan nyanyian dan suasana gembira sambil belajar. Di antara nyanyian yang disarankan

¹⁹⁴ Herman, N., (1991), *The Creative Brain*. Journal of Creative Behaviour.25(4), h. 275-295.

¹⁹⁵ Soh Chin Kui & Loi Ling Ju (2007), *Persepsi Guru Pelatih Terhadap Muzik dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Institut Perguruan Kent*, Tuaran. Sabah: Institut Perguruan Kent, h. 11.

¹⁹⁶ Choksy, L. (1999), *The Kodaly Method: Comprehensive Music Education*. (3rd. Edition). New Jersey: Prentice Hall, h. 131.

dalam pemulihan jawi j-QAF seperti can malican, *are you sleeping* dan lain-lain.¹⁹⁷ Begitu juga dengan kaedah permainan seperti kad pintar, pokok bestari, teman setia, ulat rama-rama, kad minda, *zorro*, teng-teng dan lain-lain lagi telah disarankan dengan jelas dalam kurikulum j-QAF.¹⁹⁸ Ini menyokong pandangan Syed M. Naquib yang menyatakan kedua belah pihak guru dan murid hendaklah sama-sama berperanan dalam proses P&P bagi memastikan daya intelektual pelajar akan berkembang.¹⁹⁹ Oleh itu, guru perlu menggalakkan pelajar untuk mengenal dan menggunakan kelebihan diri mereka, membekal aktiviti pembelajaran yang pelbagai untuk memenuhi keperluan pelajar yang mempunyai pelbagai gaya belajar, mencuba idea, pendekatan dan teknik yang baru serta mewujudkan persekitaran yang menginspirasi usaha mengatasi masalah pembelajaran.

2.3.9 Kajian Tentang Latihan Perguruan Dan Peningkatan Tahap Profesionalisme Guru

Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) diadakan bagi menyediakan guru terlatih untuk sekolah rendah dan menengah. Corak latihan mereka berbeza daripada corak latihan yang diikuti oleh pelajar sepenuh masa di maktab perguruan di mana pelajar LPBS akan kekal melaksanakan tugas guru di sekolah di samping melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pelajar maktab perguruan.²⁰⁰ Dalam keadaan sedemikian, pelaksanaan praktikum untuk pelajar LPBS ini diubahsuai tanpa menjejaskan matlamat dan objektif praktikum.²⁰¹ Penyelidik ingin meninjau dalam

¹⁹⁷ JAPIM (2006), *op.cit.*, h. 52

¹⁹⁸ *Ibid.*

¹⁹⁹ Syed Muhammad al-Naquib al-Attas (1979), *Aims and Objectives of Islamic Education*. Jeddah: King Abdulaziz University, h. 107

²⁰⁰ Bahagian Pendidikan Guru (2005) *Garis Panduan Praktikum Latihan Perguruan Praperkhidmatan Mode Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah*. Kuala Lumpur: KPM, h. 4

²⁰¹ *Ibid.*

kajian ini apakah guru j-QAF telah menjalani latihan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas guru.

Konferensi Dunia tentang Pendidikan Islam pertama di Mekah pada tahun 1977 merumuskan latihan dan program guru hendaklah dikemaskini. Guru hendaklah dilatih dengan aspek psikologi dan ciri-ciri guru yang beriman dan akhlak yang mulia. Guru bukan sekadar mengajar mata pelajaran PI, bahkan mengajar mata pelajaran psikologi Islam. Guru juga harus didedahkan pengalaman pra praktikum mengenai *observasi* kanak-kanak, interaksi dan pengajaran mikro.²⁰² Saranan ini bersesuaian dengan kajian Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru mengenai kajian tinjauan awal pelaksanaan praktikum KPLI SR LPBS j-QAF tahun 2005 yang menyatakan bahawa latihan prapraktikum yang telah dilalui oleh guru j-QAF iaitu taklimat praktikum, penggunaan kaedah P&P dan pengajaran mikro menunjukkan tahap keberkesanan yang tinggi (min antara 4.31 hingga 4.44).²⁰³ Ini disokong oleh kajian Sabariah berkenaan pelaksanaan pengajaran mikro terhadap guru j-QAF ambilan 2007 yang mendapati, guru j-QAF berpuas hati (min 3.0 - 4.0) terhadap aspek-aspek pelaksanaan pengajaran mikro di Kampus Kent.²⁰⁴ Ini menunjukkan bahawa guru j-QAF telah berpuas hati dengan program latihan perguruan yang telah mereka lalui sebelum mereka menjalani praktikum. Walau bagaimanapun min 2.5 – 2.9 (tahap sederhana tinggi) terhadap prasarana pengajaran mikro di Kampus Kent

²⁰² Hassan Langgulung (1991), *op.cit.*, h. 86-92.

²⁰³ Unit Kurikulum (2006), *op.cit.*, h.30

²⁰⁴ Sabariah binti Bahrin (2008), "Pelaksanaan Pengajaran Mikro dalam Opsyen Major dan Minor KPLI j-QAF IPGM Kampus Kent, Tuaran, Sabah" (Prosiding Seminar IPGM Kampus Kent, Sabah), h. 8.

seperti bilik khas pengajaran mikro dan pengaplikasian penggambaran video pengajaran mikro.

Laporan Unit Kurikulum BPG tahun 2006 juga menyatakan guru j-QAF telah mendapatkan bimbingan yang berkualiti daripada guru pembimbing dan para pensyarah sepanjang praktikum. Bimbingan tersebut meliputi aspek perancangan P&P, pelaksanaan, refleksi dan bimbingan sahsiah.²⁰⁵ Ini disokong oleh kajian Othman *et al.* pada tahun 2007 terhadap proses pementoran oleh pensyarah pembimbing sewaktu latihan mengajar guru Pelatih j-QAFambilan Januari 2005 di Institut Perguruan Gaya menyatakan, guru pelatih amat berpuas hati terhadap proses bimbingan dan pementoran oleh pensyarah dalam tempoh praktikum latihan perguruan mereka (melebihi min 3.50).²⁰⁶ Ini menunjukkan guru-guru j-QAF mendapati diri mereka telah cukup latihan dan bimbingan menjadi guru j-QAF. Ini juga dibuktikan dengan keputusan latihan praktikum kumpulan berkenaan di institut tersebut, iaitu 152 daripada 164 orang guru pelatih telah memperolehi tahap kepujian atau cemerlang dalam latihan mengajar.²⁰⁷

Kajian Tengku Zahiri terhadap persepsi guru-guru pelatih j-QAFambilan 2006 terhadap kualiti pengajaran pensyarah Pendidikan Islam di Institut Perguruan Gaya mendapati, lebih daripada 50 peratus guru j-QAF berpuas hati terhadap kualiti pengajaran pensyarah mereka. Meskipun kumpulan ini hanya berada di IPG semasa musim cuti sekolah untuk berinteraksi dengan pensyarah, namun mereka bersetuju

²⁰⁵ *Ibid.*

²⁰⁶ Othman Leon dan Hanani Harun Rasit (2007), *Persepsi Guru-guru Pelatih KPLI (SR) j-QAF Mode LPBS Terhadap Proses Pementoran Oleh Pensyarah Pembimbing Sewaktu Latihan Mengajar Fasa Akhir*. Sabah: Institut Perguruan Gaya, h. 7-9

²⁰⁷ *Ibid.*, h. 10.

bahawa para pensyarah telah memberikan input dan latihan perguruan yang sebaik mungkin terhadap mereka. Kesimpulan dari kajian ini mendapati bahawa pensyarah-pensyarah telah menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang pensyarah dengan baik. Dapatan juga mendapati bahawa pensyarah telah dapat menjiwai sahsiah diri seorang pensyarah yang sesuai sebagai seorang pendidik di bidang agama. Dengan memiliki sahsiah sedemikian, sedikit sebanyak pensyarah telah membina *rapport* yang baik dengan para guru pelatih. Ini akan menyebabkan pelaksanaan kuliah dan pengajaran berjalan dengan baik dan berkualiti.²⁰⁸

Kebanyakan responden juga bersetuju bahawa para pensyarah telah dapat menggunakan modul pembelajaran yang baik. Sebagai sumber utama rujukan dan teks kepada para pelatih j-QAF, kefahaman tentang modul untuk diterjemahkan dalam realiti sebenar di bilik darjah amatlah penting. Responden kajian telah bersetuju bahawa pensyarah Pendidikan Islam Institut Perguruan Gaya telah memberikan penjelasan, penerangan dan kupasan yang baik, jelas dan berkesan ke arah membantu guru-guru pelatih j-QAF memahami kandungan modul pembelajaran.²⁰⁹

Responden juga bersetuju bahawa pensyarah ada menerapkan aspek pelbagai yang dikemukakan dalam soalan kaji selidik dalam sesi pengajaran mereka. Aspek pelbagai ini amat penting untuk membantu guru pelatih memahami kuliah yang disampaikan oleh para pensyarah. Namun begitu, dalam aspek penggunaan ICT,

²⁰⁸ Tengku Zahiri B Tengku Abdul Wahab (2007), *Persepsi Guru-guru Pelatih j-QAF Ambil 2006 Terhadap Kualiti Pengajaran Pensyarah Pendidikan Islam: Tinjauan Khusus di Institut Perguruan Gaya*. Sabah: Institut Perguruan Gaya, h. 6-9.

²⁰⁹ *Ibid.*

ternyata kebanyakan responden bersetuju bahawa pensyarah Pendidikan Islam Institut Perguruan Gaya tidak menggunakannya sebagai BBM mereka. Dalam era ledakan teknologi sekarang ini, amatlah mengecewakan apabila pensyarah tidak menggunakan peluang ini untuk diaplikasikan kepada guru-guru pelatih. Responden juga menganggap bahawa pelaksanaan sesi P&P pensyarah masih tidak mencapai tahap yang diharapkan. Ini mungkin kerana penekanan kuliah oleh pensyarah yang lebih menitikberatkan kepada huraian modul pembelajaran semata-mata tanpa mengaplikasikan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran sewajarnya kepada guru pelatih.²¹⁰

Kajian persepsi pelajar terhadap pengurusan praktikum di Institut Perguruan Kent Tuaran²¹¹ pada tahun 2007 mendapati, 97.5 peratus pelajar sangat bersetuju dan bersetuju taklimat praktikum dijalankan sebelum praktikum dengan min 3.72. Pelajar sangat bersetuju dan bersetuju mereka telah mendapat bimbingan daripada pensyarah pembimbing mereka bagi menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH) iaitu 98.8 peratus. Manakala bagi bimbingan kaedah dan teknik mengajar, min 3.76 telah diberikan oleh pelajar terhadap bimbingan pensyarah. Mengenai bimbingan pensyarah menghayati etika keguruan min 3.92 telah diperolehi manakala min 3.93 dalam memupuk perasaan tanggungjawab pelajar terhadap profesion perguruan. Dapatan ini menunjukkan persepsi yang amat positif para pelajar terhadap latihan perguruan yang mereka lalui di IPG.

²¹⁰ *Ibid.*

²¹¹ Datu Raiman bin Datu Kauman dan Nancy Loo Kason (2007) *op.cit.*, h. 15-18.

Namun berbeza pula dapatan kajian Tam²¹² bahawa guru-guru pelatih cemerlang di maktab sememangnya boleh berkomunikasi dengan baik di sekolah. Sebahagian besar mereka juga mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi namun, mereka kurang mahir dalam aspek mengenal pasti keperluan dan masalah pelajar serta membuat tindakan susulan, berkebolehan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan yang rasional dan objektif, dan menjadi pakar rujuk P&P. Kekurangan ini mungkin disebabkan kelemahan dalam menguasai ilmu pedagogi serta bimbingan dan kaunseling. Kajian ini juga mendapati guru-guru ini menyedari akan kepentingan meningkatkan profesionalisme diri. Ilmu pedagogi dan hubungan manusia merupakan aspek yang perlu diberi perhatian dan penekanan dalam latihan perguruan untuk memastikan guru-guru terlatih siap sedia menghadapi tugas guru yang mencabar. Dapatan ini menunjukkan guru-guru permulaan seringkali menghadapi konflik dalam proses menyesuaikan diri dengan iklim sekolah.

Menurut Lim, guru cemerlang adalah guru yang mempunyai ciri-ciri seperti yang berikut: “...*more than being very good. It means being outstanding. It means being superior. It means exceeding the standards of everyone else*”.²¹³ Guru cemerlang merujuk kepada guru yang menunjukkan prestasi yang baik dan hasil kerja yang bermutu tinggi.

²¹² Tam Yeow Kwai, Choong Lean Keow dan Rosli bin Yacob (2006), *Kecemerlangan Guru Sekolah Bermula Dari Kecemerlangan Di Maktab: Satu Paras Ukur Profession Perguruan*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru, Jld. 2., Kuala Lumpur: BPG KPM, h. 5-11

²¹³ Lim (1996): “What Makes An Excellent Teacher”. *The Sunday Star Educatio*, October 20, h. 10.

2.3.10 Kajian Tentang Minat Dan Sikap Pelajar Terhadap Pelajaran Pendidikan Islam

Di antara beberapa aspek pembelajaran murid adalah minat, memberi perhatian dan penglibatan dalam aktiviti P&P. Sebuah kajian juga telah membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kebolehan dalam pelajaran jawi dengan membaca al-Quran. Dapatan menunjukkan pelajar yang kurang berminat lebih kerap melakukan kesalahan dalam membaca al-Quran berbanding pelajar yang minat belajar jawi.²¹⁴ Pelajar tersebut kurang melakukan kesalahan sebutan semasa membaca al-Quran.

Laporan daripada Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Guru (2006) mendapati, guru j-QAF menghadapi kesukaran mengawal kelas semasa proses P&P (28.5%). Kesukaran mengawal kelas adalah kerana sikap murid yang enggan belajar, suka membuat bising, tidak mendengar arahan guru dan mengganggu kawan-kawan. Jumlah ini tidaklah besar, namun perhatian serius perlu diambil oleh pihak guru dan sekolah untuk mengatasi masalah ini. Sekiranya tiada keupayaan mengawal kelas, sudah pasti hasil pembelajaran tidak akan dapat dicapai. Kajian Normah (2007) mengenai Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA 2M) di S.K Laputong dan Malanggang di Sabah mendapati, di antara faktor yang paling ketara murid-murid gagal menguasai kemahiran membaca dan menulis ialah faktor sikap. Pada keseluruhannya pelajar ini kurang berminat untuk belajar dan malas. Kajian tersebut mendapati murid-murid tidak dapat menumpukan perhatian yang lama dalam proses P&P yang disampaikan. Selepas lebih kurang sepuluh minit mereka akan

²¹⁴ Maimunah Ismail (1995), "Kemahiran Membaca al-Quran di Kalangan Pelajar-pelajar Tingkatan Satu: Satu Kajian Kes" (Tesis Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya) h. 78.

mula bermain dan mengganggu pelajar lain.²¹⁵ Kajian yang sama juga mendapati masalah kehadiran murid ke sekolah mempengaruhi penguasaan mereka terhadap P&P. Murid yang selalu tidak hadir akan ketinggalan banyak pelajaran.²¹⁶

Namun kajian Sabariah (2006) menyatakan, komunikasi berkesan amat penting dalam diri seorang guru untuk menyampaikan ilmu dan kemahiran kepada pelajar. Guru hendaklah menggunakan kemahiran bercakap, kemahiran menulis, kemahiran lisan, bukan lisan dan kemahiran bahasa badan untuk mencapai hasil pembelajaran. Guru yang tidak mahir berkomunikasi boleh menyebabkan berlakunya *miss-communication* dalam P&P. Ia juga akan menyebabkan berlakunya masalah disiplin dalam kalangan pelajar.²¹⁷ Ini disokong oleh kajian Sabariah pada tahun 2006 mengenai Pengurusan Disiplin menyatakan, guru sebagai pemimpin di dalam bilik kelas haruslah bijak merancang, mengorganisasi, mengelola, mengarah dan mengawal P&P dalam bilik darjah. Kelemahan guru dalam aspek-aspek tersebut akan menyebabkan kepincangan dalam pengurusan disiplin pelajar-pelajar.²¹⁸ Jelas bahawa, persoalan sikap dan minat murid sebenarnya mempunyai hubungan yang kuat dengan personaliti dan kemahiran guru.

Ini disokong oleh kajian Suhaimi (2007) mengenai minat pelajar terhadap pelajaran Pendidikan Islam di Institut Perguruan Keningau menyatakan bahawa sekiranya pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap pengajaran pensyarah,

²¹⁵ Normah Bt. Kamarodzan (2007), *Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA 2M) di S.K Laputong dan Malanggang: Satu Kajian Kes*. Sabah: Institut Perguruan Kent, h. 16

²¹⁶ *Ibid.*, h. 15.

²¹⁷ Sabariah Binti Bahrin (2006) "Kemahiran Komunikasi" (Latihan Ilmiah Pendidikan, Universiti Industri Selangor) h. 25.

²¹⁸ Sabariah Binti Bahrin (2006) "Pengurusan Disiplin" (Latihan Ilmiah Pendidikan, Universiti Industri Selangor) h. 14.

maka dia juga meminati mata pelajaran Pendidikan Islam. Sebaliknya sekiranya pelajar mempunyai persepsi yang kurang positif terhadap pengajaran pensyarah, maka dia juga kurang meminati mata pelajaran Pendidikan Islam.²¹⁹ Ini bermakna semua Guru Pendidikan Islam perlu mempertingkatkan aspek interpersonal keguruan dan kemahiran dalam mutu P&P. Persoalan sikap dan minat murid terhadap sesuatu mata pelajaran sebenarnya berhubung kait dengan personaliti guru.

Kajian Muhammad Fauzan terhadap pembelajaran al-Quran pelajar Bachelor Education TESL Foundation mendapati pelajar-pelajar kurang selesa dan kurang minat belajar membaca al-Quran dalam subjek Pendidikan Islam. Namun persepsi dan minat pelajar semakin berubah setelah melalui beberapa siri bimbingan dan latihan belajar al-Quran. Pelajar semakin berminat dan bersikap positif untuk lebih mendalami aspek-aspek dalam pembelajaran al-Quran. Minat, iltizam dan potensi pelajar perlu terus dikembangkan dengan perhatian dan bimbingan yang berterusan dari guru. Kepelbagaian kaedah dan tindakan guru juga perlu untuk terus memupuk minat dan sikap positif pelajar-pelajar.²²⁰ Ini menunjukkan para GPI seharusnya mempelbagaikan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran agar pelajar menyukai dan meminati mata pelajaran yang diajar oleh guru.

Sebuah kajian oleh Nik Hassan (2006) mendapati, motivasi sebenarnya cukup berpengaruh dalam pembelajaran jawi. Pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi menunjukkan pencapaian yang tinggi, sementara pelajar yang bermotivasi rendah

²¹⁹ Suhaimi Taat (2007), *Perkaitan Pengajaran Pensyarah dengan Minat Guru Pelatih KPLI Terhadap Mata Pelajaran Asas Dinamika Guru Pendidikan Islam di Institut Perguruan Keningau Sabah*. Sabah: Institut Perguruan Keningau. h. 24.

²²⁰ Muhammad Fauzan (2006), *op.cit.*, h. 12.

mempunyai pencapaian yang rendah.²²¹ Motivasi ialah suatu keadaan dalam diri yang memberikan tenaga bagi menggiat dan menggerakkan seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan. Motivasi ialah penggerak kepada kemahuan dan keinginan untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu.²²² Penyelidik membuat rumusan bahawa motivasi amat mempengaruhi sikap, disiplin dan minat murid-murid dalam sesuatu P&P.

2.4 Kajian Tentang Teori dan Model Berkaitan

Bahagian ini membincangkan teori dan model yang berkaitan dengan kajian ini. Di antara teori dan model yang dibincangkan adalah teori matlamat kurikulum, model Glaser dan Model Pembelajaran Masteri.

2.4.1 Matlamat Kurikulum Pendidikan

Matlamat kurikulum adalah melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai perkembangan yang menyeluruh meliputi aspek-aspek seperti ekonomi, sosial, politik, jasmani, emosi, rohani, estetika dan etika kehidupan pelajar sebagai manusia yang berinteraksi dengan alam sekitar dan alam spiritual. Gambaran tentang matlamat kurikulum pendidikan seperti dalam Rajah 2.1.


Umumnya kurikulum pendidikan terdiri daripada tiga peringkat iaitu peringkat rendah, menengah dan tinggi. Kurikulum pada peringkat awal memberikan

²²¹ Nik Hassan bin Seman (2006), *op.cit.*, h. 91.

²²² Saedah Siraj, Zainun Ishak & Tunku Mohani Tunku Mokhtar (1991), *Motivasi dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 34.

penekanan kepada penguasaan kemahiran-kemahiran asas seperti menulis, membaca dan mengira. Kurikulum peringkat menengah pula meliputi pelbagai bidang seperti bahasa, sastera, sains dan vokasional. Kurikulum pada peringkat ini bertujuan untuk memenuhi bakat, minat dan keupayaan pelajar dalam subjek-subjek tertentu. Kurikulum pada peringkat tinggi bertujuan untuk menyediakan kemahiran kerja dan penguasaan bidang pengetahuan yang luas bagi para pelajar yang akan memasuki pasaran kerja.²²³

Rajah 2.1: Teori Matlamat Kurikulum Pendidikan



Sumber: Sufean Hussin. Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah.²²⁴

²²³ Sivachandaralingam Sundara Raja *et.al* (1999), *op.cit.*, h. 364.

²²⁴ Sufean Hussin (1993), *Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 148.

Berpandukan teori ini, penyelidik berpendapat bahawa untuk mencapai objektif dan matlamat kurikulum yang berkesan, semua unsur, ciri dan nilai hendaklah menuju ke arah matlamat yang jelas iaitu perkembangan individu yang menyeluruh. Pengabaian satu-satu aspek akan menyebabkan kepincangan dan ketidakseimbangan individu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

2.4.2 Teori Structural–Fungsional

Syarifah Alwiyah al-Sagof menyatakan bahawa perlakuan sosial atau institusi dalam kegiatan yang menyumbang kepada pembangunan dari segi moral, rohani dan kebendaan boleh dikaji menggunakan teori fungsional. Menurut teori ini struktur sosial akan menentukan kelancaran perjalanan atau keharmonian masyarakat.²²⁵ Telah dirumuskan tiga andaian utama fungsionalisme iaitu stabiliti, harmoni dan evolusi. Stabiliti merupakan kriteria penilaian utama menentukan sesebuah organisasi dapat dikekalkan. Harmoni menunjukkan semua bahagian atau struktur dalam organisasi bekerjasama untuk mencapai tujuan. Evolusi pula menggambarkan perubahan yang berlaku kepada organisasi melalui proses adaptasi struktur sosial kepada pembaharuan.²²⁶

Berasaskan teori ini, penyelidik berpendapat bahawa struktur sosial yang wujud dalam pelaksanaan program j-QAF berperanan penting dalam pengaplikasian konsep dan matlamat program. Komitmen setiap struktur dalam organisasi pelaksanaan program j-QAF adalah perlu untuk memastikan sesuatu perubahan

²²⁵ Sharifah Alwiyah al-Sagof (1985), *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.35.


²²⁶ Chin Sik Sean (2001), *Kecemerlangan Akademik Penyuluh Hidup*, <http://nextievel.com.my/article.phd?ArticleID=306>, 3 Mac 2005.

program baru dalam kurikulum PI. Dengan wujudnya kerjasama di antara pentadbir sekolah, guru-guru, guru j-QAF dan institusi lain yang terlibat, sudah pasti program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar dan efektif.

2.4.3 Model Glaser

Model ini juga diakui dalam pelaksanaan pengajaran. Robert Glaser telah membahagikan proses pengajaran kepada empat komponen iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada, kaedah mengajar dan penilaian pencapaian. Komponen tersebut saling berinteraksi dan mempengaruhi pelaksanaan pengajaran.²²⁷

Rajah 2.2: Model Glaser



Sumber: De Cecco, J.P., (1970) *The Psychology of Learning and Instruction: Educational Psychology*. New Delhi: Prentice-Hall of India²²⁸

²²⁷ Sim, W.K., (1970), "A Pedagogical Model for Studies in Microteaching" *Masalah Pendidikan*, Jl. 2 Bil 2, T.T.P : T.P., h. 15.

²²⁸ Ee Ah Meng (1988), *Pedagogi Untuk Bakal Guru*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sd. Bhd., h. 123.

Pengaplikasian model Glaser dalam kajian ini dapat menerangkan bahawa ilmu pengetahuan atau pengalaman seseorang adalah hasil kaitan antara keupayaan diri dengan kebolehtadbiran melaksanakan sesuatu program. Penentuan objektif pengajaran yang perlu dicapai oleh murid-murid, pengetahuan sedia ada yang merangkumi kebolehan intelek, motivasi, penentu sosial dan budaya seorang pelajar amat perlu diperhatikan²²⁹ oleh guru j-QAF. Guru j-QAF juga perlu mempertingkatkan kaedah pengajaran mengikut suasana dan keperluan semasa. Penilaian P&P hendaklah sentiasa dibuat agar objektif yang disasarkan menjadi realiti. Model ini amat penting dalam pelaksanaan kurikulum j-QAF.

2.4.4 Teori Pembelajaran Masteri²³⁰

Teori ini juga diakui dalam pelaksanaan pengajaran. Pembelajaran Masteri adalah suatu pendekatan P&P bagi memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran yang dihasratkan dalam suatu unit pembelajaran sebelum berpindah ke unit pembelajaran seterusnya. Pendekatan ini memerlukan peruntukan masa yang mencukupi dan proses P&P yang berkualiti.


Ciri-ciri pembelajaran masteri adalah hasil pembelajaran perlu ditentukan, aktiviti P&P hendaklah berkesan dan menarik, bahan P&P yang berkesan, murid perlu menguasai 80 peratus aras masteri sesuatu unit sebelum berpindah ke unit baru.

²²⁹ *Ibid.*

²³⁰ Pusat Perkembangan Kurikulum (2001), *Pembelajaran Masteri*. Kuala Lumpur: KPM, h. 1-10.

Penilaian juga hendaklah berasaskan Ujian Rujukan Kriteria,²³¹ aktiviti pemulihan dan seterusnya aktiviti pengayaan untuk murid yang telah mencapai aras masteri.²³²

Rajah 2.3 : Model Pembelajaran Masteri



Sumber : Pusat Perkembangan Kurikulum. Pembelajaran Masteri.²³³

Berpandukan teori yang berkaitan, penyelidik memfokuskan kajian berkenaan dengan P&P lima model yang terdiri daripada Model Kelas Pemulihan Jawi, Model Tasmik, Model Enam Bulan Khatam al-Quran, Model Pelaksanaan Perluasan BAK Dan Model Bestari Solat.

²³¹ Merupakan satu kaedah ujian di mana pencapaian individu diukur dan dibandingkan dengan kriteria yang telah ditentukan dengan memberikan masa yang mencukupi untuk pelajar menguasainya.

²³² *Ibid.*, h. 6.

²³³ *Ibid.*

2.5 Kesimpulan

Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dilakukan oleh penyelidik, kepentingan literatur berkaitan amat jelas. Perbincangan berkaitan mengenai definisi, konsep kurikulum dan kurikulum j-QAF telah memberi gambaran yang amat jelas tentang kepentingan kajian pelaksanaan kurikulum j-QAF ini. Senario dan perkembangan fakta termasuklah teori, prinsip dan model berkaitan kurikulum, P&P, Pendidikan jawi, al-Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain dan lain-lain telah dibentangkan dan dihuraikan.

Manakala dalam tinjauan kajian berkaitan penulis telah memfokuskan kepada beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan soalan kajian. Kajian mengenai kepentingan program, komitmen, kemahiran guru, aspek-aspek pembelajaran murid dan lain-lain telah dibincangkan dengan lebih terperinci.

Bab seterusnya akan menghuraikan perkara-perkara penting tentang populasi, pemilihan sampel, instrumen, pentadbiran instrumen, reka bentuk dan prosedur kajian, pemboleh ubah kajian, pengumpulan dan penganalisan data.

Bab 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Metodologi adalah satu cara atau sistem yang dilakukan dalam menjalankan sesuatu kajian. Bab ini akan menghuraikan secara terperinci tentang metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, prosedur pengumpulan data akan diterangkan begitu juga dengan prosedur yang digunakan dalam memilih sampel. Kemudian, prosedur yang digunakan untuk menganalisa data diperjelaskan. Rumusan metodologi akan disimpulkan dalam bahagian ini.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat tahun 2005, metodologi adalah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.²³⁴ Manakala Syed Arabi Idid menyatakan metodologi adalah cara yang dilakukan untuk mencari jawapan melalui satu tatacara saintifik.²³⁵ Sainifik bermaksud sesuatu aktiviti yang terhasil daripada proses pembuktian secara sistematik.²³⁶ Tatacara pula adalah kaedah-kaedah tertentu yang digunakan dalam sesuatu penyelidikan. Kaedah-kaedah ini juga dikenali sebagai metodologi penyelidikan.

²³⁴ Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), *op.cit.*, h. 1030

²³⁵ Syed Arabi Idid (1992), *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 4.

²³⁶ Mohamad Najib Abdul Ghafar (2001), *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, h. 15.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif secara soal selidik dan kaedah kualitatif secara triangulasi. Triangulasi merujuk kepada kombinasi dua atau lebih teori, sumber data dan kaedah dalam satu kajian yang mengkaji satu fenomena untuk ditumpukan kepada satu bentuk.²³⁷ Triangulasi juga merujuk kepada situasi yang mana penyelidik berhadapan dengan pelbagai pilihan pengukuran yang kurang sempurna, iaitu setiap satunya mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri.²³⁸ Dengan menggunakan teknik triangulasi, masalah-masalah yang akan wujud dalam kesahan gagasan *construct validity* dapat diatasi kerana kepelbagaian sumber bukti membolehkan kepelbagaian langkah penyelesaian dalam fenomena yang sama.²³⁹ Dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah triangulasi iaitu pemerhatian di tempat-tempat yang berlainan²⁴⁰ (sekolah-sekolah berlainan) dan pelbagai kumpulan sampel.

Semua dapatan kuantitatif dan kualitatif diulas dan dianalisa bersama supaya dapatan kajian ini berasaskan penumpuan maklumat daripada pelbagai sumber, bukannya dari data soal selidik dan pemerhatian secara berasingan. Penggunaan dua instrumen dalam kajian ini akan membenarkan penyelidik mendapat kepelbagaian dalam maklumat tentang isu yang sama, menggunakan kekuatan daripada setiap instrumen untuk mengatasi kekurangan salah satu daripadanya.

²³⁷ Denzin, Norman. K., (1978), *The Research Act: A Theoretical Introduction to Sociological Methods*, Ed. 2. New York: McGraw-Hill, h. 34

²³⁸ Rubin, Allen., & Babbie, Earl (2001), *Research Methods for Social Work*. USA: Wadsworth, h. 45.

²³⁹ Yin, R. K., (1994), *Case Study Research: Design and Methods*. Ed. 2. USA: SAGE Publications, Inc. h. 56.

²⁴⁰ Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Copyright. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. h., 75.

Kajian ini juga adalah berbentuk deskriptif di mana kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif diaplikasikan. Penyelidikan deskriptif termasuklah menganalisa, menghurai, dan menginterpretasikan dokumen-dokumen kurikulum j-QAF. Menurut Sulaiman Shamsuri, penyelidikan deskriptif menganalisa secara tepat dan mencakupi tentang aktiviti, objek, proses dan individu-individu.²⁴¹ Beberapa bentuk penyelidikan deskriptif ialah penyelidikan secara tinjauan, penyelidikan perbandingan dan penyelidikan korelasi.²⁴² Kajian deskriptif menjawab soalan tentang siapa, apa, bila, di mana dan bagaimana. Ia bertujuan untuk menjelaskan subjek, biasanya dengan menyediakan profil masalah, orang atau peristiwa. Kajian deskriptif boleh digunakan dengan mudah untuk tujuan perancangan, pemantauan dan penilaian.

Jadual 3.1 : Perbezaan antara Kajian Kuantitatif dan Kualitatif

| | Kuantitatif | Kualitatif |
|-------------|---|------------------------------------|
| Tujuan | Menyelidik hubungan, sebab dan kesan | Memahami fenomena sosial |
| Reka Bentuk | Dibentuk sebelum kajian dijalankan | Dibentuk semasa kajian dijalankan |
| Pendekatan | Deduktif; menguji teori | Induktif; menjana teori |
| Alat-alat | Menggunakan alat-alat piawai | Menggunakan interaksi bersemuka |
| Sampel | Menggunakan sampel besar | Menggunakan sampel-sampel kecil |
| Analisis | Analisis statistik ke atas data numerik | Deskripsi dan interpretasi naratif |

Sumber : Ary, Jacobs & Razavieh (2002). *Introduction to Research in Education*. 6th ed. Belmont CA: Wadsworth

²⁴¹ Sulaiman Shamsuri (2005), *Passport to Skillful Writing of Assignments, Reports and Dissertations*. Selangor: Universiti Industri Selangor, h. 33.

²⁴² David Lim Chong Lim dan rakan (2007), *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Open Universiti Malaysia, h. 66

Penyelidikan kuantitatif mudah diukur, bertujuan mencapai keputusan yang tertentu, lebih eksplisit dan mudah difahami. Kajian kuantitatif menekankan pemerolehan fakta menggunakan pengukuran objektif dan analisis statistik data numerik untuk memahami dan menjelaskan sesuatu fenomena yang boleh dijadikan panduan kepada amalan dan polisi.²⁴³ Manakala penakulan kualitatif pula dianggap mempunyai lebih tinggi kebolehpercayaan dan kesahan. Bagaimanakah kita mengkuantitifikasikan perkara seperti perasaan, kerelaan dan hasrat tersembunyi?²⁴⁴ Oleh sebab itu penyelidik menggunakan kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif.

3.3 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual ini menerangkan tentang hubungan antara pemboleh ubah (variabel) dalam kajian dan kesan hubungan tersebut. Kajian ini menggunakan pemboleh ubah bersandar (*dependent variable*) dan pemboleh ubah tidak bersandar (*independent variable*). Pemboleh ubah adalah idea yang ingin diteliti oleh penyelidik dalam kajian mereka. Secara operasinya, pemboleh ubah ialah sesuatu atribut (ciri) seseorang individu atau organisasi yang kita boleh cerap (*observe*) dan boleh diukur (*measure*).²⁴⁵ Dalam kajian ini, kefahaman, pelaksanaan, halangan dan rintangan yang dihadapi oleh guru j-QAF dalam mentafsirkan isi kandungan j-QAF dan dalam membuat transformasi pemahaman tentang isi kandungan tersebut ke dalam bentuk tindakan dan operasi yang boleh direalisasikan dalam bilik darjah turut ditinjau.

²⁴³ Ary, Donald, Lucy Cheser Jacobs & Asghar Razavieh (2002), *Introduction to Research in Education*. Ed. 6. Belmont CA: Wadsworth, h. 54.

²⁴⁴ *Ibid.*, h. 70.

²⁴⁵ David Lim Chong Ling dan rakan (2007), *op.cit.* h. 80-81.


Termasuklah skim pengkonsepan, pemahaman dan penghayatan pihak sekolah dan murid-murid tentang j-QAF.

Kerangka ini menunjukkan hubungan sebab-kesan antara pemboleh ubah tak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Dalam kajian ini, aspek-aspek berikut telah dikaji:

- a. Kepentingan
- b. Komitmen guru dan pihak sekolah
- c. Latihan dan kemahiran guru
- d. Penggunaan pelbagai BBM
- e. Penggunaan pelbagai kaedah dan teknik
- f. Prestasi murid
- g. Minat dan penglibatan murid
- h. Penilaian
- i. Kekangan dan cara mengatasinya

Pemboleh ubah ini digunakan untuk membina kerangka konseptual kajian seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut:

Rajah 3.1: Kerangka Konseptual Kajian



Istilah pelaksanaan j-QAF digabungkan sekali sebagai penerimaan guru j-QAF tentang kepentingan j-QAF, komitmen, latihan perguruan, aktiviti P&P, penggunaan BBM dan penggunaan kaedah dan teknik mengajar. Sejauh mana guru j-QAF melihat pihak sekolah memberi komitmen yang baik terhadap pelaksanaan program ini turut ditinjau. Begitu juga sejauh mana guru j-QAF mendapati murid-murid berminat, melibatkan diri dalam aktiviti P&P dan menunjukkan prestasi yang baik terhadap program j-QAF turut dikaji.

Penyelidik telah mengambil dan mengubahsuai kerangka konseptual kajian Khuzaifah bte Jusoh yang membuat kajian pelaksanaan program j-QAF di Kota Kinabalu²⁴⁶ pada tahun 2006 dan merujuk pembolehubah-pembolehubah kajian Amri bin Daud yang menjalankan kajian keberkesanan j-QAF di sekolah rintis di Terengganu pada tahun 2005.²⁴⁷ Manakala dalam metod kualitatif secara pemerhatian, penyelidik mengambil dan mengubahsuai borang bimbingan praktikum PR1 Bahagian Pendidikan Guru dan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian Nik Aziz Nik Pa dan Ng See Ngean (1991) yang menjalankan kajian tentang pelaksanaan Matematik KBSM.

3.4 Metod Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan metod kajian lapangan dan kajian perpustakaan untuk mengumpul dan menganalisa segala maklumat dan data yang diperolehi. Gabungan kedua-dua metod ini berupaya menghasilkan dapatan kajian yang adil, seimbang dan menyeluruh. Dalam kajian lapangan, penyelidik menggunakan metod

²⁴⁶ Khuzaifah bte Jusoh (2006), *op.cit.*, h. 55.

²⁴⁷ Amri bin Daud (2005), *op.cit.*, 49.

kuantitatif secara soal selidik dan kaedah kualitatif secara pemerhatian. Dalam kajian perpustakaan penyelidik menggunakan metod dokumentasi dan metod historis.

Metod yang digunakan dirumuskan seperti berikut:

- a. Kajian Lapangan : Kuantitatif (soal selidik) dan Kualitatif (pemerhatian)
- b. Kajian Perpustakaan : Dokumentasi dan Historis

3.4.1 Metod Historis

Metod Historis iaitu suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian. Ia digunakan dengan tujuan untuk mendapatkan data yang mempunyai maklumat sejarah. Penyelidik menggunakan metod ini untuk mendapatkan data-data latar belakang perkembangan Pendidikan Islam dan kurikulum Pendidikan Islam dalam bab pertama.

3.4.2 Metod Dokumentasi

Metod ini merupakan salah satu daripada proses mengumpul maklumat dan fakta melalui penyelidikan terhadap dokumen yang mempunyai kaitan dengan masalah kajian. Dokumen ini terdiri daripada bahan bertulis seperti fakta, idea, laporan, jurnal, al-Quran, al-Hadis, buku, kertas kerja seminar, surat khabar, latihan ilmiah, tesis dan sebagainya. Sumber-sumber kajian ini boleh berbentuk sumber primer atau sumber sekunder yang telah dihasilkan oleh sarjana tempatan atau sarjana luar. Penyelidik membuat tinjauan dan rujukan perpustakaan mengenai pengajian Agama Islam bermula dari zaman Rasulullah S.A.W, para sahabat, zaman khalifah hinggalah ke hari ini di Malaysia. Untuk tujuan ini penyelidik mengunjungi perpustakaan-perpustakaan di pelbagai peringkat pengajian tinggi untuk mendapatkan

bahan–bahan tersebut. Pengumpulan data melalui sumber buku, jurnal, latihan ilmiah, surat khabar atau pendapat bebas dari individu adalah data minor yang bukan utama (*secondary data*) berbanding dengan data yang dikutip daripada responden dan pemerhatian.²⁴⁸ Perpustakaan-perpustakaan utama yang dikunjungi oleh penyelidik adalah seperti berikut:

- a. Perpustakaan Utama, Univerisiti Malaya, Kuala Lumpur
- b. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- c. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah
- d. Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia
- e. Perpustakaan Institut Perguruan Kent, Tuaran, Sabah
- f. Perpustakaan Tawau, Sabah

3.4.3 Metod Kuantitatif (Soal selidik)

Soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soalan bebas–jawab terbuka, senarai semak atau skala kadar. Soalan bebas – jawab ialah soalan isikan tempat kosong; senarai semak ialah soalan jenis *Thurrrston* di mana subjek hanya menandakan salah satu pilihan jawapan; dan soalan skala kadar empat tahap di mana responden memilih jawapan daripada satu-satu kontinum.²⁴⁹

3.4.3.1 Populasi Soal Selidik

Populasi adalah kumpulan yang di mana hasil kajian diharapkan untuk dilaksanakan.²⁵⁰ Populasi sebagai kumpulan sasaran penyelidik, iaitu kumpulan

²⁴⁸ Sulaiman Shamsuri (2005), *op.cit.*, h. 23.

²⁴⁹ Mohd Najib (2001), *op.cit.*, h. 36.

²⁵⁰ Syed Arabi Idid (1992), *op.cit.*, h. 37.

kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan.²⁵¹ Populasi kajian ini ialah semua guru j-QAFambilan tahun 2007 di Kampus Kent. Data berkenaan boleh dirujuk melalui jadual 3.2 dan 3.3 berikut:

Jadual 3.2 : Jumlah Guru j-QAF di Empat Buah IPGM Zon Sabah Tahun 2005, 2006 dan 2007

| IPGM | Tahun 2005 | Tahun 2006 | Tahun 2007 | Jumlah |
|------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|---------------|
| Kampus Kent | 165 | 84 | 76 | 325 |
| Kampus Gaya | 114 | 166 | 76 | 356 |
| Kampus Keningau | 114 | 105 | 56 | 275 |
| Kampus Tawau | Tiada | 42 | 57 | 99 |
| Jumlah Populasi | | | 265 | 1055 |

Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Zon Sabah (2007)

Jadual 3.3: Unjuran Baru Penyertaan j-QAF di Seluruh Malaysia Mulai 2005 -2010

| Negeri | Unjuran Penyertaan Sekolah 2006-2010 | | | | | |
|-----------------|---|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
| Perlis | 14 | 15 | 16 | 12 | 5 | 5 |
| Kedah | 98 | 99 | 100 | 60 | 40 | 16 |
| Pulau Pinang | 51 | 52 | 53 | 24 | 24 | 26 |
| Perak | 132 | 133 | 133 | 75 | 75 | 75 |
| Selangor | 128 | 129 | 129 | 97 | 97 | 96 |
| Wp Kuala Lumpur | 43 | 44 | 45 | 10 | 10 | 14 |
| Negeri Sembilan | 52 | 53 | 54 | 37 | 40 | 49 |
| Melaka | 40 | 41 | 41 | 23 | 24 | 25 |
| Johor | 143 | 144 | 144 | 115 | 115 | 114 |
| Pahang | 83 | 84 | 84 | 100 | 100 | 155 |
| Terengganu | 69 | 70 | 71 | 44 | 44 | 45 |
| Kelantan | 89 | 90 | 91 | 64 | 64 | 16 |
| Sabah | 147 | 148 | 151 | 100 | 63 | 62 |
| Sarawak | 128 | 129 | 132 | 63 | 63 | 63 |
| WP Labuan | 4 | 4 | 3 | 3 | 2 | 1 |
| Jumlah | 1221 | 1235 | 1247 | 827 | 766 | 762 |

Sumber : Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM, 2007

²⁵¹ Gay, L. R. & Airasian, P. (2003), *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. Ed. 7. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education Inc. h. 39

3.4.3.2 Sampel Soal Selidik

Sampel kajian pula ialah responden-responden kajian yang dipilih untuk mewakili sesuatu populasi. Dalam menjalankan penelitian dan kajian mengenai desertasi ini, penyelidik menggunakan metod *convenience sampling*. Penyelidik memilih kumpulan guru j-QAF di Kampus Kent sahaja sebagai sampel kajian. Penyelidik akan membuat satu generalisasi berkaitan populasi ini. Thomas, J. Sullivan menyatakan, “*sample is a number of elements from a larger population of elements.*”²⁵²

Pensampelan yang digunakan oleh penyelidik ini disebut sebagai pensampelan bukan kebarangkalian (*nonprobability sampling*) iaitu kebarangkalian unit yang dipilih tidak mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Ini adalah kerana penyelidik hanya memilih guru j-QAF Kampus Kent sahaja menjadi sampel kajian ini. Manakala pensampelan kawasan juga digunakan iaitu, semua kawasan yang merangkumi populasi ini dibahagikan kepada kawasan-kawasan kecil sahaja. Manakala identiti unit dan jumlah unit dalam kawasan-kawasan kecil ini tidak perlu diambil tahu terlebih dahulu. Kemudian satu sampel diambil dan semua atau sebahagian unit sampel dalam kawasan yang dipilih akan meliputi kajian. Penyelidik mengandaikan setiap kelompok individu mewakili populasi secara keseluruhan.

Pensampelan bertujuan (*purposive*) digunakan bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat yang dikehendaki dalam menjawab persoalan kajian. Penyelidik

²⁵² Thomas, J. Sullivan (1992), *Applied Sociology Research and Critical Thinking*. New York: Macmillan Publishing Company, h. 77.

mengumpul maklumat daripada sekumpulan sampel yang khusus bertepatan dengan objektif kajian dan sampel tidak dihadkan lokasinya asalkan memenuhi kriteria yang ditetapkan. *Purposive sampling* membenarkan penyelidik membuat pilihan kes kerana kes tersebut menggambarkan beberapa ciri atau proses yang hendak dikaji.²⁵³

Williams mencadangkan penggunaan 35-40 subjek atau responden sebagai jumlah minimum dalam penyelidikan.²⁵⁴ Fraenkel dan Wallen mencadangkan 50 subjek sekiranya kajian itu bertujuan untuk melihat kewujudan hubungan antara pemboleh ubah.²⁵⁵ Sebenarnya berapa besar sampel yang perlu dipilih oleh seseorang penyelidik? Adakah lima peratus daripada populasi? Dalam tinjauan, lazimnya 10 peratus daripada populasi akan diambil.²⁵⁶ Namun ia sebenarnya bergantung kepada beberapa perkiraan.²⁵⁷ Jika populasi besar, sampel yang kecil tetapi relatif kepada nisbah adalah mencukupi. Bagi populasi 2,000 orang, hanya 30 peratus sampel adalah memadai. Bagi populasi 10,000 orang, hanya 10 peratus. Bagi populasi 15,000 orang, hanya satu peratus sudah memadai. Jika 100 orang populasi pula, maka sebaik-baiknya seluruh populasi diambil sebagai sampel. Ini bermakna jika populasi itu kecil, adalah lebih baik semua populasi diambil sebagai sampel.

Memandangkan populasi dan sampel kajian ini adalah guru-guru j-QAF Kampus Kent yang sedang bertugas di sekolah-sekolah rendah di Sabah, penyelidik

²⁵³ Silverman, David. (2000), *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. USA: SAGE Publications, Inc. h. 36.

²⁵⁴ William, J., Karp, D. Dalphin & Gray (1982), *The Research Crafts. An Introduction to Social Research Metod*. Boston: Little, Brown & Company, h. 39.

²⁵⁵ Fraenkel, J.R & Wallen, N. E., (1996), *How to Design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw Hill, h. 57.

²⁵⁶ David Lim Chong Lim dan rakan (2007), *op.cit.*, h. 74

²⁵⁷ Pembentangan Kuliah Penyelidikan, Universiti Industri Selangor pada 4 Jun 2006 di Institut Perguruan Keningau.

mengadakan soal selidik untuk meninjau pengalaman, pandangan dan persepsi mereka terhadap pelaksanaan program j-QAF. Menurut Ahmad Kassim, penyelaras LPBS j-QAF di IPGM Kampus Kent, jumlah guru j-QAFambilan tahun 2007 adalah seramai 76 orang yang bertugas di 70 buah sekolah seluruh Sabah. Menurut Krejcie, R. V dan Morgan, D.W., sekiranya jumlah populasi 1000 orang, sampel yang sesuai adalah 278 orang, sekiranya populasi 500 orang, sampel yang sesuai adalah 217 orang. Manakala jika populasi kecil iaitu 75 orang, sampel yang sesuai adalah 63 orang.²⁵⁸(Rujuk Lampiran Q) Dalam kajian ini penyelidik akan mengambil kesemua 76 orang menjadi sampel kajian. Oleh itu jumlah sampel penyelidik paling hampir dengan saranan tersebut.

Manakala jumlah sekolah yang terlibat dengan program j-QAF di Sabah bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 adalah 446 buah sekolah. Namun penyelidik hanya mengkaji sekolah yang terlibat dengan guru j-QAF IPGM Kampusambilan tahun 2007 iaitu 70 buah sekolah yang menempatkan 76 sampel yang dipilih.

**Jadual 3.4 :Jumlah Sekolah Sampel Soal Selidik
(Guru j-QAFambilan tahun 2007 IPGM Kampus Kent)**

| Tahun | Jumlah Sekolah |
|--------------|-----------------------|
| 2007 | 70 |
| Jumlah | 70 |

Sumber : Unit Praktikum, IPGM Kampus Kent

²⁵⁸ Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970), *Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement*, 30 (3), h. 607-610

3.4.4 Metod Kualitatif

Penyelidikan kualitatif pula mengkaji perkara yang tidak boleh diukur secara spesifik. Ia melibatkan sikap, perasaan, emosi, pandangan, persepsi dan lain-lain. Analisis kualitatif adalah secara deskripsi dan interpretasi naratif. Menurut Gunasegaran “*Qualitative research has its origin in descriptive analysis, and is essentially an inductive process, reasoning from the specific situation to a general conclusion.*”²⁵⁹

Dalam kajian kualitatif ini, penyelidik menggunakan strategi pensampelan bukan kebarangkalian (*non-probability sampling*) secara mudah (*convenience sampling*). Sampel jenis ini dipilih berasaskan kepada subjek kajian yang mudah diperoleh, contohnya guru menggunakan pelajar mereka sendiri sebagai sampel kajian. Metod kualitatif yang dijalankan adalah secara pemerhatian. Rubin dan Babbie menyatakan bahawa dalam *purposive sampling* penyelidik memilih sampel yang hendak dibuat pemerhatian kerana mempercayai bahawa sampel tersebut boleh memberikan kefahaman menyeluruh tentang subjek yang dikaji.²⁶⁰ Penyelidik menggunakan pengetahuan dan kepakaran khusus tentang sesuatu kumpulan untuk dikaji. Penyelidik percaya guru j-QAF adalah mereka yang arif tentang program ini.

²⁵⁹ Gunasegaran Karuppanannan (2006), *Research & Report Writing*. Selangor: Universiti Industri Selangor, h. 44.

²⁶⁰ Rubin *et.al* (2001), *op.cit.*, h. 48.

3.4.4.1 Pemerhatian

Salah satu kaedah kajian yang popular ialah membuat pemerhatian menggunakan senarai semak bergantung kepada objektif kajian. Dalam peringkat pemerhatian, sampel yang dipilih secara *purposive sampling* adalah sekolah, guru-guru dan murid-murid di beberapa buah sekolah di mana penyelidik dipertanggungjawabkan menyelia praktikum guru j-QAF. Penyelidik membuat pemerhatian terhadap sekolah dan guru-guru serta perlakuan dan tindak balas murid-murid sekolah terhadap pengajaran guru j-QAF mereka. Dalam menjalankan pemerhatian, seseorang itu mungkin membuat pemerhatian dari jauh atau berada bersama di dalam kumpulan responden.²⁶¹ Dalam kajian ini penyelidik pergi ke sekolah, menyemak dokumentasi j-QAF dan duduk di dalam kelas P&P j-QAF dan memerhatikan aspek minat, penglibatan dan prestasi murid. Bagi kaedah pemerhatian, kajian ini berfokuskan inkuiri naturalistik atas tingkah laku manusia dan reaksinya terhadap sesuatu perubahan dalam kurikulum.

Patton menyatakan bahawa salah satu kelebihan kaedah pemerhatian ialah ia membolehkan pemerhati lebih memahami konteks di mana sesuatu aktiviti berlaku. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian dilaksanakan untuk dijadikan sebagai rujuk silang *cross checks* untuk mengesahkan maklumat yang diperolehi daripada soal selidik.²⁶²

²⁶¹ Mohd. Najib (1999), *op.cit.*, h. 42

²⁶² Patton, Michael Q. (1987), *How to Use Qualitative Methods in Evaluation*. USA: SAGE Publications, Inc. h 77.

Oleh kerana penyelidik adalah salah seorang pensyarah yang terlibat secara langsung dalam memberi latihan perguruan kepada guru j-QAF dan menjadi pensyarah pembimbing latihan mengajar (praktikum) guru j-QAF, maka penyelidik telah membuat pemerhatian secara langsung dengan pergi ke sekolah dan berada bersama guru dan murid-murid j-QAF di kelas-kelas mereka di lapan buah sekolah rendah di Sabah. Oleh itu sekolah, guru j-QAF dan murid-murid sekolah ini adalah sampel bagi metod pemerhatian.

Jadual 3.5 : Senarai Sekolah Sampel Kajian (Pemerhatian)

| Bil | Nama Sekolah | Daerah di Sabah |
|------------|--------------------------|------------------------|
| 1 | S. K. Kampung Suan Lamba | Kinabatangan |
| 2 | S. K. Kuala Suan Lamba | Kinabatangan |
| 3 | S. K. Singgah Manis | Kinabatangan |
| 4 | S. K. Kabuloh | Paitan |
| 5 | S. K. Kinapulidan | Ranau |
| 6 | S. K. Moynod | Beluran |
| 7 | S. K. Nangoh | Beluran |
| 8 | S. K. Ulu Muanad | Beluran |

3.5 Instrumen Dan Pentadbiran Instrumen

Kajian ini menggunakan kombinasi dua jenis reka bentuk kajian iaitu kuantitatif dan kualitatif untuk menghurai pelaksanaan kurikulum j-QAF di sekolah-sekolah rendah di Sabah. Perinciannya adalah seperti berikut:

3.5.1 Instrumen Soalselidik

Di dalam kajian ini, penyelidik menyediakan borang soal selidik yang terdiri daripada enam puluh item. Lima puluh item menggunakan skala empat tahap iaitu

Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Tidak Setuju (TS) dan Sangat Tidak Setuju (STS) dalam bahagian B - G. Enam item menggunakan senarai semak dalam bahagian B - G , manakala empat item menggunakan senarai semak dalam bahagian A. Skala ordinal digunakan dalam soal selidik ini dengan menggunakan Program SPSS untuk menilai tahap ketepatan metod. Data ini adalah data utama (*primary*) dalam kajian ini. Soal selidik ini diedarkan kepada guru j-QAF ketika mereka berada di Kampus Kent untuk interaksi kuliah semasa cuti sekolah. Penyelidik mengedarkan soal selidik kepada guru j-QAF, memberi taklimat ringkas dan mengutip sendiri borang soal selidik yang telah lengkap diisi.

Sebanyak 76 set soal selidik diedarkan kepada 76 orang guru j-QAF ambilan 2007. Manakalah jumlah yang telah dapat dikutip balik oleh penyelidik adalah sebanyak 74 set. Ini bermakna penyelidik telah berjaya mengutip balik 97.3 peratus set soal selidik. Menurut Borg, untuk mendapatkan keyakinan terhadap sesuatu soal selidik yang ditadbirkan, paling minima, ia memerlukan 70 peratus pulangan dari jumlah yang diedarkan.²⁶³ Babbie pula mengesyorkan 70 peratus atau lebih adalah sangat baik.²⁶⁴ Penyelidik menganggap jumlah soal selidik yang telah dapat dikutip balik oleh penyelidik memenuhi kehendak penyelidikan yang dijalankan.

Penyelidik menggunakan Skala Empat Tahap yang berbentuk empat skor. Skala empat tahap 1 – 4 digunakan untuk mengukur aras interpretasi responden. Skala 1 digunakan untuk menunjukkan sangat tidak setuju manakala skala 4

²⁶³ Borg, Walter R. (1981), *Applying Educational Research: A Practical Guide for Teachers*. New York: Longman, Inc., h. 41

²⁶⁴ Babbie, Earl R. (1973), *Survey Research Methods*. Belmont, California: Wadsworth Publishing Co. Inc., h. 51

digunakan untuk menunjukkan sangat setuju. Interpretasi responden bolehlah dirumuskan sebagai berikut:

Jadual 3.6 : Skala Empat Tahap

| Skala | Tahap |
|-------|---------------------|
| 4 | Sangat Setuju |
| 3 | Setuju |
| 2 | Tidak Setuju |
| 1 | Sangat Tidak Setuju |

Soal selidik dibahagikan kepada 7 bahagian dimulakan dengan ‘Latar belakang Responden’ dalam Bahagian A. Bahagian B – G mengandungi pelbagai aspek kurikulum j-QAF. Soal selidik mengenai pengamatan, kefahaman dan amalan guru terhadap lima model j-QAF diisi oleh guru j-QAF. Soal selidik berbentuk ‘soalan tertutup’ dan guru-guru j-QAF hanya menjawab SS, S, TS dan STS. Senarai semak juga digunakan iaitu soalan jenis *Thurston* di mana subjek hanya memberi jawapan dengan menandakan salah satu pilihan jawapan.

Bahagian A : Latar belakang responden.

Bahagian ini mengandungi 4 item Latar Belakang Responden, iaitu jantina, pengalaman mengajar, opsyen major dan daerah asal kelahiran guru.

Bahagian B : Kepentingan program j-QAF

Sebanyak 10 item mengenai kepentingan program j-QAF terkandung dalam bahagian ini. Ia merangkumi sejauh mana pentingnya kurikulum ini dilaksanakan di sekolah rendah seluruh Malaysia, kepentingannya dalam meningkatkan pengetahuan dan

kemahiran guru, peranannya melahirkan generasi yang seimbang dan sepadu menurut FPI dan kepentingannya dalam mengatasi buta al-Quran di kalangan murid-murid. Seterusnya kepentingannya dalam memulihkan jawi, penguasaan Bahasa Arab, peningkatan solat lima waktu dan melahirkan generasi muslim yang beriman dan beramal soleh juga terkandung dalam bahagian ini.

Bahagian C : Komitmen Guru j-QAF dan pihak sekolah

Bahagian ini mengandungi sebelas item mengenai komitmen guru j-QAF dan pihak sekolah terhadap kurikulum j-QAF. Rumusan item ini iaitu persoalan adakah pihak sekolah dan guru-guru faham tentang kurikulum j-QAF, adakah sokongan dan komitmen penuh diberikan terhadap kurikulum ini. Item tentang minat, keyakinan, latihan, profesionalisme guru juga dinyatakan dalam bahagian ini.

Bahagian D : Pelaksanaan Model Pemulihan Jawi

Sebanyak tujuh item mengenai pelaksanaan model pemulihan jawi. Rumusan item ini iaitu mengenai prestasi murid, komitmen dan keyakinan guru, penggunaan pelbagai BBM, penggunaan kaedah dan teknik, minat dan penglibatan murid juga dinyatakan dalam bahagian ini.

Bahagian E : Pelaksanaan Model Enam Bulan Khatam al-Quran dan Model Tasmik

Bahagian ini mengandungi lapan item mengenai pelaksanaan model enam bulan khatam al-Quran dan tasmik. Rumusan item ini iaitu mengenai prestasi murid, komitmen dan keyakinan guru, penggunaan pelbagai BBM, penggunaan kaedah dan teknik, minat dan penglibatan murid juga dinyatakan dalam bahagian ini.

Bahagian F : Pelaksanaan Model Bahasa Arab Komunikasi

Sebanyak sepuluh item mengenai pelaksanaan model Bahasa Arab Komunikasi. Rumusan item ini iaitu mengenai prestasi murid, komitmen dan keyakinan guru, penggunaan pelbagai BBM, penggunaan kaedah dan teknik, minat dan penglibatan murid juga dinyatakan dalam bahagian ini.

Bahagian G : Pelaksanaan Model Bestari Solat

Bahagian ini mengandungi sepuluh item mengenai pelaksanaan model Bestari Solat. Rumusan item ini iaitu mengenai prestasi murid, komitmen dan keyakinan guru, penggunaan pelbagai BBM, penggunaan kaedah dan teknik, minat dan penglibatan murid juga dinyatakan dalam bahagian ini. Keseluruhan item-item ini dirumuskan oleh penyelidik berdasarkan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah dinyatakan seperti dalam jadual 3.7 berikut:

**Jadual 3.7 : Pelaksanaan Kurikulum j-QAF
(Rumusan pemboleh ubah dan item)**

| Bil | Pemboleh ubah (variabel) | Nombor Item |
|------------|---|----------------------------|
| 1 | Kepentingan kurikulum j-QAF | 1, 2, 3, 5, 6, 7, 8, 9, 10 |
| 2 | Komitmen sekolah dan guru-guru | 11, 12, 13, 14,15, 35, 43 |
| 3 | Komitmen guru j-QAF | 16, 17, 18, 21, 25, 30, 50 |
| 4 | Latihan dan kemahiran guru | 4, 19, 20, 40 |
| 5 | Penggunaan BBM | 27, 31, 33, 42, 46, 48 |
| 6 | Penggunaan kaedah dan teknik | 26, 32, 41, 45, 48, 49 |
| 7 | Minat dan perhatian murid | 23, 33, 34, 35, 36 |
| 8 | Penglibatan murid | 33a, 44, 50a, 47, 48 |
| 9 | Prestasi murid dalam pemulihan jawi | 22, 23, 24, 27a |
| 10 | Prestasi murid dalam khatam al-Quran dan tasmik | 28, 29, 33b |
| 11 | Prestasi murid dalam Bahasa Arab Komunikasi | 37, 38, 39, 42a |
| 12 | Prestasi murid dalam amali Bestari Solat | 47, 48, 50b |

3.5.2 Instrumen Pemerhatian

Penyelidik telah membuat pemerhatian secara langsung dengan berada di sekolah bersama guru-guru dan murid-murid j-QAF di sebanyak lapan buah sekolah rendah di Sabah. Penyelidik menggunakan instrumen senarai semak skala kadar untuk memerhatikan sama ada:²⁶⁵

- a. sesuatu ciri ada/dapat diperhatikan, atau
- b. sesuatu perlakuan telah dilakukan, atau
- c. kekerapan sesuatu tingkah laku diperhatikan.

Penyelidik mengambil kira perkara-perkara berikut dalam merancang senarai semak:

- a. menentukan aspek yang diperhatikan
- b. menentukan tempoh masa yang sesuai jika ingin mengesan kemajuan dan pencapaian iaitu selama dua bulan setengah tempoh praktikum
- c. aspek yang akan diperhatikan dapat dilihat dengan jelas.

Penyelidik menilai pencapaian dan amalan sampel berdasarkan skala secara angka.

Penyelidik melakukan pemerhatian beberapa kali (iaitu purata lima kali bagi setiap sampel) untuk mendapat maklumat yang lebih tepat.

3.5.2.1 Instrumen Pemerhatian Terhadap Sekolah

Dalam kajian ini pemerhatian telah dilakukan di sekolah yang dilawati oleh penyelidik untuk menjalankan tugas menyelia praktikum. Pada tahun 2008, sebanyak 8 buah sekolah telah dilawati penyelidik. Penyelidik menyediakan satu senarai semak skala kadar 1, 2, 3, 4 dan 5 mewakili tahap komitmen sekolah seperti dalam jadual 3.8. Tahap yang perlu diperhatikan adalah tahap 1 untuk paling rendah, manakala

²⁶⁵ Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral (2006), *Buku Panduan Pelaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum j-QAF Tahun 1*. Kuala Lumpur: JAPIM, KPM, h. 233-236.

tahap 5 untuk tahap pencapaian paling baik dan paling tinggi. Namun penyelidik hanya mengambil kira penilaian pemerhatian kali terakhir bagi setiap sekolah untuk dirumuskan dalam kajian ini. Ini adalah kerana penyelidik menganggap tempoh masa pemerhatian sepanjang tempoh praktikum (Januari hingga Mac 2008) telah menampakkan kadar peningkatan skor pencapaian sampel.

Jadual 3.8 : Skala Pemerhatian Komitmen Sekolah

| Skor | Komitmen Sekolah |
|-------------|-------------------------|
| 5 | Sangat Baik |
| 4 | Baik |
| 3 | Memuaskan |
| 2 | Kurang Memuaskan |
| 1 | Tidak Memuaskan |

Profil dan aspek sekolah yang diperhatikan adalah seperti jadual 3.9 berikut:

Jadual 3.9 : Aspek Sekolah (Pemerhatian)

| Bil | Aspek |
|------------|--|
| 1 | Kefahaman pentadbir dan guru-guru sekolah terhadap j-QAF |
| 2 | Sokongan dan bantuan melaksanakan j-QAF |

3.5.2.2 Instrumen Pemerhatian Terhadap Guru j-QAF

Dalam kajian ini pemerhatian telah dilakukan di sekolah yang dilawati oleh penyelidik untuk menjalankan tugas menyelia praktikum. Kaedah yang sama juga telah diaplikasikan iaitu penggunaan senarai semak skala kadar. Penyelidik merujuk dan mengubahsuai senarai semak skala kadar Unit Praktikum BPG dalam instrumen ini. Penyelidik juga membuat pemerhatian dokumentasi dan rekod-rekod j-QAF di sekolah berkenaan.

Jadual 3.10 : Skala Pemarkahan (Pemerhatian)

| Skor | Komitmen Guru j-QAF |
|-------------|----------------------------|
| 5 | Sangat Baik |
| 4 | Baik |
| 3 | Memuaskan |
| 2 | Kurang Memuaskan |
| 1 | Tidak Memuaskan |

Profil dan aspek guru j-QAF yang diperhatikan adalah seperti Jadual 3.11 berikut:

Jadual 3.11 : Aspek Guru j-QAF (Pemerhatian)

| Bil | Aspek |
|------------|--|
| 1 | Kefahaman terhadap j-QAF |
| 2 | Komitmen melaksanakan tugas guru j-QAF |
| 3 | Penggunaan kaedah dan teknik P&P |
| 4 | Penggunaan BBM (BBM) |
| 5 | Hasil Pembelajaran j-QAF Tercapai |

3.5.2.3 Instrumen Pemerhatian Murid-murid

Dalam kajian ini pemerhatian telah dilakukan dalam bilik darjah semasa pelaksanaan P&P praktikum guru j-QAF. Kebanyakan interaksi antara guru j-QAF dan murid berlaku dalam bilik darjah. Oleh itu pemerhatian di bilik darjah semasa pelaksanaan P&P telah dilakukan seperti yang telah ditentukan dalam jadual waktu sekolah. Sebanyak 32 kali pemerhatian di bilik darjah telah dilaksanakan, dengan 8 orang guru j-Qaf melaksanakan proses P&P. Namun penyelidik hanya mengambil kira pemerhatian kali terakhir bagi setiap sekolah untuk diberi penilaian menyeluruh. Penyelidik juga membuat pemerhatian terhadap dokumentasi dan rekod-rekod j-QAF di sekolah berkenaan. Bagi aspek penglibatan dan kehadiran murid, penyelidik hanya mengkaji model tasmik dan model bestari solat.

Jadual 3.12 : Skala Pemarkahan (Pemerhatian)

| Skor | Pencapaian Murid |
|-------------|-------------------------|
| 5 | Sangat Baik |
| 4 | Baik |
| 3 | Memuaskan |
| 2 | Kurang Memuaskan |
| 1 | Tidak Memuaskan |

Profil dan aspek murid yang diperhatikan adalah seperti Jadual 3.13 berikut:

Jadual 3.13 : Aspek Murid (Pemerhatian)

| Bil | Aspek |
|------------|--------------------------------|
| 1 | Berminat dan memberi perhatian |
| 2 | Penglibatan aktiviti |
| 3 | Prestasi |

Bagi instrumen pemerhatian terhadap murid-murid, penyelidik telah mengambil senarai semak dari Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral JAPIM KPM dan pemboleh ubah kajian Nik Aziz Nik Pa dan Ng See Ngean yang membuat kajian pada tahun 1991 tentang pelaksanaan Matematik KBSM Fenomena Tahun Pertama dan Kedua²⁶⁶ dan mengubah suai untuk kajian ini.

3.6 Kesahan

Draf soal selidik telah penyelidik rujuk kepada beberapa orang pensyarah j-QAF yang berkecimpung dan pakar dalam kurikulum j-QAF di IPGM. Penyelidik juga merujuk kepada dua orang Ketua Jabatan daripada Kampus Kent yang terlibat secara langsung dalam mod LPBS guru j-QAF. Ujian *pilot* (rintis) digunakan untuk menguji kesesuaian instrumen. Kemudian soal selidik sebenar telah beberapa kali diedit dan dibaca prof. Kajian rintis juga telah dilakukan terhadap 32 orang guru-guru

²⁶⁶ Nik Aziz Nik Pa & Ng See Ngean (1991), *op.cit.*, h. 56.

j-QAF di institut. Maklum balas dari kajian rintis itu telah digunakan untuk membuat beberapa pindaan dan perubahan dalam soal selidik, supaya ia lebih kemaskini. Hasil perbincangan dan maklum balas daripada guru j-QAF, didapati, bahagian-bahagian dalam set soal selidik ini adalah menarik dan padat serta meliputi keseluruhan kurikulum j-QAF.

Kebolehpercayaan soal selidik diperoleh dengan mengaplikasi Analisa Data Berkomputer *Statistical Package for Social Science (SPSS 11.0 for windows)* untuk menganalisa data yang diperolehi daripada set soal selidik. Data ini pula dianalisa dengan menggunakan kaedah *Cronbach's Alpha Coefficient*. Kaedah ini bertujuan untuk mengukur ketekalan dalaman bagi item-item dalam soal selidik. Hasil kajian rintis yang dijalankan oleh penyelidik menunjukkan bahawa koefisien kebolehpercayaan ialah 0.9880, iaitu satu koefisien kebolehpercayaan yang sangat tinggi (Rujuk Lampiran). Semakin tinggi koefisien kebolehpercayaan sesuatu ujian itu maka semakin boleh dipercayai ujian tersebut.²⁶⁷

Dalam kaedah kualitatif secara pemerhatian, triangulasi juga digunakan untuk tujuan pengesahan. Triangulasi kaedah iaitu pemerhatian terhadap lapan buah sekolah, guru j-QAF dan murid-murid digunakan untuk mengukur sesuatu konsep. Penggunaan alat pemerhatian iaitu borang skala kadar juga sebagai bukti hasil pemerhatian dan bukti kebolehpercayaan kajian.

²⁶⁷ Yap Yee Khiong, Wan Chwee Seng dan Ismail Abu Bakar (1987), *Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan*. Petaling Jaya: Heinemann Educations Books (Asia) Ltd., h. 38

3.7 Metod Penganalisan Data Kuantitatif

Setelah memperolehi data dan maklumat, penyelidik akan menggunakan beberapa metod bagi menjalankan penganalisan terhadap data dan maklumat tersebut. Data yang telah diproses hendaklah dianalisa menggunakan program SPSS untuk membolehkan penyelidik mendapatkan keputusan bagi masalah yang dikaji.

Semua maklumat dan data yang diperolehi akan dianalisa dengan sewajarnya. Kepentingan analisa data ini adalah untuk menerangkan kepada pembaca tentang cara bagaimana data diperolehi dan bagaimana data dianalisa. Hasil daripada analisa iaitu keputusan yang diperolehi akan diterangkan secara sistematik, jelas dan teratur.

3.7.1 Metod Induktif

Metod ini merupakan sumber pengetahuan yang diperolehi daripada taakulan induktif, ia memberikan kesimpulan umum tentang populasi yang dikaji berasaskan kepada cerapan yang di buat ke atas fakta-fakta yang diperolehi daripada sampel populasi tersebut. Data-data yang diperolehi diterjemahkan dalam bentuk analisa kekerapan dan peratus.

Penyelidik menggunakan metod ini dalam mengkaji data-data dan maklumat yang bersifat khusus dalam pelaksanaan kurikulum j-QAF untuk memberi keterangan umum atau gambaran secara menyeluruh terhadap permasalahan ini kepada pihak-pihak yang terlibat seperti guru, sekolah dan lain-lain. Dalam Usul Fiqh kaedah deduktif dikenali dengan kaedah *istinbat* dan kaedah induktif sebagai *istiqra'*. Kedua-

dua kaedah ini lebih merupakan pendekatan-pendekatan umum dalam proses analisis data.²⁶⁸

3.7.2 Proses Analisa Data

Data diproses menggunakan *Statistical Programme for Social Sciences* (SPSS version 11.0 for windows). Data dan maklumat akan dibincangkan menggunakan deskriptif statistik frekuensi dengan mempersembahkan jadual, kekerapan, peratus, min. Statistik inferensi²⁶⁹ dengan menggunakan korelasi Pearson turut digunakan. Penganalisan data statistik menggunakan pengaturcaraan SPSS menghasilkan pengiraan yang tepat dan bebas dari ralat.²⁷⁰

3.7.3 Korelasi Pearson

Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah bahagian B – G. Keteguhan antara pemboleh ubah ditentukan dengan menggunakan indeks keteguhan yang dikenali sebagai pekali korelasi yang diberi simbol 'r'. Sebagai indeks, pekali korelasi mempunyai nilai di antara negatif 1 (-1) dan positif 1 (1). Menurut Mohd. Majid, nilai sifar menunjukkan tidak wujud hubungan linear antara pemboleh ubah. Pekali yang menghampiri sifar menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah adalah lemah. Manakala pekali korelasi -1 atau 1 menunjukkan hubungan yang sempurna antara

²⁶⁸ Idris Awang (1988), "Penyelidikan Jenis Metode (of-set)" Dalam Mohd. Suhardi Mat Jusoh (2004), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 33.

²⁶⁹ Chua Yan Piaw (2006), *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Copyright. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd. h., 3

²⁷⁰ Mohd. Majid Konting (2000), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 238.

pemboleh ubah. Jadi, semakin menghampiri -1 atau 1, maka semakin kuatlah hubungan antara pemboleh ubah. Jadual 3.14 menunjukkan kekuatan pekali korelasi.

Jadual 3.14: Petunjuk Kekuatan Korelasi

| Saiz pekali korelasi (r) | Kekuatan Hubungan/Korelasi |
|--------------------------|----------------------------|
| .00 | Tiada Korelasi |
| 0.01 hingga 0.30 | Sangat lemah |
| 0.31 hingga 0.50 | Lemah |
| 0.51 hingga 0.70 | Sederhana |
| 0.71 hingga 0.90 | Tinggi, kuat |
| 0.91 hingga 1.00 | Sangat tinggi, sangat kuat |

Sumber: Chua Yan Piaw (2006), Kaedah Statistik Penyelidikan, h. 167

3.7.4 Interpretasi Bacaan Min

Interpretasi bacaan min dalam kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sama ada pelaksanaan kurikulum j-QAF dijalankan dengan baik atau tidak. Semakin tinggi bacaan min menunjukkan pelaksanaan telah dijalankan dengan baik. Sekiranya min semakin rendah, maka pelaksanaan adalah lemah. Skor min telah dikategorikan mengikut tahap rendah, sederhana dan tinggi. Jadual berikut menunjukkan tahap min.

Jadual 3.15: Jadual Tahap Bacaan Min

| Min | Tahap |
|-------------|------------------|
| 3.0 – 4.0 | Tinggi |
| 2.50 – 2.99 | Sederhana Tinggi |
| 2.00 – 2.49 | Sederhana Rendah |
| 1.00 – 1.99 | Rendah |

Sumber: Nik Hassan bin Seman (2006), Pengaruh Motivasi dan Gaya Pembelajaran Pelajar Terhadap Kemahiran Menulis Jawi, h. 63.

3.8 Metod Penganalisaan Data Kualitatif

Data pemerhatian dalam kajian ini akan dipersembahkan dalam bentuk jadual. David Lim Chong Lim dan rakan²⁷¹ menyatakan data kualitatif boleh dipaparkan dalam bentuk taburan kekerapan. Dalam kajian ini, data senarai semak skala kadar memberi panduan kepada penyelidik dalam pengiraan pencapaian skor sampel pemerhatian. Dapatan dalam pemerhatian lapan buah sekolah akan dirumuskan dan dibincangkan dalam bentuk kekerapan dan peratus.

3.9 Kesimpulan

Kajian ini bertujuan menyelidik pelaksanaan kurikulum j-QAF di sekolah di Sabah. Bahagian ini telah membincangkan mengenai metod pengumpulan data dan penganalisaan data. Data kajian ini telah dikumpul melalui dua kaedah iaitu soal selidik dan pemerhatian. Sampel terdiri daripada 74 orang guru j-QAF untuk soal selidik. Bagi metod pemerhatian sebanyak lapan buah sekolah dijalankan proses pemerhatian. Kepelbagaian kaedah iaitu triangulasi yang digunakan diharap akan dapat memberi gambaran yang lebih tepat terhadap permasalahan yang dikaji.

Bab seterusnya akan memaparkan hasil dari soal selidik dan pemerhatian. Dapatan dan analisa dapatan akan dipaparkan dengan terperinci dalam bab tersebut.

²⁷¹ David Lim Chong Lim, Nor Azizah Salleh, Saat Md Yasin, Mohd Kidin Shahrin, Alias Mohd Yatim dan Abdul Razak Habib (2006/2007), *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: UNITEM Sdn. Bhd., h. 126.

Bab 4

ANALISA DATA, DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Metodologi kajian yang telah diaplikasi dalam menjalankan penyelidikan ini adalah secara kuantitatif dan kualitatif. Metode kuantitatif adalah secara soal selidik, manakala metode kualitatif adalah secara pemerhatian. Dalam bab ini analisa data dan dapatan kajian dibentangkan bersama, seterusnya diikuti dengan perbincangan. Perbincangan bertujuan untuk melihat pelaksanaan kurikulum j-QAF dalam aspek kepentingannya dilaksanakan di sekolah, komitmen guru dan pihak sekolah, latihan perguruan, penggunaan BBM dan kaedah serta teknik mengajar. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sama ada murid-murid berminat dengan j-QAF, melibatkan diri dan menunjukkan prestasi yang baik apabila model-model j-QAF dilaksanakan di sekolah. Perbincangan bahagian ini diakhiri dengan dapatan hasil kajian mengenai hubungan di antara model-model j-QAF dalam aspek prestasi murid. Perbincangan dibahagikan kepada beberapa bahagian berdasarkan pendekatan kajian dan pemboleh ubah yang dikaitkan dengan teori, model dan kerangka kajian.

4.2 Dapatan

Pembentangan dapatan dimulakan dengan data soal selidik, kemudian data pemerhatian dianalisa dan dibentangkan bersama. Seterusnya data-data ini digunakan untuk menjawab enam soalan kajian iaitu:

- a. Adakah kurikulum j-QAF ini penting dilaksanakan dalam kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah di Malaysia?
- b. Adakah guru j-QAF dan pihak sekolah memahami dan memberi komitmen yang baik terhadap pelaksanaan kurikulum j-QAF?
- c. Adakah guru j-QAF telah mempunyai latihan yang cukup melaksanakan kurikulum j-QAF, menggunakan pelbagai BBM dan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik mengajar j-QAF?
- d. Adakah murid-murid berminat, melibatkan diri dan menunjukkan pencapaian prestasi yang baik dalam model-model j-QAF?
- e. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara prestasi markah murid dalam model-model j-QAF?
- f. Apakah masalah yang timbul dan cadangan meningkatkan kurikulum j-QAF demi memperkasakan lagi pelajaran Pendidikan Islam di sekolah?

4.3 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Sebenar

Ujian kebolehpercayaan ke atas set soal selidik dibuat untuk mengetahui ketekalannya. Kebolehpercayaan kestabilan digunakan iaitu ukuran ketekalan (*consistency*) mengikut peredaran masa bagi sampel yang sama.²⁷² Kebolehpercayaan juga adalah darjah di mana sesuatu skala menghasilkan skor yang konsisten apabila diukur berulang-ulang. Analisa menunjukkan bahawa nilai *Alpha Cronbach* .9700 adalah tinggi dan tekal sebagai alat pengukur (Rujuk Lampiran). Rumusan hasil analisa boleh dirujuk dalam Jadual 4.1

Jadual 4.1 : Perbezaan Kebolehpercayaan Kajian Rintis dan Kajian sebenar

| Dapatan | Kebolehpercayaan Kajian Rintis | Kebolehpercayaan Kajian Sebenar |
|-----------------------|--------------------------------|---------------------------------|
| Alpha Cronbach | .9880 | .9700 |

²⁷² David Lim Chong Lim dan rakan (2007), *op.cit.*, h. 78-80

Terdapat sedikit perbezaan alpha di antara kajian rintis dan kajian sebenar. Perbezaan ini timbul disebabkan wujudnya perbezaan jumlah responden kajian rintis dan kajian sebenar. Walau bagaimanapun kebolehpercayaan alpha tetap berada pada tahap tinggi.

4.4 Latar Belakang Responden Kajian Mengikut Jantina, Pengalaman Mengajar, Opsyen Major dan Negeri Asal.

Jadual 4.2: Latar Belakang Responden

| Latarbelakang Responden | | Kekerapan | Peratus (%) | Min |
|-------------------------|-------------------------|-----------|-------------|------|
| Jantina | Lelaki | 26 | 35.1 | |
| | Perempuan | 48 | 64.9 | - |
| | Jumlah | 74 | 100 | |
| Pengalaman Mengajar | Ada | 46 | 62.2 | |
| | Tidak ada | 28 | 37.8 | 1.67 |
| | Jumlah | 74 | 100 | |
| Opsyen Major | Bahasa Arab | 37 | 50 | |
| | Pengajian Agama (Islam) | 37 | 50 | - |
| | Jumlah | 74 | 100 | |
| Negeri Asal | Sabah | 13 | 17.6 | |
| | Semenanjung Malaysia | 61 | 82.4 | - |
| | Jumlah | 74 | 100 | |

Dalam kajian ini, penyelidik membincangkan aspek responden yang terdiri daripada jantina, pengalaman mengajar, opsyen major dan negeri asal kelahiran. Ini kerana keempat-empat komponen ini merupakan pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian. Sampel kajian ini adalah seramai 74 orang guru j-QAF di IPGM Kampus Kent ambilan tahun 2007. Guru-guru ini adalah mewakili guru j-QAF yang bertugas di 70 buah sekolah di seluruh Sabah. Jadual 4.2 menunjukkan taburan jantina responden. Guru lelaki hanya 35.1 peratus (26 orang) manakala guru perempuan mendominasi jumlah responden ini iaitu 64.9 peratus (48 orang).

Hasil analisa mendapati majoriti responden mempunyai pengalaman mengajar sebelum memasuki profesion perguruan menjadi guru j-QAF iaitu 62.1 peratus (46 orang). Manakala 37.9 peratus (28 orang) tidak pernah mempunyai pengalaman mengajar sebelum ini. Jadual juga menunjukkan taburan opsyen major Bahasa Arab dan major Pengajian Agama adalah sama banyak iaitu masing-masing 37 orang (50%).

Manakala latar belakang negeri asal responden menunjukkan hanya 13 orang (17.6 %) guru j-QAF adalah penduduk tempatan Sabah. Manakala sebahagian besar responden iaitu 82.4 peratus (61 orang) adalah berasal daripada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

4.5 Taburan Kekerapan, Peratus dan Min Mengikut Pemboleh ubah

Dalam bahagian ini dapatan data mengenai lapan pemboleh ubah yang dikaji akan dibentangkan secara kekerapan, peratus dan min. Istilah kependekan yang digunakan iaitu S. T. Setuju (sangat tidak setuju), T. setuju (tidak setuju), setuju dan S. Setuju (sangat setuju).

4.5.1 Taburan Kekekapan, Peratus dan Min Tentang Kepentingan Kurikulum j-QAF

Jadual 4.3: Taburan Min Aspek Kepentingan j-QAF

| Bil | Pernyataan | Tahap | Kekekapan | Peratus | Min | SP |
|-----|--|------------|-----------|---------|------|-----|
| 1 | j-QAF sangat penting dilaksanakan di sekolah | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.96 | .19 |
| | | T.setuju | 0 | 0 | | |
| | | Setuju | 3 | 4.1 | | |
| | | S.setuju | 71 | 95.9 | | |
| 2 | j-QAF sepatutnya dilaksanakan lebih awal lagi | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.85 | .35 |
| | | T.setuju | 0 | 0 | | |
| | | Setuju | 11 | 14.9 | | |
| | | S.setuju | 63 | 85.1 | | |
| 3 | Pelajaran jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan fardu ain merupakan teras PI | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.93 | .25 |
| | | T.setuju | 0 | 0 | | |
| | | Setuju | 5 | 6.8 | | |
| | | S.setuju | 69 | 93.2 | | |
| 4 | j-QAF akan melahirkan generasi seimbang menurut FPI dan FPK | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.82 | .38 |
| | | T.setuju | 0 | 0 | | |
| | | Setuju | 13 | 17.6 | | |
| | | S.setuju | 61 | 82.4 | | |
| 5 | j-QAF akan dapat mengatasi buta al-Quran | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.70 | .48 |
| | | T.setuju | 1 | 1.35 | | |
| | | Setuju | 20 | 27.0 | | |
| | | S.setuju | 53 | 71.6 | | |
| 6 | j-QAF akan dapat memulihkan penguasaan jawi murid | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.65 | .50 |
| | | T.setuju | 1 | 1.4 | | |
| | | Setuju | 24 | 32.4 | | |
| | | S.setuju | 49 | 66.2 | | |
| 7 | j-QAF akan tingkatkan penguasaan BAK murid | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.61 | .51 |
| | | T.setuju | 1 | 1.4 | | |
| | | Setuju | 27 | 36.5 | | |
| | | S.setuju | 46 | 62.2 | | |
| 8 | j-QAF akan tingkatkan amalan solat murid | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.70 | .54 |
| | | T.setuju | 1 | 1.4 | | |
| | | Setuju | 19 | 25.7 | | |
| | | S.setuju | 54 | 73.0 | | |
| 9 | j-QAF dapat melahirkan generasi muslim beriman dan soleh | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.76 | .46 |
| | | T.setuju | 1 | 1.4 | | |
| | | Setuju | 16 | 21.6 | | |
| | | S.setuju | 57 | 77.0 | | |

N = 74

Hasil analisa dapatan mengenai item-item pemboleh ubah kepentingan j-QAF dapat dilihat dalam jadual 4.3. Jadual memaparkan min mengenai item-item pemboleh ubah kepentingan program j-QAF. Keseluruhan min adalah pada tahap tinggi iaitu di antara 3.0 hingga 4.0.

4.5.2 Komitmen Sekolah dan Guru-guru

Mengenai item-item pemboleh ubah komitmen sekolah dan guru-guru, hasil dapatan diperjelaskan dalam Jadual 4.4

Jadual 4.4: Taburan Min Aspek Komitmen Sekolah dan Guru-guru

| Bil | Pernyataan | Tahap | Kekerapan | Peratus | Min | SP |
|-----|--|------------|-----------|---------|------|-----|
| 1 | Guru sekolah benar faham tentang j-QAF | S.T.setuju | 3 | 4.1 | 2.49 | .68 |
| | | T.setuju | 37 | 50.0 | | |
| | | Setuju | 29 | 39.2 | | |
| | | S.setuju | 5 | 6.8 | | |
| 2 | Guru PI faham dan bantu realisasikan j-QAF | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.11 | .63 |
| | | T.setuju | 11 | 14.9 | | |
| | | Setuju | 44 | 59.5 | | |
| | | S.setuju | 19 | 25.7 | | |
| 3 | Pihak sekolah beri komitmen penuh pelaksanaan j-QAF | S.T.setuju | 2 | 2.7 | 3.11 | .73 |
| | | T.setuju | 10 | 13.5 | | |
| | | Setuju | 40 | 54.1 | | |
| | | S.setuju | 22 | 29.7 | | |
| 4 | Pihak sekolah beri masalah kepada guru j-QAF jalankan tugas guru j-QAF | S.T.setuju | 25 | 33.8 | 2.61 | .71 |
| | | T.setuju | 43 | 58.1 | | |
| | | Setuju | 4 | 5.4 | | |
| | | S.setuju | 2 | 2.7 | | |
| 5 | Murid non muslim diberi peluang mengambil elektif Bahasa Arab | S.T.setuju | 2 | 2.7 | 3.03 | .68 |
| | | T.setuju | 10 | 13.5 | | |
| | | Setuju | 46 | 62.2 | | |
| | | S.setuju | 16 | 21.6 | | |
| 6 | Sekolah telah menjalankan KBS empat kali setahun | S.T.setuju | 1 | 1.4 | 3.53 | .62 |
| | | T.setuju | 2 | 2.7 | | |
| | | Setuju | 28 | 37.8 | | |
| | | S.setuju | 43 | 58.1 | | |
| 7 | Pihak pentadbiran sekolah benar faham tentang j-QAF | S.T.setuju | 0 | 0 | 2.61 | .71 |
| | | T.setuju | 1 | 1.4 | | |
| | | Setuju | 35 | 47.3 | | |
| | | S.Setuju | 38 | 51.4 | | |

Mengenai item-item pemboleh ubah komitmen sekolah dan guru-guru, hasil dapatan diperjelaskan dalam jadual 4.4 menunjukkan sebanyak 16 orang (21.6%) sangat setuju bahawa pelajar non muslim juga mengambil elektif Bahasa Arab. Sebanyak 46 orang (62.2%) setuju, 10 orang (13.5%) tidak setuju dan 2 orang (2.7%) sangat tidak setuju. Min paling tinggi iaitu 3.53 bahawa sekolah telah memberi komitmen melaksanakan kem bestari solat empat kali setahun.

4.5.3 Komitmen Guru j-QAF

Jadual 4.5 : Taburan Min Aspek Komitmen Guru j-QAF

| Bil | Pernyataan | Tahap | Kekerapan | Peratus | Min | SP |
|-----|---|------------|-----------|---------|------|-----|
| 1 | Benar-benar faham tugas sebagai guru j-QAF | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.50 | .53 |
| | | T.setuju | 1 | 1.4 | | |
| | | Setuju | 35 | 47.3 | | |
| | | S.setuju | 38 | 51.4 | | |
| 2 | Minat menjadi guru j-QAF | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.62 | .51 |
| | | T.setuju | 1 | 1.4 | | |
| | | Setuju | 26 | 35.1 | | |
| | | S.setuju | 47 | 63.5 | | |
| 3 | Percaya diri layak menjadi guru j-QAF | S.T.setuju | 1 | 1.4 | 3.43 | .57 |
| | | T.setuju | 0 | 0 | | |
| | | Setuju | 39 | 52.7 | | |
| | | S.setuju | 34 | 45.9 | | |
| 4 | Sentiasa berusaha menjadi guru cemerlang dan dedikasi | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.88 | .32 |
| | | T.setuju | 0 | 0 | | |
| | | Setuju | 9 | 12.2 | | |
| | | S.setuju | 65 | 87.8 | | |
| 5 | Percaya penguasaan jawi murid dapat dipulihkan | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.31 | .54 |
| | | T.setuju | 3 | 4.1 | | |
| | | Setuju | 45 | 60.8 | | |
| | | S.setuju | 26 | 35.1 | | |
| 6 | Yakin model tasmik dan khatam berjaya | S.T.setuju | 1 | 1.4 | 3.36 | .58 |
| | | T.setuju | 1 | 1.4 | | |
| | | Setuju | 42 | 56.8 | | |
| | | S.setuju | 30 | 40.5 | | |
| 7 | KBS dapat meningkatkan amalan solat murid | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.57 | .55 |
| | | T.setuju | 2 | 2.7 | | |
| | | Setuju | 28 | 37.8 | | |
| | | S.setuju | 44 | 59.5 | | |

Hasil analisa mengenai pemboleh ubah komitmen guru j-QAF diperjelaskan dalam Jadual 4.5. Hasil analisa mendapati item-item dalam pemboleh ubah komitmen guru menunjukkan tahap tinggi (3.0 – 4.0) pada keseluruhan item. Jadual tersebut juga memperjelaskan min-min tersebut.

4.5.4 Latihan , Kemahiran dan Profesionalisme Keguruan

Taburan kekerapan dan peratus dapatan soal selidik bagi pemboleh ubah latihan keguruan, kemahiran dan peningkatan profesionalisme keguruan dapat dilihat dalam Jadual 4.6.

Jadual 4.6 : Taburan Min Aspek Latihan, Kemahiran dan Profesionalisme guru

| Bil | Pernyataan | Tahap | Kekerapan | Peratus | Min | SP |
|------------|---|--------------|------------------|----------------|------------|-----------|
| 1 | Telah cukup latihan menjadi guru terlatih | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.31 | .59 |
| | | T.setuju | 5 | 6.8 | | |
| | | Setuju | 41 | 55.4 | | |
| | | S.setuju | 28 | 37.8 | | |
| 2 | Tahap profesionalisme guru terus ditingkatkan | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.64 | .48 |
| | | T.setuju | 0 | 0 | | |
| | | Setuju | 27 | 36.5 | | |
| | | S.setuju | 47 | 63.5 | | |
| 3 | Kemahiran BAK guru semakin meningkat | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.34 | .60 |
| | | T.setuju | 5 | 6.8 | | |
| | | Setuju | 39 | 52.7 | | |
| | | S.setuju | 30 | 40.5 | | |
| 4 | j-QAF banyak memberi pengetahuan dan kemahiran guru | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.85 | .35 |
| | | T.setuju | 0 | 0 | | |
| | | Setuju | 11 | 14.9 | | |
| | | S.setuju | 63 | 85.1 | | |

Jadual menunjukkan min bagi setiap item pemboleh ubah latihan, kemahiran dan profesionalisme keguruan. Jadual berkenaan juga memperjelaskan bahawa keseluruhan item mendapat skor min tahap tinggi iaitu 3.0 hingga 4.0.

4.5.5 Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Jadual 4.7 item-item pemboleh ubah penggunaan bahan bantu mengajar dibentangkan seperti berikut:

Jadual 4.7: Taburan Min Aspek Penggunaan BBM

| Bil | Pernyataan | Tahap | Kekerapan | Peratus | Min | SP |
|-----|---|------------|-----------|---------|------|-----|
| 1 | Penggunaan pelbagai BBM jawi | S.T.setuju | 1 | 1.4 | 3.39 | .59 |
| | | T.setuju | 1 | 1.4 | | |
| | | Setuju | 40 | 54.1 | | |
| | | S.setuju | 32 | 43.2 | | |
| 2 | Penggunaan buku iqra' menarik minat murid | S.T.setuju | 2 | 2.7 | 2.85 | .65 |
| | | T.setuju | 16 | 21.6 | | |
| | | Setuju | 47 | 63.5 | | |
| | | S.setuju | 9 | 12.2 | | |
| 3 | Penggunaan pelbagai BBM mengajar al-Quran | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.27 | .58 |
| | | T.setuju | 5 | 6.8 | | |
| | | Setuju | 44 | 59.5 | | |
| | | S.setuju | 25 | 33.8 | | |
| 4 | Penggunaan pelbagai BBM mengajar Bahasa Arab | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.45 | .55 |
| | | T.setuju | 2 | 2.7 | | |
| | | Setuju | 37 | 50.0 | | |
| | | S.setuju | 35 | 47.3 | | |
| 5 | Penggunaan pelbagai BBM mengajar amali solat | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.36 | .56 |
| | | T.setuju | 3 | 4.1 | | |
| | | Setuju | 41 | 55.4 | | |
| | | S.setuju | 30 | 40.5 | | |
| 6 | Penggunaan pelbagai BBM yang sesuai untuk KBS | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.05 | .52 |
| | | T.setuju | 8 | 10.8 | | |
| | | Setuju | 54 | 73.0 | | |
| | | S.setuju | 12 | 16.2 | | |

N = 74

Hasil analisa dalam Jadual 4.7 menunjukkan min bagi pemboleh ubah penggunaan bahan bantu mengajar. Keseluruhan min berada pada tahap tinggi (3.0 – 4.0). Manakala min sederhana tinggi iaitu 2.85 bagi item murid berminat belajar membaca al-Quran menggunakan bahan iqra'.

4.5.6 Penggunaan Kaedah dan Teknik Mengajar

Mengenai penggunaan kaedah dan teknik mengajar, dapatan soal selidik dijelaskan dalam Jadual 4.8

Jadual 4.8 : Taburan Min Aspek Penggunaan Kaedah dan teknik Mengajar

| Bil | Pernyataan | Tahap | Kekerapan | Peratus | Min | SP |
|-----|--|------------|-----------|---------|------|-----|
| 1 | Kaedah tasmik, talaqqi dan Musyafahah membantu pembelajaran al-Quran | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.27 | .60 |
| | | T.setuju | 6 | 8.1 | | |
| | | Setuju | 42 | 56.8 | | |
| | | S.setuju | 26 | 35.1 | | |
| 2 | Penggunaan pelbagai kaedah dan teknik mengajar jawi | S.T.setuju | 1 | 1.4 | 3.32 | .62 |
| | | T.setuju | 3 | 4.1 | | |
| | | Setuju | 41 | 55.4 | | |
| | | S.setuju | 29 | 39.2 | | |
| 3 | Penggunaan pelbagai kaedah dan teknik mengajar Bahasa Arab | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.46 | .55 |
| | | T.setuju | 2 | 2.7 | | |
| | | Setuju | 36 | 48.6 | | |
| | | S.setuju | 36 | 48.6 | | |
| 4 | Pelaksanaan amali wuduk sangat baik dengan kaedah tunjuk cara | S.T.setuju | 1 | 1.4 | 3.51 | .57 |
| | | T.setuju | 0 | 0 | | |
| | | Setuju | 33 | 44.6 | | |
| | | S.setuju | 40 | 54.1 | | |
| 5 | Menunjukkan tatacara solat dengan betul menggunakan simulasi | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.05 | .52 |
| | | T.setuju | 8 | 10.8 | | |
| | | Setuju | 54 | 73.0 | | |
| | | S.setuju | 12 | 16.2 | | |
| 6 | Kaedah KBS sepatutnya dilaksanakan lebih 4 kali setahun | S.T.setuju | 9 | 12.2 | 2.77 | .95 |
| | | T.setuju | 17 | 23.0 | | |
| | | Setuju | 30 | 40.5 | | |
| | | S.setuju | 18 | 24.3 | | |

N = 74

Hasil analisa item pemboleh ubah penggunaan kaedah dan teknik mendapati kesemua item mendapat min tahap tinggi iaitu 3.0 hingga 4.0. Hanya keperluan mengadakan kem bestari solat lebih dari empat kali setahun mendapat min sederhana tinggi iaitu 2.77. Min-min berkenaan diperjelaskan dalam Jadual 4.8

4.5.7 Minat dan Perhatian Murid

Mengenai minat murid-murid terhadap pelajaran j-QAF, dapatan diperjelaskan dalam Jadual 4.9

Jadual 4.9 : Taburan Min Aspek Minat Murid

| Bil | Pernyataan | Tahap | Kekerapan | Peratus | Min | SP |
|-----|---|------------|-----------|---------|------|-----|
| 1 | Minat belajar al-Quran menggunakan buku iqra' | S.T.setuju | 2 | 2.7 | 2.85 | .65 |
| | | T.setuju | 16 | 21.6 | | |
| | | Setuju | 47 | 63.5 | | |
| | | S.setuju | 9 | 12.2 | | |
| 2 | Pelajar non muslim juga mengambil elektif Bahasa Arab | S.T.setuju | 2 | 2.7 | 3.03 | .68 |
| | | T.setuju | 10 | 13.5 | | |
| | | Setuju | 46 | 62.2 | | |
| | | S.setuju | 16 | 21.6 | | |
| 3 | Pelajar non muslim minat belajar Bahasa Arab | S.T.setuju | 1 | 1.4 | 3.05 | .63 |
| | | T.setuju | 10 | 13.5 | | |
| | | Setuju | 47 | 63.5 | | |
| | | S.setuju | 16 | 21.6 | | |
| 4 | Minat belajar membaca huruf-huruf jawi | S.T.setuju | 0 | 0 | 2.96 | .56 |
| | | T.setuju | 13 | 17.6 | | |
| | | Setuju | 51 | 68.9 | | |
| | | S.setuju | 10 | 13.5 | | |
| 5 | Murid minat belajar Bahasa Arab | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.22 | .55 |
| | | T.setuju | 5 | 6.8 | | |
| | | Setuju | 48 | 64.9 | | |
| | | S.setuju | 21 | 28.3 | | |

N = 74

Hasil analisa menunjukkan min paling tinggi iaitu 3.22 mengenai murid minat belajar Bahasa Arab. Manakala min paling rendah iaitu 2.85 mengenai minat murid belajar al-Quran menggunakan bahan iqra'. Namun min ini termasuk tahap sederhana tinggi iaitu di antara 2.5 hingga 3.0.

4.5.8 Penglibatan Murid Dalam Aktiviti P&P

Mengenai pemboleh ubah penglibatan dan kehadiran murid dalam tasmik al-Quran dan kem bestari solat, dapatan diperjelaskan dalam Jadual 4.10

Jadual 4.10 : Taburan Min Aspek Penglibatan dan Kehadiran Murid

| Bil | Tahap | Kekerapan | Peratus | Min | SP | |
|-----|---|------------------|---------|------|------|-----|
| 1 | Kehadiran murid dalam KBS sangat baik | S.T.setuju | 2 | 2.7 | 3.42 | .70 |
| | | T.setuju | 3 | 4.1 | | |
| | | Setuju | 31 | 41.9 | | |
| | | S.setuju | 38 | 51.3 | | |
| 2 | Murid berwuduk dengan betul dan sah | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.18 | .47 |
| | | T.setuju | 3 | 4.1 | | |
| | | Setuju | 55 | 74.3 | | |
| | | S.setuju | 16 | 21.6 | | |
| 3 | Peratus kehadiran kelas tasmik | Bawah 50 peratus | 6 | 8.1 | 2.93 | .99 |
| | | 50 -64 peratus | 21 | 28.4 | | |
| | | 65 – 79 peratus | 19 | 25.7 | | |
| | | 80 -100 peratus | 28 | 37.8 | | |
| 4 | Menunjukkan tatacara solat dengan betul dan sah | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.05 | .52 |
| | | T.setuju | 8 | 10.8 | | |
| | | Setuju | 54 | 73.0 | | |
| | | S.setuju | 12 | 16.2 | | |
| 5 | Peratus kehadiran murid dalam KBS | Bawah 50 peratus | 1 | 1.4 | 3.14 | .81 |
| | | 50 – 64 peratus | 17 | 23.0 | | |
| | | 65 – 79 peratus | 27 | 36.5 | | |
| | | 80 – 100 peratus | 29 | 39.1 | | |

N = 74

Hasil analisa mendapati item-item bagi pemboleh ubah penglibatan dan kehadiran murid berada pada tahap tinggi kecuali item kehadiran tasmik mendapat tahap sederhana tinggi (2.93). Min paling tinggi pula iaitu 3.42 bagi item kehadiran bestari solat.

4.5.9 Prestasi Murid Dalam Model-model j-QAF

Prestasi murid dalam model-model j-QAF dapat dilihat dalam Jadual 4.11, 4.12, 4.13 dan 4.14 berikut:

Jadual 4.11 : Taburan Min Aspek Prestasi Model Pemulihan Jawi

| Bil | Pernyataan | Tahap | Kekerapan | Peratus | Min | SP |
|------------|--|------------------|------------------|----------------|------------|-----------|
| 1 | Murid kenal huruf jawi dengan baik | S.T.setuju | 1 | 1.4 | 3.04 | .60 |
| | | T.setuju | 9 | 12.2 | | |
| | | Setuju | 50 | 67.6 | | |
| | | S.setuju | 14 | 18.9 | | |
| 2 | Prestasi peratus markah pemulihan jawi | Bawah 50 peratus | 3 | 4.0 | 2.61 | .65 |
| | | 50 – 64 peratus | 27 | 36.5 | | |
| | | 65 – 79 peratus | 40 | 54.1 | | |
| | | 80 – 100 peratus | 4 | 5.4 | | |
| 3 | Murid baca huruf jawi dengan baik | S.T.setuju | 0 | 0 | 2.96 | .56 |
| | | T.setuju | 13 | 17.6 | | |
| | | Setuju | 51 | 68.9 | | |
| | | S.setuju | 10 | 13.5 | | |
| 4 | Murid tulis huruf jawi dengan baik | S.T.setuju | 1 | 1.4 | 2.74 | .66 |
| | | T.setuju | 9 | 12.1 | | |
| | | Setuju | 50 | 67.6 | | |
| | | S.setuju | 14 | 18.9 | | |

N = 74

Hasil analisa mendapati item-item prestasi murid dalam model pemulihan jawi mendapat tahap sederhana tinggi di antara 2.61 hingga 2.96. Kecuali prestasi kenal huruf jawi mendapat min tertinggi iaitu 3.04 iaitu pada tahap tinggi.

Jadual 4.12 : Taburan Min Aspek Prestasi Model Khatam al-Quran dan Tasmik

| Bil | Pernyataan | Tahap | Kekerapan | Peratus | Min | SP |
|-----|--|------------------|-----------|---------|------|-----|
| 1 | Murid kenal huruf al-Quran | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.28 | .60 |
| | | T.setuju | 6 | 8.1 | | |
| | | Setuju | 41 | 85.4 | | |
| | | S.setuju | 27 | 36.5 | | |
| 2 | Prestasi peratus markah bacaan al-Quran | Bawah 50 peratus | 5 | 6.8 | 2.72 | .80 |
| | | 50 – 64 peratus | 22 | 29.7 | | |
| | | 65 – 79 peratus | 36 | 48.6 | | |
| | | 80 – 100 peratus | 11 | 14.9 | | |
| 3 | Murid membaca huruf al-Quran dengan baik | S.T.setuju | 2 | 2.7 | 3.23 | .67 |
| | | T.setuju | 4 | 5.4 | | |
| | | Setuju | 43 | 58.1 | | |
| | | S.setuju | 25 | 33.8 | | |

Manakala min bagi pemboleh ubah prestasi murid dalam model khatam al-Quran dan tasmik dipaparkan dalam Jadual 4.12. Prestasi murid mengenal huruf al-Quran mendapat min paling tinggi iaitu 3.28. Manakala min paling rendah iaitu 2.72 mengenai prestasi markah bacaan al-Quran murid-murid.

Jadual 4.13 : Taburan Min Aspek Prestasi Model Bahasa Arab Komunikasi

| Bil | Pernyataan | Tahap | Kekerapan | Peratus | Min | SP |
|-----|---|------------------|-----------|---------|------|-----|
| 1 | Prestasi peratus markah Bahasa Arab | Bawah 50 peratus | 4 | 5.4 | 2.62 | .75 |
| | | 50 – 64 peratus | 28 | 37.8 | | |
| | | 65 – 79 peratus | 34 | 45.9 | | |
| | | 80 – 100 peratus | 8 | 10.8 | | |
| 2 | Membaca perkataan Bahasa Arab | S.T.setuju | 1 | 1.4 | 3.31 | .59 |
| | | T.setuju | 2 | 2.7 | | |
| | | Setuju | 44 | 59.4 | | |
| | | S.setuju | 27 | 36.5 | | |
| 3 | Menulis perkataan Bahasa Arab | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.25 | .51 |
| | | T.setuju | 3 | 4.0 | | |
| | | Setuju | 51 | 69.0 | | |
| | | S.setuju | 20 | 27.0 | | |
| 4 | Bercakap beberapa perkataan Bahasa Arab | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.19 | .48 |
| | | T.setuju | 3 | 4.0 | | |
| | | Setuju | 54 | 73.0 | | |
| | | S.setuju | 17 | 23.0 | | |

Jadual 4.13 memaparkan min 3.19 prestasi murid bercakap beberapa patah perkataan Arab. Manakala min 3.25 prestasi murid menulis perkataan Arab. Min paling rendah terhadap peratus peningkatan Bahasa Arab murid-murid iaitu 2.62. Namun min ini masih berada di tahap sederhana tinggi.

Jadual 4.14 : Taburan Min Aspek Prestasi Model Bestari Solat

| Bil | Pernyataan | Tahap | Kekerapan | Peratus | Min | SP |
|------------|---|------------------|------------------|----------------|------------|-----------|
| 1 | Murid berwuduk dengan betul dan sah | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.18 | .47 |
| | | T.setuju | 3 | 4.1 | | |
| | | Setuju | 55 | 74.3 | | |
| | | S.setuju | 16 | 21.6 | | |
| 2 | Menunjukkan tatacara solat dengan betul dan sah | S.T.setuju | 0 | 0 | 3.05 | .52 |
| | | T.setuju | 8 | 10.8 | | |
| | | Setuju | 54 | 73.0 | | |
| | | S.setuju | 12 | 16.2 | | |
| 3 | Peratus markah amalan solat | Bawah 50 peratus | 2 | 2.7 | 2.95 | .66 |
| | | 50 – 64 peratus | 12 | 16.2 | | |
| | | 65 – 79 peratus | 48 | 64.9 | | |
| | | 80 – 100 peratus | 12 | 16.2 | | |

Hasil analisa kesemua item diperjelaskan dalam Jadual 4.14. Min tertinggi iaitu 3.18 tentang prestasi murid dapat berwuduk dengan sah. Min 3.05 terhadap prestasi murid menunjukkan tatacara solat dengan betul dan sah, manakala min paling rendah iaitu 2.95 terhadap peratus markah murid terhadap amalan solat mereka dengan betul dan sah. Secara keseluruhannya, min paling tinggi adalah prestasi murid membaca beberapa patah perkataan Arab iaitu 3.31. Manakala min paling rendah adalah prestasi murid dalam peratus peningkatan markah penulisan jawi iaitu 2.61. Namun min ini masih berada pada tahap sederhana tinggi.

4.6 Dapatan Pemerhatian

Dalam bahagian ini dapatan pemerhatian dibentangkan. Dapatan tersebut adalah dapatan pemerhatian terhadap sekolah, terhadap guru j-QAF dan terhadap murid-murid.

4.6.1 Dapatan Pemerhatian Terhadap Sekolah

Jadual 4.15 : Pemerhatian terhadap kefahaman sekolah dan guru-guru

| | Kekerapan | Peratus |
|------------------|------------------|----------------|
| Tidak Memuaskan | 0 | 0 |
| Kurang Memuaskan | 0 | 0 |
| Memuaskan | 1 | 12.5 |
| Baik | 2 | 25.0 |
| Sangat Baik | 5 | 62.5 |
| Jumlah | 8 | 100.0 |

Rumusan skala kadar pemerhatian mendapati hanya sebuah sekolah (12.5%) mendapat tahap memuaskan dalam aspek kefahaman mengenai program j-QAF. Jadual 4.15 juga memaparkan dua buah sekolah (25.0%) mendapat tahap baik dan lima buah sekolah memperolehi tahap sangat baik (62.5%).

Jadual 4.16: Pemerhatian terhadap sokongan sekolah dan guru-guru

| | Kekerapan | Peratus |
|------------------|------------------|----------------|
| Tidak Memuaskan | 0 | 0 |
| Kurang Memuaskan | 0 | 0 |
| Memuaskan | 1 | 12.5 |
| Baik | 2 | 25.0 |
| Sangat Baik | 5 | 62.5 |
| Jumlah | 8 | 100.0 |

Manakala aspek memberi sokongan dan bantuan dalam melaksanakan j-QAF, Jadual 4.16 memaparkan sebuah sekolah (12.5%) tahap memuaskan, dua buah sekolah (25.0%) tahap baik dan lima buah sekolah (62.5%) sangat baik.

4.6.2 Dapatan Pemerhatian Terhadap Guru j-QAF

Dapatan pemerhatian yang telah dijalankan ke atas lapan orang guru j-QAF di lapan buah sekolah dipaparkan dalam jadual berikut:

Jadual 4.17 : Dapatan Pemerhatian Aspek kefahaman guru j-QAF terhadap program j-QAF

| | Kekerapan | Peratus |
|------------------|-----------|---------|
| Tidak Memuaskan | 0 | 0 |
| Kurang memuaskan | 0 | 0 |
| Memuaskan | 0 | 0 |
| Baik | 3 | 37.5 |
| Sangat Baik | 5 | 62.5 |
| Jumlah | 8 | 100.0 |

Rumusan skala kadar mendapati kefahaman guru tentang program j-QAF adalah pada tahap baik sebanyak 3 orang (37.5%) manakala 5 orang lagi pada tahap sangat baik (62.5%). Data ditunjukkan dalam Jadual 4.17. Penyelidik mendapati guru j-QAF telah dapat membuktikan kefahaman mereka terhadap kepentingan kurikulum j-QAF ini melalui aspek perancangan dan pelaksanaan P&P. Guru j-QAF telah membuat rancangan pengajaran dengan mengambil kira semua aspek kesepaduan ilmu, penggabung jalinan, penyerapan ilmu dan penerapan nilai-nilai untuk membentuk peribadi murid-murid yang sempurna dan seimbang.

Jadual 4.18 : Pemerhatian terhadap komitmen guru j-QAF

| | Kekerapan | Peratus |
|------------------|------------------|----------------|
| Tidak Memuaskan | 0 | 0 |
| Kurang memuaskan | 0 | 0 |
| Memuaskan | 0 | 0 |
| Baik | 3 | 37.5 |
| Sangat Baik | 5 | 62.5 |
| Jumlah | 8 | 100.0 |

Setelah membuat pemerhatian sebanyak empat kali purata pemerhatian bagi setiap sekolah, rumusan terakhir data pemerhatian ditunjukkan dalam Jadual 4.18. Seramai tiga orang (37.5%) tahap baik, manakala lima orang (62.5%) tahap sangat baik.

Jadual 4.19 : Pemerhatian terhadap pencapaian hasil pembelajaran

| | Kekerapan | Peratus |
|------------------|------------------|----------------|
| Tidak Memuaskan | 0 | 0 |
| Kurang memuaskan | 0 | 0 |
| Memuaskan | 0 | 0 |
| Baik | 2 | 25.0 |
| Sangat Baik | 6 | 75.0 |
| Jumlah | 8 | 100.0 |

Manakala dapatan pemerhatian terhadap pencapaian hasil pembelajaran dapat dilihat dalam Jadual 4.19. Dua orang guru mencapai tahap baik (25.0%) manakala 75 peratus (6 orang) mendapat tahap sangat baik.

Jadual 4.20: Pemerhatian terhadap penggunaan BBM

| | Kekerapan | Peratus |
|------------------|------------------|----------------|
| Tidak Memuaskan | 0 | 0 |
| Kurang memuaskan | 0 | 0 |
| Memuaskan | 1 | 12.5 |
| Baik | 2 | 25.0 |
| Sangat Baik | 5 | 62.5 |
| Jumlah | 8 | 100.0 |

Dapatan pemerhatian terhadap penggunaan BBM pula dapat dilihat dalam Jadual 4.20. Terdapat seorang guru j-QAF (12.5%) mendapat tahap memuaskan tentang penggunaan BBM. Manakala dua orang (25.0%) mendapat tahap baik dan lima orang (62.5%) pada tahap sangat baik.

Jadual 4.21: Pemerhatian terhadap penggunaan kaedah dan teknik mengajar

| | Kekerapan | Peratus |
|------------------|------------------|----------------|
| Tidak Memuaskan | 0 | 0 |
| Kurang memuaskan | 0 | 0 |
| Memuaskan | 1 | 12.5 |
| Baik | 2 | 25.0 |
| Sangat Baik | 5 | 62.5 |
| Jumlah | 8 | 100.0 |

Hasil pemerhatian mendapati seorang (12.5%) mendapat tahap memuaskan tentang penggunaan kaedah dan teknik. Merujuk kepada Jadual 4.21, dua orang (25.0%) mendapat tahap baik dan lima orang (62.5%) mendapat tahap sangat baik.

4.6.3 Dapatan Pemerhatian Terhadap Murid-murid

Dapatan pemerhatian terhadap murid yang telah dijalankan ke atas lapan buah sekolah dipaparkan dalam jadual berikut:

Jadual 4.22: Pemerhatian Terhadap Minat Murid

| | Kekerapan | Peratus |
|------------------|------------------|----------------|
| Tidak Memuaskan | 0 | 0 |
| Kurang memuaskan | 0 | 0 |
| Memuaskan | 0 | 0 |
| Baik | 2 | 25.0 |
| Sangat Baik | 6 | 75.0 |
| Jumlah | 8 | 100.0 |

Dapatan pemerhatian dalam Jadual 4.22 menunjukkan dua buah sekolah (25.0%) mendapat tahap baik dalam aspek minat. Tahap sangat baik pula ialah enam buah sekolah (75.0%).

Jadual 4.23 : Pemerhatian tentang penglibatan dan kehadiran

| | Kekerapan Peratus | |
|------------------|--------------------------|-------|
| Tidak Memuaskan | 0 | 0 |
| Kurang memuaskan | 0 | 0 |
| Memuaskan | 0 | 0 |
| Baik | 2 | 25.0 |
| Sangat Baik | 6 | 75.0 |
| Jumlah | 20 | 100.0 |

Dapatan pemerhatian terhadap murid di sekolah mendapati, dua buah sekolah mendapat tahap baik (25.0%) aspek penglibatan dan kehadiran aktiviti j-QAF. Jadual 4.23 juga memperjelaskan enam buah sekolah (75.0%) mendapat tahap sangat baik.

Jadual 4.24 : Pemerhatian tentang prestasi murid

| | Kekerapan Peratus | |
|------------------|--------------------------|-------|
| Tidak Memuaskan | 0 | 0 |
| Kurang memuaskan | 0 | 0 |
| Memuaskan | 0 | 0 |
| Baik | 2 | 25.0 |
| Sangat Baik | 6 | 75.0 |
| Jumlah | 8 | 100.0 |

Dapatan pemerhatian penyelidik terhadap prestasi murid dalam pembelajaran model-model j-QAF mendapati tahap baik pula diperolehi oleh dua buah sekolah (25.0%) dan tahap sangat baik, enam buah sekolah (75.0%). Dapatan ini dipaparkan dalam Jadual 4.24

4.7 Hubungan Prestasi Markah Murid dalam Model-model j-QAF

Untuk menjawab persoalan adakah terdapat hubungan signifikan antara prestasi markah murid dalam model-model j-QAF, data dianalisa dengan ujian Pearson.

Jadual 4.25 : Hubungan Prestasi Markah Murid Di Antara Model-model j-QAF

| | | Prestasi Model Pemulihan Jawi | Prestasi Model Khatam al-Quran dan Tasmik | Prestasi Model Bahasa Arab | Prestasi Model Bestari Solat |
|---|------------------|-------------------------------|---|----------------------------|------------------------------|
| Prestasi Model Pemulihan Jawi | Korelasi Pearson | 1 | .694** | .581** | .140 |
| Prestasi Model Khatam al-Quran dan Tasmik | Korelasi Pearson | .694** | 1 | .613** | .203 |
| Prestasi Model Bahasa Arab | Korelasi Pearson | .581** | .613** | 1 | .317** |
| Prestasi Model Bestari Solat | Korelasi Pearson | .140 | .203 | .317** | 1 |
| Sig. (2-hujung) | | .000 | .000 | .000 | . |

N = 74

** Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-hujung)

Berpandukan piawaian dalam Jadual 3.13 (Petunjuk kekuatan korelasi) dalam bab tiga, hasil dapatan menunjukkan wujud hubungan sederhana ($r=0.51 - r=0.70$) antara tiga buah model iaitu model pemulihan jawi, model khatam dan model Bahasa Arab. Iaitu wujud hubungan sederhana antara Model Pemulihan Jawi dan Model Khatam al-Quran dan Tasmik ($r=0.694$). Terdapat juga hubungan sederhana antara Model Pemulihan Jawi dan Model Bahasa Arab ($r=0.581$). Hubungan sederhana juga wujud antara Model Bahasa Arab dan Model Khatam al-Quran ($r=0.613$).

Manakala terdapat hubungan lemah dan sangat lemah ($r0.1 - r0.50$) di antara model bestari solat dengan semua model-model lain. Keputusan analisa diperjelaskan dalam Jadual 4.25

4.8 Analisa Keseluruhan Dapatan Kajian

Daripada huraian dapatan di atas, berikut ialah analisa keseluruhan dapatan kajian yang merujuk kepada soalan-soalan kajian.

Jadual 4.26 : Analisa Keseluruhan Dapatan Kajian

| Bil | Soalan Kajian | Pemboleh ubah | Alat Statistik | Alat Pemerhatian | Dapatan Ujian |
|------------|--|----------------------|-----------------------|---------------------------|------------------------------------|
| 1 | Kepentingan j-QAF | Kepentingan | Deskriptif Min | Skala Kadar -Frekuensi | Positif |
| 2 | Komitmen sekolah | Komitmen | Deskriptif Min | Skala Kadar -Frekuensi | Positif |
| 3 | Komitmen guru j-QAF | Komitmen | Deskriptif Min | Skala Kadar -Frekuensi | Positif |
| 4 | Latihan keguruan | Latihan keguruan | Deskriptif Min | Skala Kadar -Frekuensi | Positif |
| 5 | Penggunaan BBM | BBM | Deskriptif Min | Skala Kadar -Frekuensi | Positif |
| 6 | Penggunaan Kaedah dan teknik | Kaedah dan teknik | Deskriptif Min | Skala Kadar -Frekuensi | Positif |
| 7 | Minat dan perhatian murid | Minat | Deskriptif Min | Skala Kadar -Frekuensi | Positif |
| 8 | Penglibatan kehadiran murid | Penglibatan | Deskriptif Min | Skala Kadar -Frekuensi | Positif |
| 9 | Prestasi dalam model-model j-QAF | Prestasi | Deskriptif Min | Skala Kadar -Frekuensi | Positif |
| 10 | Hubungan prestasi murid dalam model-model j-QAF (Model jawi, model khatam dan BAK) | Prestasi | Korelasi Pearson | - | Positif -sederhana |
| 11 | Hubungan prestasi murid model bestari solat dengan model-model lain | Prestasi | Korelasi Pearson | - | Negatif -lemah -sangat lemah |

Keputusan terhadap pengujian tersebut diperjelaskan dalam Jadual 4.26. Dapatan ujian menunjukkan tahap positif dalam semua soalan kajian kecuali hubungan prestasi Model Bestari Solat dengan semua model lain mendapat tahap negatif.

4.9 Perbincangan

Dapatan daripada analisa kajian telah dibuat untuk menjawab enam soalan kajian dan perbincangannya adalah seperti berikut:

4.9.1 Kepentingan Kurikulum j-QAF

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru j-QAF berpendapat kurikulum j-QAF sememangnya penting dilaksanakan di sekolah. Keseluruhan item dalam pemboleh ubah berkaitan kepentingan j-QAF ini menunjukkan skor min yang tinggi di antara 3.61 hingga 3.96. Guru j-QAF telah menunjukkan kata sepakat bahawa kurikulum j-QAF akan melahirkan generasi seimbang (min 3.82), dapat mengatasi buta al-Quran (min 3.70), dapat memulihkan jawi (min 3.65), meningkatkan BAK (min 3.61) dan dapat meningkatkan amalan solat murid (min 3.70). Penyelidik sebagai seorang pensyarah IPGM yang bertugas secara langsung dalam program latihan perguruan guru j-QAF, pada mulanya merasa agak bimbang sekiranya guru j-QAF akan mengambil sikap endah tak endah terhadap program ini. Namun kebimbangan tersebut meleset. Penyelidik telah membuat pemerhatian dan merumuskan semua guru j-QAF tersebut amat memahami kepentingan kurikulum ini diperkenalkan dan dilaksanakan. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Khuzaifah yang mendapati program ini amat penting dilaksanakan,

malah semua pihak perlu memberi sokongan padu ke arah program ini dengan harapan ianya akan dapat membina insan berilmu, beriman dan beramal.²⁷³

Perihal pentingnya kurikulum j-QAF ini dilaksanakan juga selari dengan dapatan kajian Nasrudin dan rakan-rakan yang menjalankan kajian pelaksanaan j-QAF pada tahun 2006 yang mendapati, kurikulum j-QAF telah menampakkan kejayaannya melalui pelbagai jenis model berbanding dengan program KAFA, SAN dan SAR. Dapatan ini juga selari dengan maklum balas guru-guru pembimbing j-QAF dan guru-guru akademik yang lain yang diperolehi penyelidik daripada lawatan dan pemerhatian di sekolah, yang menyatakan program j-QAF telah memberi satu nafas baru dalam sistem Pendidikan Islam di sekolah rendah. Malah guru-guru berkenaan meluahkan rasa simpati pada murid-murid terdahulu yang tidak berkesempatan mengikuti kurikulum j-QAF ini.

4.9.2 Komitmen Pihak Sekolah dan Guru-guru

Merujuk kepada komitmen sekolah dan guru-guru, dapatan kajian ini menunjukkan min sederhana tinggi di antara 2.61 hingga min 3.53 (tahap tinggi) terhadap item-item dalam pemboleh ubah ini. Hanya satu item tentang kefahaman guru-guru sekolah terhadap kurikulum ini mendapat min sederhana rendah (min 2.49). Penyelidik telah membuat pemerhatian tentang perkara ini dan mendapati maklumat tentang kurikulum ini masih tidak begitu jelas difahami oleh kebanyakan guru-guru sekolah. Sama ada taklimat tidak diberikan atau maklumat yang

²⁷³ Khuzaifah (2006), *op.cit.*, h. 43.

disampaikan tidak jelas. Dapatan ini selari dengan kajian Khuzaifah mengenai masalah yang sama.

Manakala dapatan berkaitan item-item lain iaitu kefahaman dan bantuan GPI (min 3.11), komitmen penuh sekolah (min 3.11), murid non muslim diberi peluang belajar Bahasa Arab (min 3.05), KBS dijalankan empat kali setahun (min 3.53) dan kefahaman pihak pentadbir (min 2.61). Ini disokong oleh dapatan pemerhatian penyelidik yang mendapati hanya sebuah sekolah mendapat tahap memuaskan dalam aspek kefahaman dan sokongan, dua buah sekolah mendapat tahap baik dan lima buah sekolah mendapat tahap sangat baik dari sudut pemerhatian penyelidik. Malah ada di antara Guru Besar dan Penolong Kanan sentiasa memantau pelaksanaan kurikulum ini bagi memastikan ia dilaksanakan dengan baik. Dapatan kajian ini tidak selari dengan kajian Khuzaifah pada tahun 2006 yang mendapati ramai pentadbir dan guru-guru sekolah tidak mengambil tahu tentang program j-QAF.

Sebaliknya, dapatan kajian Amri pada tahun 2005 adalah selari dengan dapatan kajian ini yang mendapati para guru memberi komitmen yang tinggi terhadap program j-QAF. Ini bertepatan dengan saranan PPK (2001) yang menyatakan Guru Besar merupakan ketua organisasi bagi melahirkan staf yang komited dan sebagai seorang pengurus yang dapat membimbing mereka patuh kepada peraturan kurikulum. PPK menyatakan lagi bahawa Guru Besar adalah sebagai pemimpin kurikulum, pemantau kurikulum dan penilai kurikulum. Disokong pula dengan penegasan Sharifah Alwiah Alsagof bahawa tanpa perhatian dan sokongan

kepemimpinan sekolah dan pihak pengurusan, usaha Guru Pemulihan akan sentiasa terbantut dan tidak produktif.²⁷⁴

Begitu juga pelajar-pelajar non-muslim juga diberi peluang mempelajari Bahasa Arab seperti mana murid-murid di Malaysia mempelajari bahasa-bahasa asing seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Jepun dan Bahasa Perancis. *Stigma* masyarakat non muslim terhadap pelajaran BAK ketika peringkat permulaan diperkenalkan telah dapat diatasi. Malah ibu bapa pelajar semakin positif dan menunjukkan minat agar anak mereka mempelajari bahasa ini. Pemerhatian juga merumuskan, meskipun pada peringkat awal pihak sekolah agak kurang jelas tentang kurikulum ini, namun beberapa kekeliruan telah dapat diatasi dengan baik. Cuma beberapa sekolah masih menghadapi masalah melaksanakan kelas BAK dalam waktu rasmi sekolah kerana kekangan masa. Perkara ini selari dengan dapatan kajian Khuzaifah tentang masalah ini.

4.9.3 Komitmen Guru j-QAF

Hasil dapatan kajian dari aspek komitmen guru j-QAF mendapati bahawa keseluruhan item menunjukkan skor min yang tinggi (min 3.31 – 3.88). Item-item tersebut ialah tentang kefahaman (min 3.50), minat (min 3.62), keyakinan (min 3.43) dan sentiasa berusaha menjadi guru cemerlang dan dedikasi (min 3.88). Manakala dapatan berkaitan keyakinan terhadap potensi model jawi (min 3.31), keyakinan terhadap model tasmik dan khatam (min 3.36) dan keyakinan terhadap potensi KBS

²⁷⁴ Sharifah Alwiah Alsagof (1994), *Teknologi Pengajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37.

(3.57). Dapatan ini selari dengan kajian Amri pada tahun 2005 yang menyatakan guru j-QAF telah memberi komitmen yang tinggi dan dapat melaksanakan model-model j-QAF dengan baik dalam kajian rintis di Terengganu.

Dapatan pemerhatian yang dijalankan penyelidik terhadap guru j-QAF mendapati, sepanjang tempoh kajian, semakin hari semakin bertambah minat dan keyakinan guru j-QAF melaksanakan kurikulum ini. Lima orang guru j-QAF mendapat tahap sangat baik, manakala tiga orang mendapat tahap baik. Meskipun pada peringkat permulaan terdapat maklum balas dari guru j-QAF bahawa tugas mereka agak berat, memulihkan jawi, memulihkan bacaan al-Quran dan memulihkan amali solat yang selama ini kurang memberangsangkan melalui kurikulum Pendidikan Islam KBSR, namun mereka berjaya memupuk minat terhadap tugas ini. Meskipun guru j-QAF menghadapi pelbagai tekanan dari pihak institut perguruan, KPM dan pihak sekolah dalam melaksanakan kurikulum terbaru ini, namun mereka telah menerima tugas mendidik anak-anak murid dengan semangat yang boleh dibanggakan. Bertepatan dengan Unit Kurikulum BPG (2005) yang menekankan peranan guru Pendidikan Islam adalah sebagai *muallim*, *mudarris*, *muaddib*, *murabbi* dan *mursyid*. Guru adalah penyampai ilmu, yang mengajar mata pelajaran, mengajar adab, pendidik serta pembimbing dalam menentukan kehidupan serta nilai yang betul terhadap anak didiknya.

Merujuk kepada negeri asal guru j-QAF, dapatan menunjukkan 82.4 peratus guru j-QAF berasal dari Semenanjung Malaysia, selebihnya adalah penduduk Sabah. Penyelidik ingin mengaitkan perkara ini dengan komitmen guru j-QAF. Meskipun jauh dari kampung halaman, penyelidik melahirkan rasa penghargaan terhadap guru

j-QAF yang telah sanggup memikul tanggungjawab sebagai guru j-QAF di serata negeri Sabah. Guru-guru ini ditempatkan di serata pelosok negeri Sabah hinggalah ke kawasan pedalaman dan pulau, khususnya guru j-QAF yang datang dari Semenanjung. Tidak kurang juga guru j-QAF yang berasal dari Sabah kebanyakannya ditempatkan di sekolah yang jauh dari daerah asal mereka. Sepanjang pemerhatian penyelidik, meskipun menghadapi pelbagai kesulitan di kawasan luar bandar dan pedalaman, guru j-QAF telah memberikan komitmen yang tinggi sebaik saja mereka sanggup menerima tugas ini. Guru-guru ini masih di peringkat awal penglibatan dalam kurikulum j-QAF, namun kesediaan mereka belajar dan menimba pengalaman adalah sikap yang mulia. Penyelidik beranggapan perkara ini tidak mudah dilakukan jika tiada komitmen guru dan semua pihak perlu memberi peluang dan ruang kepada guru-guru ini untuk terus meningkatkan profesionalisme perguruan mereka ke tahap yang lebih baik.

4.9.4 Latihan, Kemahiran dan Profesionalisme Keguruan

Keseluruhannya, aspek latihan, kemahiran dan profesionalisme keguruan guru j-QAF menunjukkan min yang tinggi. Analisa mendapati, item tentang latihan perguruan mencukupi (min 3.31), peningkatan tahap profesionalisme (min 3.64), kemahiran Bahasa Arab guru meningkat melalui program j-QAF (min 3.34) dan j-QAF memberi banyak pengetahuan dan kemahiran guru (min 3.85). Aspek ini telah diuji oleh penyelidik melalui pemerhatian terhadap pencapaian hasil pembelajaran dalam P&P. Hasil pembelajaran dijadikan pengukur terhadap aspek ini kerana kegagalan guru mencapai hasil pembelajaran bermakna guru kurang latihan, kurang bimbingan dan kurang kemahiran aspek-aspek perancangan dan pelaksanaan

P&P. Dua orang guru mencapai tahap baik, manakala enam orang guru telah mencapai tahap sangat baik dalam pencapaian hasil pembelajaran. Pada peringkat awal pemerhatian, didapati guru-guru sukar menentukan aras-aras yang sesuai dengan kebolehan murid. Tambahan pula guru perlu merancang dan mengaplikasi aktiviti P&P yang dapat menilai kefahaman dan pencapaian murid. Namun, setelah beberapa kali pemerhatian dan bimbingan yang diberikan, guru j-QAF semakin jelas tentang perancangan dan pelaksanaan P&P yang dilaksanakan. Malah penyelidik mendapati, guru j-QAF telah dapat meningkatkan sikap profesional dan mengaplikasikan kemahiran psikologi dalam menangani ragam anak murid yang pelbagai. Ini bertepatan dengan saranan Konferensi Dunia tentang Pendidikan Islam di Mekah pada tahun 1977 yang mencadangkan guru-guru hendaklah dilatih aspek psikologi, ciri-ciri guru beriman dan berakhlak mulia.

Berkenaan item kemahiran BAK guru semakin meningkat (min 3.34), kajian terhadap item ini ada justifikasinya. Penyelidik mendapat maklum balas tidak semua guru j-QAF opsyen major Bahasa Arab adalah berasal dari *kuliah lughah* atau lepasan fakulti Bahasa Arab. Sebahagian besar mereka berkelulusan agama seperti Syariah, Dakwah, Usuluddin dan lain-lain lagi. Meskipun mereka dilantik secara khusus menjadi guru Bahasa Arab j-QAF namun latar belakang pendidikan mereka di peringkat universiti perlu diperhatikan. Namun dapatan kajian berkenaan perkara ini telah menunjukkan bahawa guru-guru ini menyatakan kemahiran mereka dalam BAK semakin meningkat dengan keterlibatan mereka dalam kurikulum ini. Ini adalah disebabkan guru-guru ini telah terdedah dengan pelajaran Bahasa Arab sejak daripada mereka sekolah rendah dan menengah lagi. Segala ilmu dan kemahiran yang pernah

dilalui telah diasah semula melalui program ini. Pemerhatian penyelidik mendapati, guru j-QAF masih berusaha dan terus belajar meningkatkan kemahiran Bahasa Arab masing-masing. Sikap yang positif ini jika terus dipupuk, akan banyak membantu mempertingkatkan kemahiran guru.

Berkenaan aspek bimbingan pensyarah dan guru pembimbing, guru j-QAF memberi maklum balas kualiti bimbingan yang diperolehi daripada pensyarah pembimbing lebih berkesan berbanding guru pembimbing. Dapatan ini selari dengan kajian Unit Kurikulum BPG terhadap program j-QAF pada tahun 2006. Maklum balas menyatakan kebanyakan guru pembimbing menghadapi kekangan masa menyelia P&P guru j-QAF. Pemerhatian penyelidik pula mendapati kebanyakan guru pembimbing ini mengambil sikap memberi kepercayaan penuh kepada guru j-QAF menjalankan tugas mereka. Berbanding dengan para pensyarah, tugas membimbing dan memberi latihan kepada para guru j-QAF adalah merupakan tugas penting dalam melatih guru. Dapatan ini selari dengan kajian Othman dan kajian Tengku Zahiri pada tahun 2007 yang menyatakan guru j-QAF mendapati diri mereka telah mendapat latihan dan input yang cukup dari pensyarah sebagai bekalan mereka mengharungi tugas guru. Dapatan ini juga selari dengan kajian Datu Raiman dan Nancy di IPGM Kampus Kent pada tahun 2007 yang mendapati min 3.93 terhadap aspek bimbingan pensyarah memupuk perasaan tanggungjawab terhadap profesion perguruan.

4.9.5 Penggunaan BBM

Berdasarkan dapatan kajian penggunaan BBM dalam Jadual 4.42 menunjukkan min tahap tinggi terhadap item-item pemboleh ubah ini. Item penggunaan pelbagai BBM jawi (min 3.39), BBM al-Quran (min 3.27), BBM Bahasa Arab (min 3.45) dan BBM amali solat (min 3.36). Dapatan pemerhatian terhadap guru j-QAF menyokong dapatan soal selidik iaitu seorang guru mencapai tahap memuaskan, dua orang mencapai tahap baik dan lima orang guru mencapai tahap sangat baik. Dapatan ini tidak selari dengan laporan Unit Kurikulum BPG pada tahun 2006 yang menyatakan guru j-QAF mengalami kekangan masa untuk menyediakan BBM. Penyelidik beranggapan, guru j-QAF mempunyai kelebihan iaitu KPM telah menyediakan dan memberi beberapa set BBM yang membantu memberi bahan dan idea kepada mereka menggunakan pelbagai BBM. Namun didapati empat buah sekolah tidak menerima BBM dari KPM. Beberapa masalah teknikal telah dikenal pasti di peringkat Pejabat Pelajaran Daerah, Gabungan dan Negeri mengenai masalah ini. Peringkat permulaan pemerhatian penyelidik, guru j-QAF gemar menggunakan kad imbasan, carta dan gambar dalam P&P. Setelah mendapat bimbingan dari masa ke semasa, guru j-QAF telah mengaplikasikan pelbagai jenis bahan permainan sambil belajar dan penggunaan ICT dalam P&P. Perlu dinyatakan di sini bahawa guru j-QAF yang bertugas di kebanyakan kawasan luar bandar dan pedalaman, menghadapi masalah kemudahan bekalan elektrik. Namun ini tidak mematahkan semangat mereka mengaplikasikan ICT meskipun terpaksa menggunakan *generator*. Dapatan kajian ini tidak selari dengan kajian Abdul Majid dan rakan pada tahun 2000

yang menyatakan guru mengajar Pendidikan Islam kurang kreativiti mengolah dan menggunakan BBM.

Berkenaan penggunaan buku iqra', min sederhana tinggi (2.85) bahawa buku iqra' menarik minat murid belajar al-Quran. Dapatan ini juga tidak selari dengan kajian Armah Aru yang menyatakan buku Iqra' amat berkesan dalam P&P al-Quran. Penyelidik beranggapan, meskipun muka surat tertentu dalam buku iqra' diajarkan kepada murid, tentu lebih menarik lagi muka surat tersebut diajarkan dalam bentuk BBM yang pelbagai tanpa terikat kepada bahan buku iqra' semata-mata. Misalnya guru boleh menggunakan kad-kad imbasan, animasi ICT dan sebagainya untuk menarik minat murid. Murid-murid yang termasuk kumpulan pemulihan pasti tidak merasa bosan belajar al-Quran berbanding mereka terpaksa menghadap buku iqra' setiap hari yang mungkin membebankan bagi kanak-kanak. Ini selari dengan kajian Harun yang menyatakan penggunaan multimedia dalam P&P menjadikan pembelajaran lebih menarik, kreatif, mudah, memberikan motivasi, animasi, interaktif dan *fun learning*.

4.9.6 Penggunaan Kaedah dan Teknik Mengajar

Jadual 4.47 menunjukkan min tahap tinggi terhadap item-item kaedah dan teknik mengajar. Item penggunaan kaedah *tasmik*, *talaqqi* dan *musyafahah* (min 3.27), pelbagai kaedah dan teknik mengajar jawi (min 3.32), pelbagai kaedah dan teknik mengajar Bahasa Arab (min 3.46), kaedah tunjuk cara amali solat (min 3.51) dan simulasi amali solat (min 3.05). Dapatan ini disokong oleh pemerhatian penyelidik iaitu seorang guru mendapat tahap memuaskan, dua orang mendapat tahap

baik dan lima orang mendapat sangat baik. Dapatan ini selari dengan kajian Gani pada tahun 2000 dan kajian Hanunah pada tahun 2007 yang menyatakan kaedah *talaqqi* dan *musyafahah* telah diaplikasikan dan sangat berkesan untuk meningkatkan kemahiran bacaan al-Quran. Pemerhatian penyelidik juga mendapati guru j-QAF menggunakan lagu dan nasyid dalam P&P. Teknik-teknik permainan seperti bermain *bowling*, bermain kad dan sebagainya juga telah diaplikasikan. Ini bertepatan dengan saranan Howard Gardner dalam Teori Pelbagai Kecerdasan²⁷⁵ yang menyatakan potensi pelajar boleh dicungkil melalui pelbagai kecerdasan yang ada pada diri mereka seperti kecerdasan verbal-linguistik, visual-ruang, kinestatik, naturalis, muzik dan lain-lain.

Berkenaan kaedah Kem Bestari Solat empat kali setahun, min sederhana tinggi (2.77) bahawa KBS sepatutnya dilaksanakan lebih empat kali setahun. Ini menunjukkan guru j-QAF lebih bersetuju kem ini diadakan empat kali setahun sahaja seperti yang sedia ada. Dapatan ini tidak selari dengan kajian Khuzafah yang menyatakan kaedah empat kali setahun adalah tidak mencukupi. Dapatan kajian beliau menyatakan guru j-QAF menyatakan kaedah kem empat kali setahun tidak memadai untuk mengajar amali solat. Penyelidik mendapati beberapa buah sekolah menghadapi masalah melaksanakan KBS ini kerana faktor kewangan. Peruntukan yang ditetapkan KPM adalah terlalu sedikit terhadap setiap murid. Guru j-QAF dan pihak sekolah terpaksa berusaha mencari sumber lain untuk menampung keperluan kem, peralatan dan makanan murid-murid untuk empat kali kem yang diadakan.

²⁷⁵ Howard Gardner (1983), *op.cit.*, h. 126.

Dapatan ini selari dengan kajian Abdul Aziz yang mendapati sumber kewangan juga menjadi penghalang pelaksanaan kokurikulum Pendidikan Islam.²⁷⁶

4.9.7 Minat dan Perhatian Murid

Berdasarkan analisa min, penyelidik mendapati min sederhana tinggi dan tinggi terhadap item-item pemboleh ubah minat dan perhatian murid. Jadual 4.53 menunjukkan minat murid membaca iqra' (min 2.85), pelajar non muslim mengambil elektif Bahasa Arab (min 3.05), pelajar non muslim minat belajar Bahasa Arab (min 3.05), minat belajar jawi (min 2.96) dan minat belajar Bahasa Arab (min 3.22). Pemerhatian penyelidik turut mendapati majoriti murid meminati P&P melalui model-model j-QAF. Dua buah sekolah mendapat tahap baik, manakala enam buah sekolah sangat baik. Kanak-kanak kecil tersebut yang mempunyai pelbagai latar belakang etnik dan kaum di Sabah seperti Kadazan, Dusun, Bajau, Murut, Bugis, Jawa, Sungai dan sebagainya, menunjukkan minat yang amat tinggi terhadap pelajaran j-QAF. Walau bagaimanapun pemerhatian penyelidik mendapati, minat murid ini banyak dipengaruhi oleh personaliti dan pendekatan seseorang guru. Kemahiran guru, profesionalisme guru, penggunaan BBM dan kaedah dan teknik banyak mempengaruhi sikap murid. Dapatan ini selari dengan kajian Sabariah tentang kemahiran komunikasi guru dan pengurusan bilik darjah.²⁷⁷ Begitu juga kajian Suhaimi pada tahun 2007 yang menyatakan sekiranya pelajar mempunyai persepsi kurang positif terhadap pengajaran guru, maka dia juga kurang meminati mata pelajaran Pendidikan Islam.

²⁷⁶ Abdul Aziz Mat Jais (2000), *op.cit.*, h. 77.

²⁷⁷ Sabariah Binti Bahrun (2006), *op.cit.*, h. 25.

Jelas bahawa, peranan guru cukup berat kerana perlu mengaplikasikan pelbagai kemahiran dan ilmu untuk memastikan P&P berkesan. Ini selari dengan kajian Muhammad Fauzan yang mendapati pada peringkat awal pelajar-pelajar kurang selesa belajar membaca al-Quran. Namun pelajar semakin berminat dan bersikap positif melalui perhatian, bimbingan berterusan dan kepelbagaian kaedah dan tindakan guru.²⁷⁸

Dapatan kajian ini telah membuktikan guru j-QAF telah berjaya memupuk minat pelajar belajar jawi, al-Quran, BAK dan amali solat. Walau bagaimanapun, minat dan motivasi murid perlu dipupuk agar minat pada tahap yang lebih tinggi dapat dibentuk. Dapatan ini tidak selari dengan laporan Unit Kurikulum BPG pada tahun 2006 yang mendapati guru j-QAF menghadapi kesukaran mengawal kelas semasa P&P. Begitu juga dapatan ini tidak selari dengan kajian Normah yang menyatakan sikap murid enggan belajar dan malas. Setelah guru j-QAF berjaya menjalankan aktiviti yang pelbagai dan menarik, murid-murid telah menunjukkan sikap yang positif dan berminat untuk belajar. BBM yang pelbagai juga telah merangsang minat murid.

4.9.8 Penglibatan aktiviti dan Kehadiran Murid

Penyelidik hanya mengkaji aspek kehadiran murid dalam kelas tasmik dan penglibatan dalam Kem Bestari Solat dalam bahagian ini. Memandangkan kelas tasmik dijalankan di luar jadual rasmi sekolah, penyelidik ingin meninjau pelaksanaan model ini. Dapatan kajian mendapati, kehadiran kelas tasmik mendapat

²⁷⁸ Muhammad Fauzan (2006), *op.cit.*, h. 12.

min 2.93 (sederhana tinggi). Manakala item kehadiran murid dalam KBS (min 3.14), murid menunjukkan cara berwuduk dengan betul dan sah (min 3.18), dan peratus kehadiran murid dalam KBS (min 3.14). Dapatan soal selidik disokong oleh dapatan pemerhatian yang mendapati, dua buah sekolah mendapat tahap baik, manakala enam buah sekolah mendapat tahap sangat baik. Penyelidik telah menyemak semua portfolio, dokumentasi dan fail j-QAF berkenaan serta mendapat maklum balas berkenaan aspek penglibatan dan kehadiran murid.

Pada peringkat permulaan pemerhatian, terdapat dua buah sekolah tidak dapat melaksanakan model tasmik dengan jayanya kerana masalah murid tidak dapat hadir kelas tasmik. Murid-murid berkenaan yang tinggal di kawasan pedalaman dan ladang yang jauh terpaksa balik ke rumah dengan menaiki kenderaan yang telah sedia menunggu. Pengangkutan awam tidak terdapat di kawasan tersebut. Sekiranya mereka terpaksa menunggu kelas tasmik, mereka terpaksa balik ke rumah berjalan kaki sejauh beberapa kilometer. Bagi murid yang tinggal di kawasan pekan dan bandar, masalah kenderaan juga menjadi penghalang untuk menghadiri kelas tasmik tersebut. Di samping murid terpaksa bergegas untuk ke sekolah agama (SAR) sama ada sebelah pagi atau petang. Untuk mengatasi masalah ini, guru j-QAF terpaksa mencari alternatif lain seperti mengadakan kelas tasmik pada masa kelas *relief*, seperti guru mata pelajaran tidak hadir dan sebagainya. Pendekatan ini agak berjaya namun memerlukan kesungguhan dan komitmen yang tinggi daripada guru j-QAF dan murid-murid.

Kehadiran dan penglibatan murid dalam KBS amat memberangsangkan. Dapatan soal selidik dan pemerhatian penyelidik mendapati semua murid dapat

menghadirkan diri dalam kem ini dan dapat melakukan amali solat dengan baik. Dapatan ini selari dengan model Bestari Solat yang mensasarkan murid dapat melakukan amali wuduk, amali solat dan solat berjemaah. Sekiranya murid masih belum menguasai amali solat, tindakan susulan dan pemulihan akan diambil.

4.9.9 Prestasi Murid dalam Model Pemulihan Jawi

Analisa dapatan memaparkan Jadual 4.78 berkenaan aspek prestasi murid dalam Model Pemulihan Jawi, Model Khatam al-Quran dan Tasmik, Model BAK dan Model Bestari Solat. Terdapat 14 item tentang aspek ini dan dapatan menunjukkan prestasi murid berada di antara min 2.61 (sederhana rendah) hingga min 3.28 (tinggi). Mengenai Model Pemulihan Jawi, murid kenal huruf jawi dengan baik (min 3.04), membaca huruf jawi (min 2.96), menulis huruf jawi (min 2.74) dan prestasi peratus markah pemulihan jawi (min 2.61). Penyelidik telah membuat pemerhatian dan mendapat maklum balas berkenaan model ini dan mendapati dapatan soal selidik di atas adalah munasabah. Didapati sesetengah murid-murid pemulihan masih menghadapi masalah mendiskriminasikan bentuk huruf, kedudukan, sebutan konsonan dan vokal. Dapatan ini selari dengan kajian Syed Abu Bakar yang menyatakan bahawa murid-murid ini tidak berupaya mengingatkan kembali apa yang dibaca.²⁷⁹ Dapatan ini tidak selari dengan kajian Amri di Terengganu yang mendapati 85 peratus telah menguasai jawi melalui model ini. Namun, penyelidik memerhatikan perbezaan latar belakang murid dan lokasi adalah mempengaruhi perkara ini. Negeri Sabah tersenarai sebagai negeri yang murid-muridnya berprestasi akademik yang masih rendah. Pelbagai faktor fizikal mempengaruhi perkara ini. Jelas bahawa

²⁷⁹ Syed Abu Bakar Syed Akil (1997), *op.cit.*, h. 45.

peranan guru j-QAF khususnya, dan para guru amnya adalah lebih mencabar dalam mendidik anak bangsa di negeri Sabah. Walau bagaimanapun, penyelidik beranggapan, prestasi tahap sederhana tinggi dan tinggi yang telah dicapai oleh murid dalam model ini ada kelebihannya. Ini adalah kerana murid-murid masih berada di tahun satu dan dua, sudah pasti pencapaian lebih baik akan dicapai apabila mereka menjalani kelas pemulihan ini secara berterusan sehingga mereka berjaya menguasainya beberapa tempoh masa lagi. Perkara ini juga ingin dikaitkan penyelidik dengan kajian Nik Hassan pada tahun 2006 yang mengkaji pelajar tingkatan empat yang mendapat min yang hampir sama dengan pelajar tahun satu dan dua ini. Maka tidak mustahil, murid tahun satu dan dua ini akan dapat menguasai pelajaran jawi apabila mereka berada di sekolah menengah kelak.

Penyelidik juga mendapati, masih belum terdapat sekolah menyediakan bilik khas untuk pemulihan jawi. Bilik pemulihan khas yang mempunyai ciri-ciri dan kelengkapan sendiri perlu diadakan. Ini bertepatan dengan saranan JAPIM. Suasana bilik khas yang kondusif dan lengkap dengan pelbagai BBM, sudah pasti akan membantu guru dan murid menjalani proses pemulihan dengan lebih berkesan. Dapatan ini selari dengan kajian Unit Kurikulum BPG tahun 2006 bahawa belum ada bilik khas pemulihan jawi disediakan di sekolah. Maklum balas yang diterima penyelidik mendapati tiada tempat dan ruang kosong di sekolah-sekolah berkenaan.

Satu fenomena yang berlaku berkenaan kelas pemulihan jawi, terdapat guru j-QAF mengajar keseluruhan jumlah murid dalam kelas, bukannya murid pemulihan semata-mata (enam hingga sepuluh orang) seperti yang disarankan dalam model ini. Penyelidik melihat masalah kekurangan guru PI di sesetengah sekolah menyebabkan

beban GPI agak berat. Mereka terpaksa mengajar semua kelas tahun satu hingga enam mata pelajaran PI menyebabkan mereka mengharapkan guru j-QAF mengambil keseluruhan murid untuk belajar jawi meskipun bukan murid pemulihan. Penyelidik melihat, guru j-QAF terpaksa menghadapi kesukaran memberi tumpuan memulihkan murid yang tercicir jawi kerana terpaksa mengajar murid-murid lain.

4.9.10 Prestasi Murid dalam Model Khatam al-Quran

Berkenaan Model Khatam al-Quran dan Tasmik, analisa item menunjukkan min 3.28 tentang murid kenal huruf al-Quran, membaca huruf al-Quran (min 3.23) dan prestasi keseluruhan markah bacaan al-Quran murid (min 2.72). Dapatan ini tidak terlalu tinggi dan tidak juga terlalu mengecewakan. Dapatan ini juga disokong oleh dapatan pemerhatian terhadap pencapaian murid dalam membaca al-Quran. Dua buah sekolah mendapat tahap baik, manakala enam buah sekolah mendapat tahap sangat baik. Buku rekod bacaan al-Quran (BRBA) murid juga telah disemak oleh penyelidik. Bagi murid tahun dua, 20 peratus murid telah masuk ke juzuk al-Quran. Manakala selebihnya masih berada pada iqra' satu hingga enam. Dapatan ini tidak selari dengan model khatam al-Quran dan tasmik yang mensasarkan semua murid tahun dua sepatutnya telah masuk ke juzuk al-Quran. Dapatan ini selari dengan kajian Unit Kurikulum BPG pada tahun 2006 yang menyatakan hampir sebahagian besar murid belum khatam seperti saranan model enam bulan khatam al-Quran. Walau bagaimanapun, maklum balas daripada guru j-QAF menyatakan masalah ini akan dapat diatasi dari masa ke semasa. Sasaran semua murid khatam al-Quran 30 juzuk pada tahun enam akan diusahakan hingga tercapai.

Penyelidik beranggapan apabila tanggungjawab mengajar al-Quran diserahkan bulat-bulat kepada guru di sekolah, tanpa bimbingan ibu bapa di rumah, pembelajaran al-Quran akan menghadapi beberapa masalah. Guru-guru sukar mengajar setiap anak murid dengan masa yang cukup dan tumpuan yang lebih. Ini selari dengan saranan JAPIM yang menggalakkan ibu bapa, guru-guru dan setiap anggota masyarakat sama-sama membantu melaksanakan model tasmik. Bertepatan dengan saranan Riza Atiq dan Omar al-Syaibani bahawa kanak-kanak hendaklah diajar dan dilatih dari kecil berkenaan pelajaran asas al-Quran dan didikan agama.

Berkenaan model khatam ini, KPM menyarankan sekiranya terdapat murid-murid yang tidak menepati modul khatam seperti yang dijadualkan, murid-murid dikehendaki membaca al-Quran mengikut bacaan guru (BIG – baca ikut guru). Penyelidik melahirkan rasa kebimbangan terhadap pendekatan ini kerana mungkin murid-murid tidak dapat membaca al-Quran secara sendiri dengan betul, lancar dan menepati hukum-hukum tajwid seperti yang telah digariskan dalam objektif P&P tilawah al-Quran Pendidikan Islam.

4.9.11 Prestasi Murid dalam Model BAK

Hasil analisa dapatan menunjukkan item murid membaca perkataan Arab (min 3.31), menulis perkataan Arab (min 3.23), bercakap beberapa perkataan Arab (3.19) dan prestasi keseluruhan markah Bahasa Arab (min 2.62). Dapatan ini agak memberangsangkan berkenaan potensi BAK di masa akan datang. Pemerhatian penyelidik juga menyokong dapatan ini. Murid-murid pelbagai kaum, bangsa dan agama dalam usia yang masih kecil telah dapat menyebut beberapa *ibarat* dalam

Bahasa Arab adalah amat membanggakan. Penyelidik mendapati pendekatan guru j-QAF menggunakan pelbagai BBM seperti gambar, animasi komputer dan bahan permainan telah memberi kesan yang baik terhadap pembelajaran murid. Penggunaan teknik nyanyian juga ternyata digemari oleh murid. Meskipun tahap yang lebih tinggi perlu dicapai dalam model ini, apabila guru j-QAF merancang kaedah pemulihan dan penyuburan, penyelidik beranggapan tahap yang telah dicapai setakat ini adalah bersesuaian. Dapatan ini agak selari dengan kajian Amri yang membuat kajian di Terengganu yang mendapati min 2.9 diperolehi oleh murid-murid berkenaan.

Dapatan pemerhatian dan maklum balas yang diperolehi penyelidik terhadap lapan buah sekolah yang dikaji mendapati kebanyakan sekolah ini telah dapat memasukkan jadual waktu Bahasa Arab dalam jadual waktu rasmi sekolah. Oleh itu, masalah kehadiran murid-murid tidak timbul. Dapatan ini tidak selari dengan kajian Unit Kurikulum BPG pada tahun 2006 yang mengatakan mata pelajaran Bahasa Arab kurang dimasukkan dalam jadual waktu rasmi sekolah dan menyebabkan masalah kehadiran murid-murid. Pengalaman penyelidik selama tiga tahun dalam program ini mendapati pada peringkat awal program ini diperkenalkan, banyak sekolah menghadapi kesukaran menyesuaikan jadual mata pelajaran Bahasa Arab ini. Namun masalah ini semakin dapat diatasi oleh sekolah-sekolah berkenaan.

4.9.12 Prestasi Murid dalam Model Bestari Solat

Jadual 4.77 menunjukkan prestasi murid dalam model Bestari Solat berada pada tahap sederhana tinggi dan tinggi. Item murid berwuduk dengan betul dan sah (min 3.18), murid menunjukkan tatacara solat dengan betul dan sah (min 3.05) dan

peratus markah amali solat (min 2.95). Dapatan ini disokong oleh dapatan pemerhatian penyelidik terhadap rekod dan dokumen Kem Bestari Solat di sekolah. Dua buah sekolah mendapat tahap baik dan enam buah sekolah sangat baik. Prestasi murid amat memberangsangkan dalam model ini. Dapatan ini selari dengan kajian Unit Kurikulum BPG tahun 2006 yang mendapati model ini sangat berkesan kepada amalan solat murid-murid. Dapatan ini tidak selari dengan kajian Khuzaifah pada tahun 2006 yang mendapati objektif program ini masih belum berjaya. Begitu juga ia tidak selari dengan laporan Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral negeri Sabah tahun 2006 yang menyatakan pencapaian objektif program ini masih terlalu jauh dari sasaran. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini selari dengan kajian Amri yang membuat kajian di Terengganu mendapati 92.7 peratus murid-murid telah dapat melakukan amali wuduk dengan sempurna. Penyelidik beranggapan ini merupakan petanda positif dalam pelaksanaan j-QAF kerana beberapa peningkatan telah dapat dicapai.

4.9.13 Hubungan Prestasi Markah Murid dalam Model-model j-QAF

Dapatan menunjukkan wujud hubungan yang sederhana (0.51 – 0.70) di antara prestasi murid dalam model-model j-QAF. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan hubungan sederhana antara prestasi Model Bahasa Arab dan Model Pemulihan Jawi (0.581), Model Pemulihan Jawi dan Model Khatam (0.694) dan Model Khatam dan Model Bahasa Arab (0.613). Manakala terdapat hubungan lemah dan sangat lemah antara Model Bestari Solat dengan model-model lain. Jelas bahawa kebolehan murid menguasai jawi berkait dengan penguasaan mereka terhadap Bahasa Arab dan bacaan al-Quran. Dapatan ini selari dengan laporan kajian Bahagian

Perancangan dan Pembangunan Dasar Pendidikan KPM pada tahun 1992 yang mendapati ada hubungan antara kebolehan membaca al-Quran dan kebolehan membaca dan menulis jawi. Dapatan ini juga selari dengan kajian Madiah pada tahun 1992 yang mengatakan kelemahan murid dalam penguasaan bacaan dan menulis jawi boleh mempengaruhi tahap penguasaan bacaan al-Quran mereka. Begitu juga kajian Maimunah pada tahun 1995 juga mendapati terdapat hubungan signifikan antara kebolehan dalam pelajaran jawi dengan membaca al-Quran. Penyelidik beranggapan sekiranya seorang pelajar sudah dapat membaca al-Quran di peringkat awal lagi, ia tidak akan menghadapi masalah mempelajari tulisan jawi, begitulah sebaliknya. Hubungan dengan Bahasa Arab pula ialah penggunaan huruf-huruf Arab adalah sama dengan penggunaan huruf-huruf jawi. Sekiranya pelajar boleh membaca al-Quran dan membaca jawi, maka tiada masalah untuk menguasai Bahasa Arab. Ini selari dengan kajian Asad Awang yang menyatakan Bahasa Arab amat penting dikuasai kerana bahasa ini ialah bahasa al-Quran.

Dalam Model Bestari Solat terdapat hubungan yang lemah dan sangat lemah dengan model-model lain. Penyelidik beranggapan memandangkan KBS dijalankan sebagai aktiviti kokurikulum, kemungkinan pendekatannya secara kem, demonstrasi dan simulasi memberi kesan yang tersendiri terhadap prestasi model ini. Dapatan ini juga menunjukkan potensi dan prestasi murid dapat dicungkil seperti yang disarankan dalam teori pelbagai kecerdasan oleh Howard Gardner. KBS yang banyak melibatkan aktiviti amali, psikomotor dan kinestetik telah dapat memberi peluang kepada murid menonjolkan kemahiran dan pencapaian murid dengan berkesan. Kaedah simulasi amali solat ini juga ternyata menimbulkan rasa minat dan seronok murid untuk

belajar. Dapatan ini selari dengan saranan JAPIM yang menekankan pelbagai kaedah dan teknik perlu diaplikasikan dalam pengajaran j-QAF.²⁸⁰ Penyelidik beranggapan meskipun murid-murid belum menguasai sepenuhnya pelajaran jawi dan tilawah al-Quran, murid-murid tersebut dapat membaca bacaan-bacaan dalam solat ketika dalam aktiviti Kem Bestari Solat. Prestasi model ini mempunyai lebih peningkatan berbanding model-model yang lain.

4.10 Perbincangan Kerangka Konseptual, Teori dan Model

Aspek penting yang dinilai dalam proses melaksanakan program j-QAF merangkumi aspek kepentingan, komitmen guru j-QAF dan sekolah, latihan perguruan, penggunaan BBM, penggunaan kaedah dan teknik, aspek pembelajaran murid dan prestasi murid. Mengikut kerangka kajian, jawapan dari responden yang terdiri dari guru j-QAF dan dapatan pemerhatian penyelidik terhadap guru j-QAF, pihak sekolah dan murid, telah memberikan hasil yang bertepatan dengan objektif kajian. Justeru, kerangka kajian yang dibina adalah tepat, bersesuaian (*applicable*) dan selari dengan tujuan kajian.

Dalam kajian ini terdapat beberapa teori dan model diperkenalkan. Teori Matlamat Kurikulum Pendidikan adalah melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai perkembangan yang menyeluruh meliputi aspek seperti sosial, jasmani, emosi, rohani, estetika dan etika kehidupan pelajar sebagai manusia yang berinteraksi dengan alam sekitar dan alam spiritual. Begitu juga kurikulum peringkat awal memberi penekanan kepada kemahiran-kemahiran asas seperti menulis dan

²⁸⁰ JAPIM (2006), *op.cit.*, h.52.

membaca.²⁸¹ Teori ini berkait rapat dengan kajian pelaksanaan j-QAF yang dijalankan oleh penyelidik dan hasil kajian kerana dapat menerangkan tentang matlamat kurikulum yang berkesan adalah bergantung kepada semua unsur, semua ciri dan semua nilai yang menuju ke arah matlamat yang jelas iaitu perkembangan individu yang menyeluruh melalui kurikulum j-QAF. Sekiranya pelaksanaan kurikulum j-QAF mengabaikan satu-satu aspek, ia akan menyebabkan ketidakseimbangan individu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Justeru, teori ini amat menyumbang kepada kajian ini.

Teori Structural-Fungsional yang berpegang kepada tiga rangkaian iaitu stabiliti, harmoni dan evolusi di mana dalam kajian ini merujuk kepada sekolah yang stabil, struktur organisasi yang harmoni saling bekerjasama dan perubahan (*evolusi*) yang berlaku dirangkum bersama. Semuanya berfungsi dan berjalan seiring dengan objektif yang hendak dicapai. Inilah proses yang berlaku dalam pelaksanaan kurikulum j-QAF dalam pengajaran Pendidikan Islam KBSR.

Teori Structural-Fungsional juga menekankan perlakuan sosial atau institusi dalam kegiatan yang menyumbang kepada pembangunan dari segi moral, rohani dan kebendaan. Berdasarkan kajian ini, institusi sekolah yang disokong oleh institusi keluarga memainkan peranan penting menentukan kelancaran program j-QAF. Pihak pentadbir, guru-guru dan guru j-QAF saling bekerjasama dan bantu membantu kerana matlamatnya adalah satu, untuk melahirkan insan yang berketrampilan mulia dan direndhai Allah S.W.T. Hasilnya program j-QAF dilaksanakan dengan baik.

²⁸¹ Sufean Hussin (1993), *op.cit.*, h. 148.

Kajian ini juga mengaplikasikan model Glaser yang menekankan empat faktor utama yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran iaitu pengetahuan, objektif, kaedah dan penilaian. Model ini berkait rapat dengan hasil kajian kerana dapat menerangkan interaksi antara pengetahuan, objektif (hasil pembelajaran) j-QAF, kaedah pengajaran j-QAF dan penilaian j-QAF yang dilaksanakan guru terhadap murid-murid. Empat faktor ini saling mempengaruhi dalam pelaksanaan program j-QAF dan faktor tersebut perlu diambil kira sepenuhnya untuk memudahkan guru j-QAF serta mereka yang terlibat mengaplikasikannya dalam pelaksanaan j-QAF.

Kajian ini juga mengaplikasikan Model Pembelajaran Masteri²⁸² yang menekankan enam aspek dalam P&P iaitu hasil pembelajaran yang jelas, aktiviti P&P yang berkesan dan menarik, BBM yang berkesan dan penilaian penguasaan 80 peratus aras masteri sesuatu unit sebelum berpindah ke unit baru. Kemudian, aktiviti pemulihan diberikan dan seterusnya aktiviti pengayaan untuk murid yang telah mencapai aras masteri. Model ini berkait rapat dengan hasil kajian kerana dapat menerangkan tentang pencapaian hasil pembelajaran dan prestasi murid, kemahiran guru menjalankan proses P&P j-QAF, pengaplikasian pelbagai kaedah dan teknik, penggunaan BBM dan seterusnya aktiviti pemulihan jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan amali solat dalam model-model j-QAF. Justeru, kedua-dua model ini dirasakan amat menyumbang kepada kajian ini.

²⁸² PPK (2001), *op.cit.*, h. 1-10.

4.11 Masalah dalam Pelaksanaan Kurikulum j-QAF

Pelaksanaan kurikulum j-QAF yang dicadangkan oleh Y.A.B Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mendapat reaksi yang pelbagai di peringkat awal pelaksanaannya. Setelah melalui beberapa tempoh masa, berlaku reaksi positif dari semua rakyat kerana kurikulum ini membantu murid-murid yang lemah dalam mata pelajaran jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan fardu ain. Secara tidak langsung ia membantu meringankan tugas ibu bapa yang kesempitan masa untuk mengajar anak-anak di rumah.

Sepanjang program ini dijalankan selama tiga tahun, timbul berbagai masalah yang masih dapat dikawal dan kadang-kadang di luar kawalan pihak-pihak terbabit. Kajian ini yang bertujuan melihat proses pelaksanaannya mendapati memang terdapat beberapa masalah yang timbul di samping prestasi positif kurikulum j-QAF yang telah dicapai. Di antara masalah yang telah dapat dikenal pasti antaranya:

4.11.1 Ketiadaan Bilik Khas Pemulihan Jawi

Dalam program pemulihan boleh dikatakan kebanyakan sekolah telah dapat mengadakan bilik khas pemulihan membaca dan menulis meskipun saiznya agak kecil. Namun perkara ini masih belum dapat diaplikasikan untuk model pemulihan jawi. Ketiadaan tempat dan keadaan sekolah agak terbatas untuk merealisasikan keperluan ini. Murid-murid pemulihan memerlukan pendekatan dan tumpuan yang agak berbeza daripada murid lain. Pelbagai kaedah dan teknik yang melibatkan pelbagai BBM perlu disediakan untuk merangsang pembelajaran mereka.

4.11.2 Pelaksanaan Kelas Tasmik

Meskipun min tahap sederhana tinggi telah dicapai terhadap kehadiran kelas tasmik, namun perkara ini masih perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Begitu juga dengan beberapa sekolah yang masih belum dapat melaksanakan kelas tasmik dengan lancar di luar jadual. Begitu juga kekurangan tenaga pengajar tasmik bagi sekolah yang mempunyai murid yang ramai, agak membebankan guru j-QAF. Sekiranya kelas tasmik tidak dilaksanakan secara optima, ini akan memberi kesan terhadap hasrat agar murid-murid di sekolah rendah akan khatam al-Quran.

4.11.3 Bahan-bahan j-QAF tidak sampai ke sekolah

Kajian mendapati terdapat bahan-bahan j-QAF tidak sampai kepada semua sekolah di Sabah. Di antaranya sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran, BRBA, buku teks Bahasa Arab, BBM dan lain-lain. Sistem pengagihan bahan di peringkat gabungan dan daerah dikatakan menghadapi masalah teknikal. Perkara ini perlu diberi perhatian serius kerana guru-guru yang berada jauh di pedalaman terutamanya, amat memerlukan bahan-bahan tersebut.

4.11.4 Pelaksanaan Model Bahasa Arab Komunikasi

Meskipun prestasi BAK boleh dikatakan agak memberangsangkan, penyelidik melahirkan sedikit rasa bimbang terhadap kemahiran komunikasi Bahasa Arab guru j-QAF. Telah disebutkan bahawa kebanyakan guru j-QAF Bahasa Arab yang telah dilantik ini bukannya berasal dari lulusan kuliah Bahasa Arab. Mereka terpaksa membuat persediaan mengajar yang kemas dan rapi sebelum memulakan sesi P&P.

Meskipun murid yang diajar adalah murid tahun satu dan tahun dua, guru j-QAF Bahasa Arab perlu memastikan terlebih dahulu istilah-istilah yang digunakan bertepatan dengan kaedah nahu dan *saraf* Bahasa Arab. Sedikit sebanyak perkara ini menjadi masalah kepada guru berkenaan kerana tanpa persediaan yang kemas, kemungkinan berlaku kesilapan tidak dapat dielakkan.

Masih terdapat sedikit kekangan untuk melaksanakan jadual Bahasa Arab di dalam waktu rasmi sekolah. Lebih-lebih lagi pelaksanaan sukatan baru Bahasa Arab Tahun Satu tahun ini yang menambah Bahasa Arab menjadi lima waktu.

4.11.5 Waktu Pemulihan Jawi Masih Tidak Mencukupi

Mengikut model pemulihan jawi, kelas tahun dua hingga tahun enam hanya mempunyai satu waktu pemulihan jawi dalam seminggu. Masa yang terlalu singkat ini agak tidak memadai untuk menjalankan proses pemulihan P&P.

4.11.6 Pelaksanaan Model Bestari Solat

Masih terdapat beberapa sekolah tidak dapat melaksanakan KBS empat kali setahun. Alasan yang dikemukakan seperti kekangan masa dan kewangan yang tidak mencukupi. Begitu juga terdapat maklum balas sebahagian kecil murid tidak dapat menghadirkan diri. Kekurangan tenaga guru sebagai fasilitator juga dikatakan menyumbang kepada masalah ini.

4.11.7 Pelaksanaan Model Khatam al-Quran

Pelaksanaan P&P Model khatam al-Quran di dalam kelas hendaklah dijalankan secara berpasukan di antara GPI dan dua atau tiga orang guru j-QAF. Kaedah ini disarankan oleh KPM bagi memastikan wujud hubungan kerjasama mengatasi masalah bacaan al-Quran murid. Namun terdapat beberapa sekolah tidak dapat mengaplikasikan kaedah ini. Perkara yang dikenal pasti adalah guru tidak sepakat menjalankan kaedah ini, guru lebih selesa mengajar murid masing-masing, di samping pengetahuan yang tidak mencukupi tentang kepentingan kaedah ini.

4.11.8 Kemahiran Tentang Ejaan Jawi Terkini (DBP)

Kaedah ejaan jawi telah dikemaskini oleh DBP mutakhir ini. Terdapat prinsip dan hukum ejaan baru yang diperkenalkan berbeza dengan kaedah Za'ba yang diamalkan oleh guru sejak dahulu. Pemerhatian penyelidik mendapati masih ramai guru j-QAF, GPI dan para guru yang masih belum terdedah dengan kaedah terbaru.

4.11.9 Jadual guru j-QAF agak membebankan

Terdapat beberapa sekolah yang mempunyai murid j-QAF yang ramai, namun guru j-QAF tidak mencukupi atau tidak ada penambahan guru j-QAF. Ini menyebabkan jadual waktu guru agak membebankan setelah dijumlahkan dengan kelas tasmik.

4.11.10 Jadual guru j-QAF terlalu sedikit

Sebaliknya, guru j-QAF yang bertugas di sekolah yang hanya mempunyai sebuah kelas tahun satu, menghadapi masalah jadual waktu yang terlalu sedikit. Selalunya hanya seorang guru dihantar ke sekolah sedemikian. Namun setelah dijumlahkan dua waktu Bahasa Arab, dua waktu jawi, empat waktu tilawah al-Quran dan lapan waktu tasmik, jumlahnya hanya 16 waktu. Sedangkan jumlah waktu yang paling sesuai untuk seorang guru di antara 20 hingga 28 waktu seminggu. Oleh itu, guru j-QAF telah diminta membantu mata pelajaran lain bagi mengisi jumlah waktu yang sesuai.

4.11.11 Sistem Komunikasi Tidak Berkesan

Terdapat beberapa maklumat yang perlu sampai kepada sekolah daripada pihak KPM, JPN, Gabungan dan Daerah, tetapi tidak diterima oleh pihak sekolah, atau lambat diterima. Beberapa masalah teknikal seperti sumber dan sistem komunikasi yang diamalkan tidak begitu berkesan.

4.11.12 Warga sekolah kurang maklumat tentang program ini

Guru-guru dan pihak sekolah sememangnya maklum tentang program j-QAF, tapi terdapat sebahagian warga sekolah tidak memahami sepenuhnya pelaksanaan program ini. Perkara ini disebabkan kurangnya maklumat dan tiada taklimat yang diberikan oleh Guru Besar atau guru j-QAF.

4.11.13 Sistem Maklumat Antara JAPIM dan Pihak BPG Kurang Berkesan

Penyelidik mendapati terdapat beberapa maklumat terkini berkenaan j-QAF tidak sampai ke pengetahuan Bahagian Pendidikan Guru dan pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia. Perkara ini menimbulkan masalah dalam kalangan pensyarah-pensyarah IPGM kerana mereka bertanggungjawab memberi latihan kepada guru j-QAF berkenaan.

4.12 Kesimpulan

Bab empat telah memaparkan analisis statistik dengan terperinci mengenai keputusan dan penemuan-penemuan daripada kajian yang dilakukan terhadap pelaksanaan j-QAF di sekolah rendah di Sabah. Dapatan kajian adalah merujuk kepada perolehan data pelaksanaan j-QAF tahun 2007 di sekolah-sekolah rendah di negeri Sabah. Hasil analisa keputusan kajian menggunakan pakej SPSS (*Statistical Package for Social Science Version 11.0 for Windows*). Analisa tentang keputusan dan penemuan kajian menggunakan kaedah deskriptif statistik frekuensi, peratusan dan min dan statistik inferensi iaitu korelasi Pearson. Seterusnya dapatan kajian pemerhatian juga dibentangkan bersama secara jadual frekuensi bagi menyokong dapatan soal selidik.

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini, tumpuan penulisan akan membincangkan pendekatan kajian, cadangan dan rumusan.

5.2 Pendekatan Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan soal selidik skala empat tahap dan kualitatif secara pemerhatian terhadap lapan buah sekolah rendah di Sabah. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat aspek pelaksanaan kurikulum j-QAF dalam masa tiga tahun pertama pelaksanaannya. Di samping itu, penyelidik juga ingin mengkaji hubungan antara prestasi murid dalam model-model j-QAF.

Sebelum kajian sebenar dijalankan terhadap guru j-QAF ambilan tahun 2007, kajian rintis telah dilaksanakan terlebih dahulu pada interaksi guru j-QAF bulan Ogos 2007 dengan melibatkan seramai 32 responden di IPGM Kampus Kent. Tujuan kajian rintis ialah untuk menguji kebolehpercayaan, kesahan alat ukur kajian serta untuk melihat sekiranya terdapat sebarang kekurangan atau kelemahan alat ukur sebelum kajian sebenar dijalankan. Hasil dari kajian rintis diproses dan dianalisa menggunakan kaedah *Alpha Cronbach program SPSS version 11.0*. Data yang diperolehi memuaskan kerana kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.9880.

Instrumen soal selidik terhasil daripada perbincangan dengan pensyarah-pensyarah pakar dalam bidang j-QAF dari IPGM yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan kurikulum j-QAF. Hasil item soal selidik telah ditunjukkan kepada pakar j-QAF dari IPGM Kampus Kent dan Kampus Gaya. Penyelidik juga merujuk kepada dua orang Ketua Jabatan daripada Kampus Kent yang berkecimpung secara langsung dalam pelaksanaan kurikulum dan Mod LPBS. Hasil item soal selidik telah ditunjukkan kepada pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya sebagai penyelia kajian. Beberapa perbincangan dan penambahbaikan telah dibuat terhadap item-item pemboleh ubah untuk mendapatkan hasil soal selidik yang menepati kehendak kajian.

Memandangkan penyelidik adalah pensyarah Kampus Kent yang bertugas secara langsung dalam pelaksanaan program latihan perguruan guru j-QAF, penyelidik telah menjalankan kajian ini kepada guru j-QAF yang menjalankan latihan di Kampus Kent. Walau bagaimanapun, penyelidik telah mendapat kebenaran untuk menjalankan kajian daripada Pengarah IPGM Kampus Kent. Manakala dalam menjalankan kajian kualitatif secara pemerhatian di sekolah, penyelidik telah menggunakan surat lantikan sebagai pensyarah pembimbing praktikum j-QAF yang dikeluarkan oleh pejabat Pengarah Kampus Kent untuk menjalankan kajian di sekolah apabila membuat lawatan penyeliaan.

Responden terdiri daripada pihak yang terlibat secara langsung dengan program j-QAF iaitu guru j-QAF. Semasa proses mengendalikan soal selidik, penyelidik telah mengedarkan, memberi penerangan dan mengutip sendiri soal selidik. Jumlah sebenar responden adalah seramai 74 orang guru j-QAF. Manakala

untuk menyokong data soal selidik, penyelidik telah membuat pemerhatian terhadap lapan buah sekolah rendah di Sabah yang mana penyelidik bertugas sebagai pensyarah pembimbing praktikum di sekolah berkenaan. Triangulasi digunakan dalam kaedah kualitatif pemerhatian iaitu penyelidik membuat pemerhatian terhadap tiga kumpulan responden iaitu guru j-QAF, pihak sekolah dan murid-murid di sekolah-sekolah yang berbeza.

Data soal selidik dianalisa dengan menggunakan Kaedah Statistik Deskriptif secara kekerapan, peratus, min dan Korelasi Pearson. Manakala data kualitatif secara pemerhatian telah dirumuskan oleh penyelidik dalam bentuk kekerapan dengan mengambil kira pemerhatian kali terakhir di sekolah berkenaan. Kaedah ini bersesuaian dengan objektif kajian yang bertujuan melihat pelaksanaan kurikulum j-QAF dalam masa tiga tahun pertama pelaksanaannya.

Daripada analisa kajian didapati guru j-QAF perempuan adalah lebih ramai daripada lelaki. Guru j-QAF perempuan ialah seramai 48 orang (64.9%) dan selebihnya lelaki seramai 26 orang (35.1%). Manakala dalam aspek pengalaman mengajar, hasil analisa mendapati majoriti responden mempunyai pengalaman mengajar sebelum memasuki profesion perguruan sebagai guru j-QAF iaitu 62.1 peratus (46 orang). Manakala 37.9 peratus (28 orang) tidak pernah mempunyai pengalaman mengajar sebelum ini.

Berkenaan opsyen guru j-QAF, opsyen Major Bahasa Arab dan opsyen major Pengajian Agama adalah sama banyak iaitu masing-masing 37 orang (50.0%). Walau bagaimanapun, guru j-QAF mempunyai dua opsyen minor iaitu mana-mana minor

Pengajian Agama, minor Bahasa Arab dan minor Pengajian al-Quran. Justeru, guru j-QAF diberi latihan perguruan semua opsyen mata pelajaran dan bertanggungjawab mengajarnya di sekolah. Berkenaan negeri asal guru j-QAF tersebut, hasil analisa mendapati hanya 13 orang (17.6%) adalah penduduk tempatan Sabah. Manakala sebahagian besar responden iaitu 82.4 peratus (61 orang) adalah berasal dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Meskipun penyelidik tidak bertujuan mengkaji kaitan pemboleh ubah ini terhadap pelaksanaan j-QAF, penyelidik akan mengaitkan pemboleh ubah ini dalam komitmen guru j-QAF dalam bahagian 5.3.3

5.3 Cadangan

Daripada hasil kajian ini, penyelidik ingin memberi beberapa cadangan kepada pihak KPM, pengurusan sekolah, GPI, semua guru, guru j-QAF, ibu bapa, semua pelajar dan kepada pihak yang berminat dengan kajian ini:

5.3.1 Cadangan Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

KPM yang dimaksudkan di sini adalah semua bahagian yang terlibat dalam KPM yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan j-QAF seperti JAPIM, Pusat Perkembangan Kurikulum, Unit Kurikulum, BPG, SPPIM dan Jabatan Pelajaran di setiap peringkat dan lain-lain. Pertama, penyelidik menyarankan agar maklumat dan informasi yang jelas hendaklah sentiasa disebarkan kepada masyarakat tentang program j-QAF ini. Pelbagai saluran komunikasi hendaklah digunakan umpamanya

siaran-siaran di radio dan televisyen. Ini bertujuan mengelakkan sebarang kekaburan dan kekeliruan orang ramai tentang pelaksanaan dan hala tuju program ini.

Penerangan yang jelas juga hendaklah dipastikan sampai kepada setiap pengurusan sekolah, warga sekolah dan guru j-QAF sendiri. Bimbingan dan pemantauan hendaklah dijalankan secara berterusan terhadap setiap sekolah bagi memastikan tidak ada sekolah yang tercicir dan terpercil daripada program ini. Program motivasi dan kursus-kursus hendaklah terus diberikan kepada guru j-QAF bertujuan meningkatkan profesionalisme guru dan kesedaran tentang besarnya tanggungjawab mereka sebagai pendidik ke arah melahirkan generasi yang berilmu, beriman dan beramal. Ini bersesuaian dengan saranan William dan Cannings yang menyatakan pelaksanaan adalah satu aspek penting dalam perkembangan kurikulum, namun begitu, tumpuan yang diberi kepada aspek ini seringkali tidak seimbang dengan tumpuan berat yang diberi kepada aspek penggubalan kurikulum.²⁸³ Ini disokong oleh laporan Nik Aziz Nik Pa dan Ng See Ngean yang mengatakan, pelaksanaan sesuatu kurikulum baru memerlukan sistem pengesanan yang berterusan seperti mengumpul maklumat dan data bagi tujuan penilaian. Maklumat dan data tersebut adalah penting bagi menilai keberhasilan pelaksanaan kurikulum dan melaksanakan modifikasi yang sebaik-baiknya.²⁸⁴ Saranan ini perlu diambil tindakan oleh KPM bersesuaian dengan saranan kajian ini.

Kedua, unjuran pengambilan guru j-QAF hendaklah ditambah lagi kerana terdapat kes-kes kekurangan guru j-QAF di beberapa sekolah yang terletak di

²⁸³ William, R., & Cannings, T (1981), *The Dilemma of American Educational Reform*. In J. Price & J. Gawronski (Eds), *Changing School Mathematics*. Reston: NCTM.

²⁸⁴ Nik Aziz et al. (1991), *op.cit.*, h. 65.

kawasan penduduk berkepadatan tinggi seperti bandar dan pinggir bandar. Masalah ini telah dikenalpasti di beberapa buah sekolah sekitar Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Begitu juga sekolah yang tidak mendapat penambahan guru j-QAF perlu disenaraikan. Justeru penyelidik mencadangkan pengagihan guru j-QAF perlu dilaksanakan sesuai dengan keperluan sekolah untuk meningkatkan P&P dan untuk memastikan kurikulum yang dirancang dan digubal akan mencapai objektifnya. Sekiranya masalah ini tidak ditangani, tidak mustahil objektif kurikulum j-QAF untuk memperkasakan Pendidikan Islam akan gagal lagi. Cadangan ini bertepatan dengan kajian Khuzaifah berkenaan masalah ini.²⁸⁵

Begitu juga segala maklumat terkini tentang j-QAF hendaklah dimaklumkan kepada pihak BPG dan pihak IPGM kerana mereka bertanggungjawab memberi latihan perguruan guru j-QAF. Sekiranya pihak sekolah menerima maklumat sedangkan pihak BPG tidak mendapat maklumat, sudah pasti akan timbul kekeliruan yang boleh menjejaskan pelaksanaan j-QAF.

Begitu juga pemantauan KPM terhadap sistem penyampaian bahan-bahan j-QAF ke sekolah-sekolah perlu diperkemaskan. Ini disebabkan bahan-bahan tersebut masih ada yang belum sampai ke sekolah. Di antaranya sukatan pelajaran, huraian sukatan pelajaran, BRBA, buku teks Bahasa Arab, BBM dan lain-lain.

Ketiga, berkenaan kekurangan waktu pemulihan jawi, mungkin pihak KPM perlu merancang pendekatan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini. Menurut

²⁸⁵ Khuzaifah (2006), *op.cit.*, h. 45.

Norhawati, masa 30 minit seminggu adalah tidak mencukupi untuk pelajaran jawi.²⁸⁶ Demikian juga peruntukan masa 30 minit seminggu untuk tahun dua ke atas dirasakan terlalu singkat dan tidak memadai untuk memulihkan murid j-QAF. Begitu juga peruntukan kewangan untuk setiap murid dalam Kem Bestari Solat perlu dikaji semula. Peruntukan yang ada sekarang amat berkurangan dan pihak sekolah merasa terbeban melaksanakan program tersebut sebanyak empat kali setahun dengan modal yang terhad. Bertepatan dengan kajian Abdul Aziz sumber kewangan juga menjadi penghalang pelaksanaan kokurikulum Pendidikan Islam.²⁸⁷

Keempat, pemilihan dan lantikan guru j-QAF hendaklah bersesuaian dengan kelulusan guru tersebut. Terutamanya guru Bahasa Arab hendaklah dilantik daripada kalangan guru yang mempunyai kelulusan Bahasa Arab yang sesuai. Begitu juga untuk meningkatkan kemahiran GPI dan guru j-QAF dalam ejaan jawi terkini, KPM perlu melaksanakan kursus-kursus jawi yang menyeluruh dan memastikan setiap guru terdedah dengan kemahiran jawi baru.

Sistem komunikasi peringkat dalaman KPM dan sektor-sektor hendaklah diperkemaskan. Umpamanya maklumat yang perlu disampaikan ke sektor-sektor yang berlainan hendaklah dilaksanakan dengan lebih efisien. Komunikasi berkesan perlu dilaksanakan bagi memastikan semua perancangan akan menghasilkan objektif yang diharapkan.

Begitu juga reformasi Pendidikan Islam perlu memberi perhatian terhadap beberapa bidang. Pertama, bidang latihan dalam perkhidmatan. Pihak KPM perlu

²⁸⁶ Norhawati Salimuddin (2000), *op.cit.*, h. 8.

²⁸⁷ Abdul Aziz Mat Jais (2000), *op.cit.*, h. 77.

menjalankan proses pengurusan yang teratur umpamanya memberi latihan dan kursus yang mencukupi dan berterusan terhadap guru j-QAF, bukannya bermusim atau tiada langsung. Kedua, keperluan asas guru. Segala keperluan asas guru seperti buku teks, BBM, peralatan dan sebagainya hendaklah disediakan dengan lengkap. Ketiga, peranan organisasi sekolah. KPM perlu terus memastikan organisasi sekolah menjalankan peranan dengan baik dan sempurna. Sistem pemantauan dan bimbingan yang berterusan perlu dilaksanakan dengan efisien. Program mempertingkatkan mutu kepimpinan guru besar sekolah, mempertingkatkan budaya ilmu dan mengatasi masalah kurang kemudahan fizikal sekolah. Tanpa reformasi, guru akan mengajar dengan menggunakan pendekatan lama, manakala murid-murid pula akan belajar dengan cara lama. Model P&P berasaskan fahaman neo-behaviorisme (teori R-G) akan terus bertapak dan berkembang dalam sistem pendidikan seperti itu. Apa yang berubah hanyalah sukatan pelajaran, buku teks, buku kerja dan nama program sahaja.

5.3.2 Kepada Guru j-QAF

Guru j-QAF hendaklah sentiasa sedia belajar dan meningkatkan lagi kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk menjadi guru j-QAF yang berkesan. Kemahiran tentang kaedah dan teknik mengajar, kemahiran membina dan menggunakan BBM, kemahiran psikologi pendidikan, kemahiran ICT, kemahiran komunikasi dan kepimpinan guru hendaklah sentiasa ditingkatkan. Ilmu dan kemahiran bukannya boleh diperolehi dalam tempoh yang singkat dan sekelip mata, namun perlu dipelajari dan terus difahami dari semasa ke semasa tanpa mengenal rasa jemu.

Guru j-QAF hendaklah sentiasa merujuk kepada pihak yang sepatutnya seperti pentadbir sekolah, guru-guru *senior*, jabatan pelajaran dan sebagainya bagi memastikan segala maklumat yang terkini berada dalam pengetahuan dan tindakan guru j-QAF. Guru j-QAF juga hendaklah sentiasa bersedia menerima teguran dan penambahbaikan dari sesiapa sahaja termasuk rakan sekerja dan ibu bapa serta mewujudkan hubungan yang baik dengan semua pihak. Sekiranya telah wujud hubungan dan persefahaman yang baik, pelaksanaan j-QAF akan lebih berkesan kerana terdapat kerjasama dan bantu membantu meringankan tanggungjawab yang dipikul.

Keberkesanan sesuatu kurikulum banyak bergantung kepada keupayaan guru melaksanakannya. Bertepatan dengan saranan Allan A. Glatthorn, guru merupakan orang yang paling bertanggungjawab melaksanakan kurikulum.²⁸⁸ Oleh itu setiap guru j-QAF mestilah mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang isi kandungan j-QAF yang hendak diajar, ilmu pedagogi dan ilmu psikologi pendidikan. Guru j-QAF hendaklah sentiasa memotivasikan diri dan sentiasa bersemangat meneruskan tugas mendidik anak murid. Ini bersesuaian dengan peranan guru Pendidikan Islam adalah sebagai *muallim*, *mudarris*, *muaddib*, *murabbi* dan *mursyid*.²⁸⁹ Guru j-QAF juga hendaklah menjalankan peranan dalam masyarakat, kerana merekalah yang arif tentang ilmu keagamaan dan boleh dirujuk oleh masyarakat sekitar.

²⁸⁸ Allan A. Glatthorn (1924), *op.cit.*, h. 10.

²⁸⁹ Unit Kurikulum BPG (2005), *op.cit.*, h. 8.

5.3.3 Kepada Pihak Sekolah dan Guru-guru

Pihak sekolah dan pentadbir sekolah hendaklah memberi bimbingan, bantuan dan sokongan padu kepada guru j-QAF melaksanakan tugas ini. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum KPM, Guru Besar merupakan ketua organisasi bagi melahirkan staf yang komited dan sebagai seorang pengurus yang dapat membimbing mereka yang patuh kepada peraturan kurikulum.²⁹⁰ Justeru peranan pihak sekolah penting bagi memastikan kelancaran pelaksanaan kurikulum. Program j-QAF yang telah menjadi aspirasi negara dan cetusan idea Perdana Menteri, harus dipikul oleh semua pihak. Adalah kurang sesuai sekiranya beban tugas ini diserahkan sepenuhnya kepada guru j-QAF kerana fungsi guru j-QAF adalah pembantu kepada GPI menyempurnakan objektif PI di sekolah. Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan jelas menggariskan bahawa objektif utama pendidikan di sekolah adalah melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dengan berpaksikan kepercayaan kepada Tuhan. Tugas mendidik anak bangsa adalah tanggungjawab dan cabaran yang perlu dipikul oleh setiap warga pendidik. Perjalanan kelas tasmik misalnya perlu diberi bantuan oleh GPI dan guru-guru yang berkebolehan membaca al-Quran dengan baik. Begitu juga dengan tenaga fasilitator KBS perlu digembleng di sekolah bagi memastikan KBS berjalan dengan jayanya.

Persatuan j-QAF di sekolah hendaklah dibentuk dan melaksanakan aktiviti secara proaktif. Pentadbiran sekolah perlu memantau perjalanan persatuan ini agar benar-benar menepati saranan penubuhannya. Pihak sekolah juga perlu mengadakan pertemuan dengan ibu bapa dan memberi penjelasan berkenaan kurikulum j-QAF

²⁹⁰ PPK (2001), *op.cit.*, h. 5.

terutama pelaksanaan kelas tasmik, kem bestari solat dan penawaran BAK kepada pelajar non muslim. Pihak sekolah juga perlu melihat dan merancang untuk merealisasikan kelas khas pemulihan jawi seperti yang disarankan KPM. Terdapat ruang yang mungkin boleh diubah suai untuk melaksanakan tujuan tersebut.

Pihak sekolah perlu mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa dan memberi taklimat tentang kurikulum j-QAF dan pelaksanaannya. Penjelasan perlu diberikan tentang penawaran mata pelajaran Bahasa Arab kepada semua murid, kehadiran murid dalam kelas tasmik dan KBS. Sekiranya ibu bapa faham, penyelidik yakin ibu bapa akan mengambil berat tentang penglibatan anak-anak mereka dalam j-QAF.

